



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

LAPORAN EKONOMI

SEKTOR KOPERASI

2024

**"KELESTARIAN KOPERASI
MEMPERKASA EKONOMI
MADANI"**

LAPORAN EKONOMI

SEKTOR KOPERASI

2024





**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

ISSN 0128-1941



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-20834000
Faks : 03-20834100
E-Mel : webmaster@skm.gov.my

Terbitan Secara Tahunan

Dicetak oleh :



No. 43 Jalan AUD/7,
Lembah Keramat,
54200 Kuala Lumpur

Tel : 017-283 0925
E-Mel : emtrax.ent@gmail.com

BAB 1 - LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2024

Ekonomi Malaysia Tahun 2024

Ekonomi Sektor Koperasi 2024

Sisipan: Pindaan Akta 502, Memudahcara Pendaftaran Koperasi

BAB 2 - AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Perkhidmatan Kewangan

Sisipan Aktiviti Kredit
Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad

Perkhidmatan Bukan Kewangan

Jualan MADANI Koperasi

Sisipan Aktiviti Pengguna
Koperasi Pekerja-Pekerja Shell Malaysia Berhad

Aktiviti Pengangkutan

Sisipan Aktiviti Pengangkutan
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad

Aktiviti Pertanian

Sisipan Aktiviti Pertanian
Koperasi Ladang Berhad
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad

Aktiviti Pembinaan

Sisipan Aktiviti Pembinaan
Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad

BAB 3 - PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI

Pengenalan

Ekonomi Sektor Koperasi Di Tahun 2024

Tinjauan Ekonomi Sektor Koperasi 2025

BAB 4 - MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

Model Perniagaan Koperasi Sebagai Pemacu Ekonomi Rakyat

Pemeriksaan Perniagaan Koperasi Melalui Koperasi Menengah

Keusahawanan Sosial Di Malaysia

Program Penggalakan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (SE.RASI)

Aktiviti Perladangan

Tumpuan Kepada Aktiviti Perladangan Kelapa Sawit, Getah Dan Koko

Sisipan Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau Sabah Berhad:

Menyokong Pekebun Kecil Melalui Amalan Sawit Mampan

Aktiviti Perladangan Getah Dalam Gerakan Koperasi Malaysia

Sisipan Aktiviti Getah Koperasi Pekebun Kecil Daerah Larut Matang Berhad

Industri Koko dan Penglibatan Gerakan Koperasi Di Malaysia

Aktiviti Hartanah oleh Koperasi Di Malaysia

Sisipan Aktiviti Hartanah Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad (KOPKETA)

Pendigitalan Dalam Perniagaan Koperasi

Mengangkat Potensi Desa: Peranan Koperasi Dalam Memacu

Agropelancongan Tempatan

Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) Geran Katalis Sektor Pelancongan Koperasi

Kelarai: Dari Alam Ke Hasil Seni

BAB 5 - PENCAPAIAN DASAR 2024 DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KOPERASI

Pengenalan

Perkembangan Dasar Pembangunan Nasional

Dasar Dan Program Khusus Pembangunan Koperasi

Pencapaian Dasar Dan Program Pembangunan

Koperasi Tahun 2024

Isu Dan Cabaran Pembangunan Koperasi

Prospek Pembangunan Koperasi Malaysia

Penutup

PENULIS LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2024

PERUTUSAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bismillahirrahmannirahim.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2024 telah diterbitkan dengan jayanya. Laporan ini memainkan peranan penting dalam memberikan gambaran menyeluruh mengenai prestasi dan sumbangan gerakan koperasi kepada ekonomi sepanjang tahun 2024. Ia turut menyoroti prospek serta potensi masa hadapan yang mampu memperkukuh daya saing koperasi dalam ekosistem ekonomi negara.

Sektor koperasi terus membuktikan keupayaannya sebagai pemangkin pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan. Pada tahun 2024, sebanyak 16,284 koperasi telah berdaftar di seluruh negara dengan keanggotaan melebihi 7.2 juta orang. Pencapaian perolehan gerakan koperasi turut melonjak sebanyak 6% kepada RM68.18 bilion berbanding tahun sebelumnya dengan nilai aset koperasi mencatatkan RM173.35 bilion. Melalui semangat kerjasama dan solidariti anggota, koperasi bukan sahaja memperkukuh kesejahteraan ekonomi

komuniti, malah menjadi wadah penting dalam memperluas pengagihan kemakmuran kepada masyarakat.

Selaras dengan aspirasi Ekonomi Madani, koperasi berperanan bukan sekadar entiti perniagaan, tetapi juga sebagai platform pembangunan nilai – memupuk keadilan, tanggungjawab sosial dan kesejahteraan bersama. Pendekatan ini menyerlahkan koperasi sebagai model ekonomi berteraskan keseimbangan antara keuntungan, nilai kemanusiaan dan kemakmuran sejagat.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada sidang pengarang serta semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2024. Semoga laporan ini menjadi rujukan bernilai dan sumber inspirasi dalam memperkukuh gerakan koperasi ke arah masa depan yang lebih mampan dan gemilang.

Salam hormat dan terima kasih.

(NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK)



RINGKASAN

EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2024 memperincikan prestasi dan perkembangan semasa gerakan koperasi di Malaysia yang terus menunjukkan ketahanan dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar. Sektor koperasi mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil, dengan peningkatan jumlah perolehan dan aktiviti perniagaan merentasi pelbagai sektor. Aktiviti kewangan terus mendominasi sumbangan kepada pendapatan keseluruhan gerakan koperasi pada kadar 91%, manakala selebihnya disumbang oleh aktiviti bukan kewangan seperti perkhidmatan, pertanian, pembinaan, dan pembuatan. Pencapaian ini menzahirkan keupayaan koperasi menyesuaikan strategi operasi dan memperkuat tadbir urus bagi kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran ekonomi yang kompetitif.

Koperasi bukan sekadar entiti perniagaan berasaskan keuntungan tetapi merupakan instrumen pembangunan

masyarakat berteraskan semangat kerjasama dan solidariti. Sejak lebih seratus tahun lalu, gerakan koperasi telah berkembang daripada mekanisme membantu golongan berpendapatan rendah kepada sistem ekonomi yang dinamik dan berperanan penting dalam menyokong pembangunan sosioekonomi negara. Gerakan Koperasi mempunyai prospek yang cerah untuk menjadi pelengkap kepada ekonomi arus perdana, bahkan sebagai medium penghubung antara kepentingan ekonomi, sosial dan kelestarian serta mencapai aspirasi Ekonomi Madani.

Secara keseluruhannya, laporan ini menegaskan bahawa sektor koperasi kekal sebagai komponen penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Dengan komitmen terhadap transformasi digital, inovasi perniagaan dan tadbir urus berintegriti, gerakan koperasi berada pada landasan kukuh untuk terus menyumbang ke arah pembinaan masyarakat yang sejahtera, mampan dan inklusif menjelang tahun-tahun mendatang.



Sektor koperasi mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil, dengan peningkatan jumlah perolehan dan aktiviti perniagaan merentasi pelbagai sektor.



BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2024

Ekonomi Malaysia Tahun 2024

Ekonomi Sektor Koperasi 2024

Sisipan: Pindaan Akta 502, Memudahcara Pendaftaran Koperasi

BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2024

EKONOMI MALAYSIA TAHUN 2024

Tahun 2024 menyaksikan ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi kukuh dengan perkembangan yang positif dan stabil serta pertumbuhan luar jangka dengan perkembangan sebanyak 5.1% berbanding 3.6% pada tahun 2023. Pertumbuhan ekonomi Malaysia turut didorong oleh permintaan dalam negara yang terus berkembang serta pemulihan eksport yang diberi penekanan oleh kerajaan dalam merencanakan lagi ekonomi Malaysia. Dari segi faktor luaran, eksport dilihat pulih sejajar dengan pertumbuhan global yang stabil, peningkatan kitaran teknologi yang berterusan serta ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Keadaan ini memberikan sokongan kepada akaun semasa, yang menghasilkan lebih sebanyak 1.7% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2024 (1.5% pada 2023). Kerajaan juga turut memberi penekanan pada perbelanjaan mengikut keutamaan negara dan pemulihan dalam aktiviti pelancongan.

Perbelanjaan sektor swasta terus menjadi teras kepada pengembangan permintaan domestik, disokong oleh asas-asas ekonomi dan kewangan negara yang kukuh, serta suntikan sentimen pengguna dan sektor perniagaan yang positif. Penggunaan swasta diunjurkan meningkat sebanyak 5.7% pada tahun 2024 (2023:4.7%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik. Pengurangan kadar pengangguran kepada 3.3% dengan pertumbuhan guna tenaga yang semakin meningkat. Sementara itu, pertumbuhan pendapatan diunjurkan akan didorong oleh upah yang tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Antara langkah awal yang diambil oleh kerajaan adalah peluasan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan pembayaran insentif awal kepada penjawat awam. Langkah yang diambil ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan pengguna dan isi rumah.

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) juga berkembang pada kadar 6.2% (2023: 5.2%). Faktor peningkatan ini disebabkan oleh kemasukan pelaburan struktur serta jentera dan kelengkapan (*machinery dan equipment, M&E*) bagi memenuhi permintaan yang kian bertambah. Projek-projek pemangkin dan bidang tumpuan di bawah pelan induk utama negara iaitu Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030*) dan Pelan Hala Tuju Peralihan

Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap, NETR*) dijangka memberikan sokongan kepada aktiviti pelaburan. Pelaksanaan pelaburan di bawah industri seperti elektrik dan elektronik (E&E), kimia, farmaseutikal, bahan termaju, tenaga boleh diperbaharui dan kenderaan elektrik boleh diketengahkan bagi memberikan kesan limpahan positif serta berterusan kepada ekonomi di masa hadapan. Penggunaan awam pula dianggarkan berkembang sebanyak 3.2% (2023: 3.9%). Pertumbuhan akan terus disokong oleh perbelanjaan emolumen berikutan kenaikan gaji tahunan untuk penjawat awam dan lantikan baharu dalam sektor awam. Walau bagaimanapun, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana, selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan.

Jika dilihat dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi terus berkembang pada tahun 2024. Pertumbuhan sektor perkhidmatan dan perkilangan akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan. Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 5.5% (2023:5.3%), pertumbuhan ini adalah didorong oleh peningkatan dalam subsektor berkaitan perniagaan. Sebahagian daripada pemulihan ini turut didorong oleh pelaksanaan perjalanan tanpa visa selama 30 hari bagi warganegara China dan India serta perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan berikutan pasaran pekerja yang bertambah baik.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 3.5% (2023:0.7%), disokong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam kelompok elektrik dan elektronik (E&E). Pengeluaran E&E diunjurkan meningkat dengan sederhana pada separuh masa pertama tahun 2024 dengan pemulihan lebih kukuh dijangka pada separuh tahun kedua. Kitaran teknologi global pada tren menaik didorong oleh peningkatan permintaan luaran terhadap pelbagai teknologi digital pada masa kini. Terutamanya melibatkan rangkaian internet, 5G dan kenderaan elektrik.

Sektor pembinaan pula mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.7% (2023: 6.1%). Peningkatan ini adalah didorong oleh pelbagai aktiviti dalam bidang kejuruteraan awam, pertukangan khas serta kediaman. Pada masa kini, pembinaan pelbagai projek infrastruktur besar termasuk projek-projek berskala kecil menyumbang kepada pertumbuhan peningkatan ini. Seajar dengan peningkatan pertumbuhan pelbagai sektor

ekonomi, sektor perlombongan turut berkembang pada kadar 3.5% (2023:1.0%). Peningkatan ini disebabkan oleh pengeluaran telaga-telaga minyak utama di Sarawak yang memberi sumbangan peningkatan utama bagi sektor ini.

Walau bagaimanapun, sektor pertanian menguncup kepada 0.5% (2023:0.7%), kerana keadaan cuaca kering yang dikaitkan dengan El Nino dan kesan kurang pembajaan pada tahun-tahun terdahulu menyebabkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, latihan berterusan dalam kalangan pekerja asing akan menyokong pengeluaran melalui produktiviti yang lebih tinggi. Cuaca buruk juga boleh menjejaskan subsektor pertanian lain seperti penanaman padi dan perikanan.


Belanjawan 2024 merupakan satu langkah besar dalam perkembangan ekonomi Malaysia di mana pendapatan negara diperkukuh dengan pelbagai cukai baharu dan pindaan

cukai jualan dan perkhidmatan. Subsidi diperhalusi bagi mengurangkan beban fiskal. Kerajaan akan mengguna asas ekonomi yang kukuh untuk memakmur dan tumpuan segera adalah mewujudkan negara keusahawanan dalam pembangunan ekonomi. Sektor koperasi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) turut menerima manfaat daripada pembentangan belanjawan 2024 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan memberi fokus bagi penstrukturan ekonomi koperasi dengan menyalurkan sebanyak RM100 juta dana pembiayaan kepada gerakan koperasi melalui Tabung Modal Pusingan (TMP) Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Penyaluran dana TMP ini dijangka akan melonjakkan ekonomi gerakan koperasi di Malaysia. Secara keseluruhannya, belanjawan 2024 ini menguatkan asas ekonomi yang kukuh dan struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai telah memberi Malaysia keupayaan dalam menghadapi rintangan dan cabaran ekonomi pada masa kini serta mengetengahkan solusi yang ampuh bagi membantu usahawan dan koperasi.

EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2024

Kejayaan yang dicapai oleh gerakan koperasi selepas lebih 100 tahun telah membuka mata seluruh masyarakat bahawa gerakan koperasi di Malaysia merupakan sektor ketiga selepas sektor awam dan sektor swasta yang berperanan penting sebagai penyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif (DKN2030).

Rajah 1.1: Bilangan Koperasi Berdaftar Tahun 2020 hingga 2024



Berdasarkan Rajah 1.1, bilangan koperasi berdaftar menunjukkan peningkatan pada setiap tahun dengan purata pertumbuhan sebanyak 2.7% setahun. Bilangan koperasi berdaftar menunjukkan pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2022 dan 2023 berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 3.2%.


Jadual 1.1: Bilangan Koperasi Berdaftar Mengikut Negeri

NEGERI	BILANGAN KOPERASI		PERATUS (%)	TREN
	2023	2024		
IBU PEJABAT	3	3	-	-
JOHOR	1,490	1,458	-2.15	MENURUN
KEDAH	1,003	1,034	3.09	MENAIK
KELANTAN	974	1,013	4.00	MENAIK
MELAKA	487	504	3.49	MENAIK
NEGERI SEMBILAN	780	787	0.90	MENAIK
PAHANG	1,178	1,173	-0.42	MENURUN
PERAK	1,734	1,757	1.33	MENAIK
PERLIS	249	258	3.61	MENAIK
PULAU PINANG	809	816	0.87	MENAIK
SABAH	1,798	1,994	10.90	MENAIK
SARAWAK	1,190	1,213	1.93	MENAIK
SELANGOR	2,115	2,189	3.50	MENAIK
TERENGGANU	828	871	5.19	MENAIK
WILAYAH PERSEKUTUAN	1,171	1,214	3.67	MENAIK
JUMLAH	15,809	16,284	3.00	MENAIK

Berdasarkan Jadual 1.1, bilangan koperasi berdaftar mengikut negeri di Malaysia menunjukkan tren menaik pada tahun 2024 dengan purata peningkatan sebanyak 3.0%. Peningkatan bilangan koperasi dengan tren menaik adalah antara julat 0.9% sehingga 10.9%. Manakala, bilangan koperasi dengan tren menurun adalah antara julat 0.4% sehingga 2.1%. Negeri Sabah menunjukkan

peningkatan tertinggi bilangan koperasi sebanyak 10.9% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Negeri Johor menunjukkan penurunan tertinggi bilangan koperasi sebanyak 2.1% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

Rajah 1.2: Bilangan Anggota Koperasi Tahun 2020 hingga 2024



Menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993, anggota ditafsirkan seseorang atau sesuatu koperasi yang turut sama dalam permohonan pendaftaran sesuatu koperasi dan telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi itu dan seseorang atau sesuatu koperasi yang diterima menjadi anggota koperasi mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang kecilnya selepas pendaftaran.

Berdasarkan Rajah 1.2, jumlah keanggotaan koperasi pada tahun 2024 adalah seramai 7,207,179 anggota. Keanggotaan koperasi menunjukkan peningkatan dari tahun 2020 hingga tahun 2022 dengan purata peningkatan sebanyak 6.0%. Namun, mencatatkan sedikit penurunan pada tahun 2023 dan 2024 dengan purata sebanyak 0.75%.


Jadual 1.2: Bilangan Anggota Mengikut Negeri

NEGERI	BILANGAN ANGGOTA		PERATUS (%)	TREN
	2023	2024		
IBU PEJABAT	908,898	900,749	-0.90	MENURUN
JOHOR	482,857	470,864	-2.48	MENURUN
KEDAH	285,302	280,786	-1.58	MENURUN
KELANTAN	314,761	315,677	0.29	MENAIK
MELAKA	178,225	172,690	-3.11	MENURUN
NEGERI SEMBILAN	192,503	192,711	0.11	MENAIK
PAHANG	305,721	307,699	0.65	MENAIK
PERAK	356,685	365,078	2.35	MENAIK
PERLIS	62,621	62,562	-0.09	MENURUN
PULAU PINANG	170,125	175,189	2.98	MENAIK
SABAH	369,619	376,559	1.88	MENAIK
SARAWAK	313,917	320,326	2.04	MENAIK
SELANGOR	648,633	654,727	0.94	MENAIK
TERENGGANU	242,009	240,733	-0.53	MENURUN
WILAYAH PERSEKUTUAN	2,388,288	2,370,829	-0.73	MENURUN
JUMLAH	7,220,164	7,207,179	-0.18	MENURUN

Berdasarkan Jadual 1.2, bilangan keanggotaan koperasi mengikut negeri di Malaysia menunjukkan tren menurun pada tahun 2024 dengan purata penurunan sebanyak 0.18%. Peningkatan keanggotaan koperasi mengikut negeri dengan tren menaik adalah antara julat 0.11% sehingga 2.98%. Manakala, keanggotaan koperasi mengikut negeri dengan tren menurun

adalah antara julat 0.09% sehingga 3.11%. Negeri Pulau Pinang menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 2.98% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Negeri Melaka menunjukkan penurunan tertinggi sebanyak 3.11% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

Rajah 1.3: Jumlah Perolehan Koperasi Tahun 2020 hingga 2024



Berdasarkan Rajah 1.3, jumlah perolehan koperasi pada tahun 2024 meningkat sebanyak 6.0% dari tahun 2023. Secara purata, jumlah perolehan koperasi bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2024 menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 14.7%.


Jadual 1.3: Jumlah Perolehan Koperasi Mengikut Negeri

NEGERI	PEROLEHAN (RM JUTA)		PERATUS (%)	TREN
	2023	2024		
IBU PEJABAT	51,895.69	53,713.37	3.50	MENAIK
JOHOR	836.67	824.57	-1.45	MENURUN
KEDAH	425.96	424.37	-0.37	MENURUN
KELANTAN	609.74	660.73	8.36	MENAIK
MELAKA	156.88	181.64	15.78	MENAIK
NEGERI SEMBILAN	190.05	187.06	-1.57	MENURUN
PAHANG	1,072.76	979.82	-8.66	MENURUN
PERAK	694.15	706.37	1.76	MENAIK
PERLIS	35.11	47.17	34.35	MENAIK
PULAU PINANG	517.58	623.96	20.55	MENAIK
SABAH	677.82	774.45	14.26	MENAIK
SARAWAK	368.97	411.48	11.52	MENAIK
SELANGOR	706.31	796.23	12.73	MENAIK
TERENGGANU	699.9	737.50	5.37	MENAIK
WILAYAH PERSEKUTUAN	5,673.27	7,114.65	25.41	MENAIK
JUMLAH	64,560.86	68,183.37	5.61	MENAIK

Berdasarkan Jadual 1.3, jumlah perolehan koperasi mengikut negeri di Malaysia menunjukkan tren menaik pada tahun 2024 dengan purata peningkatan sebanyak 6.0%. Peningkatan jumlah perolehan koperasi mengikut negeri dengan tren menaik adalah antara julat 1.8% sehingga 34.4%. Manakala, jumlah perolehan koperasi mengikut negeri yang menunjukkan tren menurun adalah antara julat 0.4% sehingga 8.7%.

Sebanyak 78.8% perolehan koperasi tahun 2024 disumbangkan oleh koperasi di bawah seliaan ibu pejabat (Jumlah: RM 53 bilion). Negeri Perlis menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 34.4% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 walaupun nilai sumbangan kepada keseluruhan perolehan adalah 0.07% (Jumlah: RM47.1 juta).

Rajah 1.4: Jumlah Aset Koperasi Tahun 2020 hingga 2024



Aset merupakan elemen penting dalam pengurusan kewangan dan operasi perniagaan koperasi serta memberikan pelbagai manfaat dan fungsi dalam mencapai matlamat yang ditetapkan untuk anggotanya. Pengurusan aset yang baik dapat meningkatkan keyakinan pihak luar seperti bank dan institusi kewangan lain

terhadap koperasi dan cenderung menarik minat lebih ramai individu menjadi anggota koperasi. Rajah 1.4 menunjukkan jumlah aset mencatatkan peningkatan dari tahun 2020 hingga 2024 dengan purata pertumbuhan sebanyak 3.6%.


Jadual 1.4: Jumlah Aset Koperasi Mengikut Negeri

NEGERI	ASET (RM JUTA)		PERATUS (%)	TREN
	2023	2024		
IBU PEJABAT	129,622.81	135,917.51	4.86	MENAIK
JOHOR	1,397.76	1,411.45	0.98	MENAIK
KEDAH	754.00	771.27	2.29	MENAIK
KELANTAN	2,185.64	1,898.04	-13.16	MENURUN
MELAKA	557.78	598.66	7.33	MENAIK
NEGERI SEMBILAN	400.72	404.15	0.86	MENAIK
PAHANG	1,560.16	1,705.56	9.32	MENAIK
PERAK	1,549.20	1,560.67	0.74	MENAIK
PERLIS	137.50	142.65	3.75	MENAIK
PULAU PINANG	1,054.55	1,171.35	11.08	MENAIK
SABAH	945.48	1,008.15	6.63	MENAIK
SARAWAK	651.40	703.54	8.00	MENAIK
SELANGOR	2,692.26	2,816.07	4.60	MENAIK
TERENGGANU	738.53	791.14	7.12	MENAIK
WILAYAH PERSEKUTUAN	21,647.31	22,449.59	3.71	MENAIK
JUMLAH	165,895.10	173,349.79	4.49	MENAIK

Berdasarkan Jadual 1.4, jumlah aset koperasi mengikut negeri di Malaysia menunjukkan tren menaik pada tahun 2024 dengan purata peningkatan sebanyak 4.49%. Peningkatan jumlah aset koperasi mengikut negeri dengan tren menaik adalah antara julat 0.74% sehingga 11.08%.

Sebanyak 78.4% aset koperasi tahun 2024 disumbangkan oleh koperasi di bawah seliaan ibu pejabat (Jumlah: RM135 bilion). Negeri Pulau Pinang menunjukkan peningkatan tertinggi aset sebanyak 11.08% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Negeri Kelantan menunjukkan penurunan aset pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

Rajah 1.5: Jumlah Syer dan Yuran Koperasi Tahun 2020 hingga 2024



Menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993, syer adalah bahagian dalam modal syer sesuatu koperasi yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan keanggotaannya dalam koperasi itu. Manakala, yuran ditafsirkan jumlah wang yang disumbangkan pada lat masa yang ditetapkan oleh seseorang anggota berkenaan keanggotaannya dalam suatu koperasi dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya.

Berdasarkan Rajah 1.5, jumlah syer dan yuran koperasi menunjukkan peningkatan pada setiap tahun dengan purata pertumbuhan sebanyak 3.75%. Jumlah syer dan yuran pada tahun 2024 mencatatkan peningkatan pertumbuhan hampir dua kali ganda berbanding tahun 2022 dan 2023, iaitu sebanyak 5.0%.

Jadual 1.5: Jumlah Syer dan Yuran Koperasi Mengikut Negeri

NEGERI	SYER DAN YURAN (RM JUTA)		PERATUS (%)	TREN
	2023	2024		
IBU PEJABAT	4,248.28	4,606.77	8.44	MENAIK
JOHOR	321.02	322.77	0.55	MENAIK
KEDAH	357.98	353.24	-1.32	MENURUN
KELANTAN	436.44	441.58	1.18	MENAIK
MELAKA	109.25	107.06	-2.01	MENURUN
NEGERI SEMBILAN	123.24	123.69	0.37	MENAIK
PAHANG	448.95	452.15	0.71	MENAIK
PERAK	563.27	557.96	-0.94	MENURUN
PERLIS	68.46	67.97	-0.72	MENURUN
PULAU PINANG	260.74	263.68	1.13	MENAIK
SABAH	256.07	273.37	6.75	MENAIK
SARAWAK	228.24	231.04	1.23	MENAIK
SELANGOR	785.83	789.34	0.45	MENAIK
TERENGGANU	290.54	302.48	4.11	MENAIK
WILAYAH PERSEKUTUAN	8,950.33	9,433.82	5.40	MENAIK
JUMLAH	17,448.65	18,326.91	5.03	MENAIK

Berdasarkan Jadual 1.5, jumlah syer dan yuran koperasi mengikut negeri di Malaysia menunjukkan tren menaik pada tahun 2024 dengan purata peningkatan sebanyak 5.03%. Peningkatan jumlah syer dan yuran koperasi mengikut negeri dengan tren menaik adalah antara julat 0.37% sehingga 8.44%. Manakala, jumlah

syer dan yuran koperasi mengikut negeri yang menunjukkan tren menurun adalah antara julat 0.72% sehingga 2.01%. Sebanyak 25% syer dan yuran koperasi tahun 2024 disumbangkan oleh koperasi di bawah seliaan ibu pejabat (Jumlah: RM4.6 bilion).

Jadual 1.6: Perangkaan Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2024

KLUSTER	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER & YURAN (RM JUTA)	ASET (RM JUTA)	PEROLEHAN (RM JUTA)
BESAR	332	3,095,821	15,984.16	166,696.71	65,799.06
SEDERHANA	591	760,925	1,351.23	3,419.21	1,328.18
KECIL	1,853	1,515,886	550.85	1,797.81	773.69
MIKRO	13,508	1,834,547	440.67	1,436.07	282.44
JUMLAH	16,284	7,207,179	18,326.91	173,349.79	68,183.37

Koperasi dari kluster besar merupakan koperasi yang mempunyai perolehan tahunan RM5 juta dan ke atas, manakala koperasi dari kluster sederhana memperoleh perolehan RM1 juta hingga RM5 juta setahun. Koperasi kluster kecil mencapai perolehan RM200,000.00 hingga RM1 juta setahun. Manakala, koperasi kluster mikro adalah koperasi dengan perolehan kurang dari RM200,000.00 setahun.

Dari segi saiz, terdapat 332 koperasi dalam kluster besar, 591 koperasi dalam kluster sederhana dan selebihnya 15,361 koperasi

dalam kluster kecil dan mikro. Sungguhpun bilangan koperasi besar hanya 2.0%, ia menyumbang sebanyak 96.5% kepada perolehan keseluruhan gerakan koperasi. Kebanyakan koperasi dalam kluster ini adalah koperasi kredit dan perbankan. Koperasi kluster sederhana menyumbang 1.9% manakala koperasi kecil dan mikro menyumbang 1.5% kepada keseluruhan perolehan gerakan koperasi.

Jadual 1.7: Perangkaan Koperasi Mengikut Peringkat Tahun 2024

PERINGKAT	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER & YURAN (RM JUTA)	ASET (RM JUTA)	PEROLEHAN (RM JUTA)
ATASAN	1	11,522	-	454.38	151.64
MENENGAH	89	896,644	4,734.71	136,234.43	54,497.13
ASAS	16,194	6,299,013	13,592.20	36,660.98	13,534.60
JUMLAH	16,284	7,207,179	18,326.91	173,349.79	68,183.37

Koperasi atasan ialah pertubuhan yang dianggotai oleh koperasi menengah sahaja atau gabungan koperasi menengah dan koperasi asas, yang ditubuhkan dengan tujuan untuk memudahkan urusan dan perjalanan koperasi-koperasi tersebut, dan boleh didaftarkan di bawah Akta Koperasi sebagai koperasi atasan. Koperasi atasan di Malaysia adalah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau dikenali ANGKASA.

Koperasi menengah ialah pertubuhan yang dianggotai oleh koperasi asas sahaja, yang ditubuhkan dengan tujuan untuk

memudahkan urusan dan perjalanan koperasi-koperasi asas tersebut, dan boleh didaftarkan di bawah Akta Koperasi sebagai koperasi menengah. Contoh koperasi menengah adalah Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad dan Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad.

Koperasi asas ialah pertubuhan yang dianggotai oleh individu sahaja, yang ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi, dan boleh didaftarkan di bawah Akta Koperasi sebagai koperasi asas.

Jadual 1.8: Klasifikasi Berdasarkan Kumpulan Sasar TransKoM, 2024

KLASIFIKASI	KUMPULAN SASAR	SYER & YURAN (RM JUTA)	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	ASET (RM JUTA)	PEROLEHAN (RM JUTA)
GABUNGAN KOPERASI	3	110.54	86	17,279	1,196.76	1,084.49
PEKERJAAN	15	3,313.96	2,844	1,099,282	9,783.31	3,806.13
PENDIDIKAN	19	224.65	2,865	2,321,856	1,125.85	788.50
AGensi AWAM DAN SWASTA	16	14,434.21	5,664	3,395,488	160,138.02	61,913.50
KOMUNITI SOSIAL	7	114.39	2,510	191,198	672.14	383.00
KUMPULAN KHAS	8	129.17	2,315	182,076	433.71	207.75
JUMLAH	68	18,326.91	16,284	7,207,179	173,349.79	68,183.37

Berdasarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025, penubuhan koperasi diklasifikasikan kepada enam kumpulan utama yang merangkumi 68 kumpulan sasar seperti dalam Jadual 1.8. Klasifikasi agensi awam dan swasta merangkumi 16 kumpulan sasar terdiri daripada syarikat berkaitan kerajaan, kakitangan badan berkanun negeri dan

persekutuan, pekerja jabatan dan agensi, peneroka FELDA dan peserta FELCRA mencatat sebanyak 5,664 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 3,395,488 orang dan jumlah aset dan perolehan masing-masing sebanyak RM160.14 bilion dan RM61.9 bilion jauh melebihi lima kumpulan sasar utama yang lain.

Sisipan: Pindaan Akta 502, Memudahkan Pendaftaran Koperasi

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah mengumumkan pindaan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) kepada Akta Koperasi (Pindaan) 2021 (Akta A1634) yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2021. Akta A1634 ini adalah terpakai kepada semua koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pindaan Akta Koperasi 1993 ini telah diluluskan

di Dewan Rakyat pada 17 Disember 2020 dan Dewan Negara pada 29 Disember 2020. Akta A1634 ini telah mendapat perkenan Diraja pada 26 Januari 2021 serta telah diwartakan pada 2 Februari 2021.

Antara pindaan yang dilaksanakan berkaitan permohonan pendaftaran koperasi adalah seperti dalam Jadual 1.9.

Jadual 1.9: Pindaan Permohonan Pendaftaran Koperasi

BIL	PERKARA	SEDIA ADA (ORANG)	PINDAAN (ORANG)
1	Perenggan 5(1)(a) Akta Koperasi 1993: Permohonan pendaftaran koperasi asas	50	20
2	Perenggan 6(1)(a) Akta Koperasi 1993: Penandatanganan borang permohonan pendaftaran	10	5
3	Perenggan 6(2)(a) Akta Koperasi 1993: Penandatanganan minit mesyuarat agung permulaan	25	10
4	Subseksyen 8(1) Akta Koperasi 1993: Peruntukan khas dalam keadaan tertentu	20	5

Objektif pindaan akta ini bertujuan untuk memperkukuh elemen pengawalseliaan ke atas koperasi, menggalakkan pengamalan pematuhan sendiri, memastikan sektor koperasi relevan dengan perkembangan ekonomi semasa dan memudah cara gerakan koperasi untuk terlibat dalam bidang perniagaan.

Antaranya, sebelum ini syarat permohonan pendaftaran koperasi asas seperti di subseksyen 5(1) Akta Koperasi 1993 memerlukan sekurang-kurangnya 50 orang bagi permohonan pendaftaran telah dipinda kepada sekurang-kurangnya 20 orang.

Bagi peruntukan khas dalam keadaan tertentu di subseksyen 8(1) Akta Koperasi 1993, sesebuah koperasi asas boleh dipertimbangkan untuk didaftarkan jika koperasi itu terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 16 koperasi asas telah didaftarkan melalui peruntukan khas ini.

BAB 2

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Perkhidmatan Kewangan

**Sisipan Aktiviti Kredit
Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad**

Perkhidmatan Bukan Kewangan

Jualan MADANI Koperasi

**Sisipan Aktiviti Pengguna
Koperasi Pekerja-Pekerja Shell Malaysia Berhad**

Aktiviti Pengangkutan

**Sisipan Aktiviti Pengangkutan
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad**

Aktiviti Pertanian

**Sisipan Aktiviti Pertanian
Koperasi Ladang Berhad
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad**

Aktiviti Pembinaan

**Sisipan Aktiviti Pembinaan
Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad**

BAB 2

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Koperasi merupakan sebuah entiti ekonomi yang ditubuhkan berasaskan prinsip-prinsip koperasi seperti bantuan diri sendiri, tanggungjawab bersama, demokrasi, kesaksamaan, dan solidariti. Aktiviti ekonomi koperasi dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial anggota melalui pemilikan bersama dan pengurusan secara demokratik.

Dalam konteks pembangunan sosioekonomi negara, koperasi memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan, serta menyediakan perkhidmatan dan keperluan asas kepada masyarakat setempat. Melalui pelbagai aktiviti ekonomi yang dijalankan, koperasi bukan sahaja berfungsi sebagai saluran pengagihan kekayaan yang lebih saksama, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Bagi tujuan pengelasan dan analisis, aktiviti koperasi ditakrifkan berdasarkan sistem pengelasan rasmi iaitu *Malaysian Standard Industrial Classification* (MSIC). MSIC membolehkan aktiviti koperasi dikategorikan secara sistematik mengikut sektor ekonomi, selaras dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa. Antara sektor utama yang terkandung dalam klasifikasi MSIC termasuk:

- Pertanian, perhutanan dan perikanan
- Pembuatan
- Pembinaan
- Perlombongan dan Pengkuarian
- Perkhidmatan
 - Perdagangan borong dan runcit
 - Pengangkutan dan penyimpanan
 - Aktiviti kewangan dan insurans/takaful
 - Perkhidmatan pendidikan
 - Aktiviti kesihatan dan kebajikan sosial, dan lain-lain.

Berdasarkan Perangkaan Gerakan Koperasi Tahun 2024, tiada koperasi yang tidak terlibat di dalam aktiviti sektor perlombongan dan pengkuarian.

Perolehan sektor koperasi tahun 2024 telah disumbangkan oleh tiga aktiviti utama iaitu:

- Perkhidmatan Kewangan
- Perkhidmatan Lain
- Perdagangan borong dan runcit


Jadual 2.1: Perolehan aktiviti koperasi tahun 2024

BIL	AKTIVITI	JUMLAH PEROLEHAN (RM BILION)	PERATUSAN
1	Perkhidmatan Kewangan	59,626.96	87.45%
2	Perkhidmatan Bukan Kewangan	6,584.66	9.66%
3	Pertanian	1,689.57	2.48%
4	Lain-lain aktiviti	282.18	0.41%
JUMLAH		68,183.37	100.00%

Perkhidmatan kewangan adalah merangkumi aktiviti perbankan dengan perolehan berjumlah RM53.56 bilion dan aktiviti kredit sebanyak RM6.07 bilion. Perkhidmatan bukan kewangan mewakili aktiviti pengguna sebanyak RM2.22 bilion, aktiviti pengangkutan sebanyak RM774.88 juta dan lain-lain perkhidmatan sebanyak RM3.59 bilion.

Pertanian menyumbang perolehan sebanyak RM1.69 bilion dan Lain-lain aktiviti yang dijalankan oleh koperasi seperti aktiviti perumahan, pembinaan dan pembuatan sebanyak RM282.18 juta.

Rajah 2.1: Pecahan Mengikut Aktiviti



PERKHIDMATAN KEWANGAN

AKTIVITI KREDIT DAN PERBANKAN

Sejarah perkembangan koperasi di Malaysia bermula tahun 1922 dengan pelaksanaan aktiviti jimat cermat dan pinjam meminjam yang kini dikenali sebagai aktiviti kredit. Pelaksanaan aktiviti ini adalah bermatlamat membantu meringankan beban para anggota pada ketika itu dan perkhidmatan yang ditawarkan koperasi sangat diperlukan dan masih kekal sehingga kini walaupun telah menjangkau 100 tahun gerakan koperasi di negara ini.

Pertumbuhan dan perubahan sektor kewangan sejak sekian lama telah membantu menambah baik taraf kehidupan dan mata pencarian kebanyakan penduduk di Malaysia. Selaras dengan arus pembangunan ekonomi negara, pertumbuhan gerakan koperasi di Malaysia dipacu oleh aktiviti kewangan iaitu perbankan dan kredit. Pada tahun 2024, sebanyak 557 koperasi atau 3.4% dari keseluruhan 16,284 koperasi menjalankan aktiviti ini.

Koperasi perbankan adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama). Bank Rakyat telah menyumbang pendapatan sebanyak RM7.09 bilion dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan pada tahun 2024 adalah sebanyak RM39.5 bilion. Co-opbank Pertama pula menjana pendapatan sebanyak RM622 juta dengan jumlah pembiayaan dikeluarkan berjumlah RM6 bilion.

Pengelasan koperasi kredit terbahagi kepada dua iaitu koperasi yang menjalankan aktiviti kredit sebagai aktiviti utama koperasi dan koperasi bukan kredit yang menjalankan aktiviti kredit sebagai aktiviti sampingan. Sepanjang tahun kewangan 2024, sebanyak 557 buah koperasi telah melaksanakan aktiviti kredit dan jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM6.06 bilion.

Sisipan Aktiviti Kredit

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, atau lebih dikenali sebagai KATMB didaftarkan pada 12 November 1960 dan merupakan sebuah koperasi kredit yang unggul dan berwibawa di Malaysia. Sejak penubuhannya, KATMB telah memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan kewangan kepada warga Angkatan Tentera dan kumpulan sasar yang berkaitan. Dengan berpaksikan prinsip syariah dan tadbir urus yang cekap, koperasi ini telah berkembang menjadi antara koperasi premier dan paling berdaya tahan dalam negara.

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2024, aktiviti kredit kekal sebagai tunjang utama kepada pertumbuhan dan kelangsungan operasi KATMB. Melalui pendekatan kewangan Islam yang mampan serta sistem pengurusan risiko yang berhemah, koperasi telah berjaya menawarkan pelbagai kemudahan kredit yang memberi manfaat langsung kepada 163,618 orang anggotanya.

Gambar 2.1: Rerurai KATMB sempena Hari Terbuka Angkatan Tentera Malaysia pada 4 Oktober sehingga 6 Oktober 2024



Antara bentuk kredit yang paling utama ialah pembiayaan peribadi patuh syariah, yang ditawarkan kepada anggota tetap, pesara serta kakitangan awam di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia. Pada tahun 2024, KATMB telah mengeluarkan pembiayaan peribadi bersih sebanyak RM513.5 juta iaitu peningkatan sebanyak 9.56% daripada RM468.7 juta yang dikeluarkan dalam tahun 2023. Skim ini dilaksanakan berasaskan prinsip Bai' al-Inah, lengkap dengan perlindungan takaful dan struktur bayaran balik yang fleksibel, selaras dengan kedudukan kewangan dan kemampuan anggota.

Selain itu, koperasi juga telah mengukuhkan portfolio pembiayaan kontrak, khusus untuk pembekal dan vendor yang berurusan secara langsung dengan Kementerian Pertahanan dan agensi berkaitan. Pada tahun 2024, KATMB telah mengeluarkan pembiayaan perniagaan bersih berjumlah RM594.3 juta kepada 34 perniagaan yang berkecayaan melibatkan pelbagai sektor bekalan termasuk logistik, pembinaan kecil, ICT dan peralatan ketenteraan.

Gambar 2.2: Jenis produk dan pembiayaan yang disediakan oleh KATMB.



(Sumber: Media Sosial Rasmi KATMB)

KATMB turut merekodkan paras bayaran balik yang stabil dan terkawal, hasil daripada sistem pemantauan pinjaman yang berstruktur serta penguatkuasaan yang efektif terhadap

tunggakan. Aktiviti kredit yang dijalankan ini bukan sahaja menambah kecekapan aliran tunai koperasi, bahkan turut menjana keyakinan yang tinggi dalam kalangan anggota terhadap kebolehpayaan koperasi dalam menyokong keperluan kewangan mereka.

Secara keseluruhan, bagi tahun 2024, jumlah pembiayaan kredit yang diluluskan merentasi semua skim melebihi RM1.5 bilion, sekaligus menyumbang lebih 80% daripada pendapatan operasi koperasi secara keseluruhan. Aktiviti kredit terus menjadi asas kekuatan KATMB dalam menyampaikan perkhidmatan kewangan yang adil, cekap dan bertanggungjawab kepada anggotanya di seluruh negara.

Gambar 2.3: Program agihan bubur lambuk sinar kasih ramadan tahun 2024



KATMB turut sentiasa menitikberatkan tanggungjawab sosial dan kebajikan anggotanya. Dalam tahun 2024, telah mengagihkan sumbangan dan bantuan bernilai RM1.6 juta seperti berikut:

Jadual 2.2: Perincian agihan sumbangan Koperasi

JENIS SUMBANGAN	JUMLAH (RM)	BIL. PENERIMA (ORANG)
Bantuan Pendidikan (Dermasiswa, Insentif Kecemerlangan dan Bantuan Sekolah)	796,300	2,519
Bantuan Perubatan	432,600	1,106
Sumbangan Am	533,100	1,093
Khairat Kematian	598,600	299

PERKHIDMATAN BUKAN KEWANGAN

AKTIVITI PENGGUNA

Aktiviti pengguna dalam konteks koperasi adalah merujuk kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti ekonomi yang melibatkan transaksi pembelian, penjualan, dan penyediaan barangan atau perkhidmatan bagi memenuhi keperluan harian anggota koperasi dan masyarakat umum. Koperasi pengguna biasanya ditubuhkan untuk menstabilkan harga barangan, menjamin bekalan, dan meningkatkan kebajikan anggota yang memberikan impak yang signifikan terhadap perolehan tahunan koperasi. Pada tahun 2024, sebanyak 3,987 koperasi telah aktif terlibat dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti perdagangan, borong, dan runcit, mencakupi pelbagai subaktiviti. Ini menunjukkan betapa pentingnya sektor ini dalam menyumbang kepada kemakmuran ekonomi koperasi.

Terdapat tujuh subaktiviti yang berada di bawah payung perdagangan, borong, dan runcit, di mana setiap satu daripadanya memberikan impak positif terhadap keseluruhan perolehan sektor ini. Antara subaktiviti yang paling menonjol adalah kedai runcit, yang merangkumi pasar mini, Coop Community Mart, Kedai Runcit TUKAR, serta Kedai COOP 1Malaysia. Kumpulan kedai runcit ini mencatatkan peratusan kedua tertinggi dalam pendapatan, dengan jumlah keseluruhan yang membanggakan sebanyak RM662.1 juta. Kejayaan ini jelas menunjukkan keefektifan dan daya saing model perniagaan koperasi dalam pasaran, serta peranan pentingnya dalam memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Jadual 2.3: Sub aktiviti di bawah aktiviti perdagangan, borong dan runcit

BIL	AKTIVITI	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)	PERATUSAN
1	Kedai Runcit dan Pasaraya	662.1	28.51%
2	Stesen Minyak / Peruncitan Minyak / Jual Runcit Bahan Api	1,091.4	46.99%
3	Jual runcit buku, Majalah, surat khabar dan alat tulis	329.6	14.19%
4	Rangkaian Restoran, Penjaja, Kantin	55.6	2.39%
5	DC/SUB-DC	80.3	3.46%
6	Produk Keluaran Koperasi	94.7	4.08%
7	Jual Berasaskan Tekstil	8.7	0.37%
JUMLAH		2,322.4	100%

JUALAN MADANI KOPERASI

SKM komited untuk terus memperkasakan penglibatan koperasi dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit bagi membantu Kerajaan menangani kenaikan kos sara hidup. Program Jualan MADANI yang telah diperkenalkan secara menyeluruh pada tahun 2020 sehingga kini telah membantu merencanakan semula ekonomi koperasi terutama sektor pemborongan dan peruncitan yang terjejas sebelum ini dengan menggalakkan anggota dan orang ramai agar membuat pembelian barangan keperluan asas/harian seperti gula, tepung, beras, telur, minyak masak serta produk makanan dan minuman keluaran koperasi pada

harga yang lebih murah sehingga 20% daripada harga pasaran tempatan. Pada tahun 2024, sebanyak 74 koperasi telah dilantik sebagai operator jualan.

Program Jualan MADANI ini adalah bertujuan untuk meringankan beban masyarakat terutamanya warga koperasi yang terkesan dalam mendepani cabaran ekonomi yang dilaksanakan di premis perniagaan koperasi serta kawasan-kawasan terbuka. Program Jualan MADANI juga dapat meningkatkan pendapatan koperasi seterusnya dapat meningkatkan taraf sosioekonomi anggota dengan faedah yang diterima daripada koperasi.

Pada tahun 2024, sebanyak 46 Program Jualan Madani Koperasi telah dilaksanakan yang telah memberi manfaat kepada 23,668 di kalangan anggota koperasi dan masyarakat setempat. Program ini merekodkan jualan sebanyak RM1.5 juta kepada koperasi yang dilantik sebagai operator jualan.

Jadual 2.4: Prestasi Program Jualan MADANI di seluruh Malaysia pada tahun 2024

BIL.	NEGERI	JUMLAH PROGRAM JUALAN	JUMLAH INSENTIF (SUBSIDI) (RM)	JUMLAH JUALAN (RM)
1	Johor	1	10,000.00	23,760.00
2	Kedah	2	20,000.00	38,519.00
3	Kelantan	4	25,000.00	61,988.00
4	Melaka	3	20,000.00	41,349.00
5	Negeri Sembilan	2	14,500.00	54,297.00
6	Pahang	1	12,000.00	43,800.00
7	Perak	3	30,000.00	83,323.00
8	Perlis	1	6,000.00	29,340.00
9	Pulau Pinang	2	15,000.00	73,350.00
10	Sabah	11	104,000.00	394,096.00
11	Sarawak	3	20,000.00	86,800.00
12	Selangor	4	70,000.00	165,819.00
13	Terengganu	2	20,000.00	91,238.00
14	Wilayah Persekutuan	2	20,000.00	32,893.00
15	Ibu Pejabat	5	85,000.00	284,479.00
JUMLAH		46	471,500.00	1,505,051.00

Sisipan Aktiviti Pengguna

Koperasi Pekerja-Pekerja Shell Malaysia Berhad

Koperasi Pekerja-Pekerja Shell Malaysia Berhad (KPSMB) merupakan antara entiti koperasi yang berdaya saing dan progresif di Malaysia. Ditubuhkan atas semangat memperkasa kebajikan dan keupayaan ekonomi warga kerja Shell Malaysia, koperasi ini bukan sahaja aktif dalam bidang kewangan, bahkan turut terlibat dalam aktiviti bukan kewangan yang memberikan

impak besar kepada anggotanya. Antara inisiatif utama yang menjadi teras kepada aktiviti bukan kewangan KPSMB ialah pengoperasian stesen minyak milik koperasi yang terletak secara strategik di sepanjang Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

Gambar 2.4: Stesen minyak milik KPSMB bertempat di Lebuhraya NKVE



Stesen minyak ini bukan sekadar menjadi premis perniagaan, bahkan berfungsi sebagai simbol keberhasilan koperasi dalam menyertai sektor komersial arus perdana. Terletak di kawasan ber trafik tinggi, stesen ini menawarkan pelbagai perkhidmatan asas seperti penjualan petrol dan diesel, penyediaan kemudahan kedai serbaneka, serta ruang istirahat lengkap dengan surau dan tandas awam. Penawaran ini tidak hanya memenuhi keperluan pengguna lebuh raya, malah memperkukuh peranan koperasi sebagai penyedia perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan.

Sehingga 31 Disember 2024, stesen minyak tersebut telah mencatatkan prestasi operasi yang amat memberangsangkan. Jumlah jualan bahan api telah mencecah 60.5 juta, manakala hasil jualan daripada kedai serbaneka pula direkodkan sebanyak RM2.7 juta. Secara purata, stesen ini menerima lebih

daripada 45,000 transaksi pelanggan setiap bulan, suatu angka yang membuktikan tahap kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Di samping itu, sebanyak 16 orang tenaga kerja tetap telah diambil bekerja di stesen ini, termasuk dalam kalangan keluarga anggota koperasi, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan sosioekonomi komuniti.

Keuntungan kasar yang dijana daripada operasi stesen ini berjumlah RM3.7 juta, memberikan impak positif kepada keseluruhan kewangan koperasi. Hasil ini bukan sahaja menambah kukuh aliran tunai koperasi, malah memperluas keupayaannya untuk melaksanakan lebih banyak program kebajikan dan pelaburan bagi manfaat ahli. Dalam konteks ini, aktiviti bukan kewangan terbukti mampu menjadi pemangkin kepada kelestarian koperasi dalam jangka panjang.

Gambar 2.5: Kedai serbaneka di stesen minyak Shell milik KPSMB



Menyedari keperluan untuk terus maju dalam landskap ekonomi yang mencabar, KPSMB merancang beberapa inisiatif penambahbaikan bagi tahun 2024. Antaranya ialah memperkenalkan sistem pembayaran tanpa tunai sepenuhnya, program kesetiaan pelanggan berasaskan aplikasi mudah alih, serta penggunaan tenaga boleh diperbaharui melalui pemasangan panel solar. Usaha ini diharap dapat meningkatkan kecekapan operasi dan memperkukuh reputasi koperasi sebagai entiti yang berinovasi dan berwawasan jauh.

Kesimpulannya, penglibatan KPSMB dalam pengurusan stesen minyak di NKVE merupakan bukti nyata bahawa koperasi mampu menjadi pemain utama dalam sektor perniagaan strategik. Dengan pengurusan yang cekap dan perancangan yang rapi, aktiviti bukan kewangan seperti ini bukan sahaja menguntungkan dari segi kewangan, malah menyumbang kepada pembangunan mampan komuniti dan negara.

Jadual 2.5: Senarai 10 buah koperasi dengan pendapatan stesen minyak tertinggi

BIL.	NAMA KOPERASI	JENIS STESEN / LOKASI	PENDAPATAN 2024 (RM)
1	Koperasi Pekerja-Pekerja Shell Malaysia Berhad	Shell (NKVE)	63.25 juta
2	Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad	- Caltex (Changloon) - Shell (Jalan Langgar) - Petron (Alor Sena)	63.24 juta
3	Koperasi Pelaburan Pekerja-Pekerja Kejora Kota Tinggi Berhad	Petronas (Desaru)	52.69 juta
4	Koperasi Kakitangan Petronas Berhad	Petronas: - Keramat AU2, Kuala Lumpur - Brickfields, Kuala Lumpur - Mukim Sermin, Segamat Johor - Buluh Kasap, Johor	45.22 juta
5	Koperasi LLM Berhad	Petronas (Kajang Silk)	40.08 juta
6	Koperasi Serbaguna Dara Berhad	Petronas: - Bandar Muadzam Shah (Stesen Serbis) - Muadzam Shah (Stesen Lebuhraya)	36.49 juta
7	Koperasi Perbadanan Perak Berhad	Petronas: - Bandar Meru Raya - Lebu Meru Raya	32.85 juta
8	Koperasi Pembangunan Daerah Langkawi Berhad	Petronas Langkawi	29.45 juta
9	Koperasi Peneroka Felda Chini Satu Pekan Berhad	Petronas Felda Chini, Pekan	20.94 juta
10	Koperasi Serbaguna Felda Bukit Goh (KOBUKITGOH) Berhad	- Petron - Shell	20.58 juta

AKTIVITI PENGANGKUTAN

Aktiviti pengangkutan oleh koperasi melibatkan penyediaan perkhidmatan kenderaan bagi tujuan membawa penumpang atau barangan, sama ada kepada anggota koperasi atau masyarakat umum. Aktiviti ini boleh menjadi sumber pendapatan tetap yang kukuh jika diurus secara tersusun dan memenuhi keperluan pasaran tempatan.

Sebahagian besar koperasi yang menjalankan aktiviti pengangkutan adalah terdiri daripada koperasi di Rancangan Pembangunan Tanah seperti FELDA, FELCRA, dan RISDA. Aktiviti pengangkutan yang dikendalikan oleh koperasi Rancangan Pembangunan Tanah ini adalah mengangkut hasil pertanian ke kilang pemprosesan. Keseluruhan pendapatan bagi koperasi

yang melaksanakan aktiviti mengangkut hasil ini adalah RM219.23 juta.

Selain itu, terdapat juga koperasi yang melaksanakan aktiviti perkhidmatan penyediaan teksi dan bas sekolah dan henti-henti. Sebanyak 201 buah koperasi yang melaksanakan perkhidmatan tersebut yang telah menyumbang perolehan sebanyak RM1.2 juta bagi tahun kewangan 2024.

Penyumbang terbesar perolehan koperasi di dalam aktiviti pengangkutan adalah Koperasi Felda Tersang Dua Berhad bagi tahun 2024 iaitu sebanyak RM55 juta disusuli oleh Koperasi Felda Kerteh Lima Ketengah Jaya Terengganu Berhad dengan jumlah perolehan sebanyak RM15.6 juta.

Sisipan Aktiviti Pengangkutan

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad terus melakar pencapaian yang membanggakan sebagai antara koperasi luar bandar yang progresif, berdaya tahan dan berwawasan. Melalui pelaksanaan aktiviti pengangkutan yang dirancang secara strategik dan berteraskan keperluan logistik pertanian, khususnya dalam pengangkutan buah tandan segar (BTS) dari ladang ke kilang, koperasi ini telah berjaya mencetuskan lonjakan ketara daripada segi prestasi kewangan, kecekapan operasi dan sumbangan terhadap kesejahteraan komuniti setempat.

Bersandarkan keupayaan aset fizikal iaitu dua buah lori muatan berat milik koperasi dan lapan lori sub kontrak, koperasi menawarkan perkhidmatan yang bukan sahaja menjimatkan dan sistematik, malah memberi nilai tambah yang nyata kepada pekebun kecil serta para anggotanya. Khidmat yang dikendalikan sepenuhnya oleh koperasi memastikan hasil BTS dihantar dalam tempoh masa yang optimum dan dalam keadaan yang baik, sekaligus menjamin pulangan yang lebih stabil dan berdaya saing kepada pengeluar.

Gambar 2.6: Proses pemindahan hasil kelapa sawit menggunakan jentera oleh Koperasi bagi meningkatkan kecekapan logistik ladang



Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024, aktiviti pengangkutan ini telah menjana pendapatan sebanyak RM9.36 juta, berbanding RM5.89 juta pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan yang signifikan iaitu sekitar 59%. Kejayaan ini meletakkan aktiviti pengangkutan sebagai teras utama yang menyumbang kepada

kelestarian kewangan koperasi. Peningkatan pendapatan ini juga telah membuka ruang kepada peluasan operasi, penambahan aset logistik serta penyediaan peluang pekerjaan dan insentif yang lebih baik kepada anggota dan penduduk setempat.

Prestasi cemerlang ini telah memberikan pengiktirafan di peringkat nasional apabila koperasi disenaraikan di kedudukan ke-79 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2024. Penghormatan ini membuktikan bahawa koperasi yang berpangkalan di luar bandar juga mampu bersaing secara matang dan mencapai kecemerlangan apabila ditadbir secara berhemah serta dipacu oleh semangat kolektif dalam kalangan anggota.

Lebih membanggakan, pada tahun yang sama, koperasi ini turut menerima penarafan sebagai Tunas Perusahaan Sosial (*Aspiring Social Enterprise*), menjadikannya antara koperasi FELCRA terawal yang diiktiraf di bawah inisiatif tersebut. Penarafan ini mencerminkan komitmen koperasi dalam mengimbangi objektif keuntungan dengan matlamat sosial, termasuk mewujudkan peluang pekerjaan, menyokong kelangsungan pekebun kecil serta memperkasa ekonomi komuniti secara holistik.

Gambar 2.7: Barisan Anggota Lembaga dan pengurusan Koperasi yang komited dalam memacu pembangunan sosioekonomi komuniti setempat



Kejayaan koperasi ini dalam melestarikan pertumbuhan ekonomi sambil menzahirkan nilai-nilai sosial membuktikan bahawa model koperasi masih relevan dan mampu menjadi pemacu utama pembangunan luar bandar. Dengan iltizam yang tidak pernah luntur serta sokongan padu daripada anggota dan masyarakat, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad diyakini akan terus mengekalkan momentum kecemerlangan sebagai koperasi contoh dalam landskap ekonomi sosial Malaysia.

AKTIVITI PERTANIAN

Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Ia bukan sahaja menjadi sumber bekalan utama makanan, tetapi juga menyediakan bahan mentah kepada pelbagai industri hiliran dan turut menyumbang kepada pendapatan negara.

Sektor ini turut diperkukuh dengan penglibatan aktif gerakan koperasi, yang memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan produktiviti dan pembangunan luar bandar. Melalui koperasi yang terlibat dalam pelbagai aktiviti pertanian gerakan koperasi membantu memperluas pengeluaran pertanian, mewujudkan peluang pekerjaan, dan menggalakkan

penyertaan komuniti tempatan dalam rantai nilai pertanian. Peranan koperasi bukan sahaja menyokong kelestarian industri pertanian, malah mengukuhkan sekuriti makanan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi anggotanya.

Pada tahun 2024, sebanyak 3,787 koperasi telah menjalankan aktiviti pertanian dengan perolehan RM1.69 bilion, iaitu 2.5% dari perolehan keseluruhan (2024: RM68.18 bilion). Jumlah perolehan terkumpul ini meningkat sebanyak 1.81% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM1.66 bilion). Penyumbang terbesar dalam aktiviti pertanian ialah Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad dengan pendapatan sebanyak RM 663.50 juta pada tahun 2024 dan diikuti Koperasi Serbausaha Makmur Berhad dengan pendapatan sebanyak RM239.76 juta.

Jadual 2.6: Senarai Koperasi Utama dalam Bidang Pertanian

BIL.	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN (RM)	SUBSEKTOR
1	Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad	663,500,165	Perladangan
2	Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	239,775,190	Perladangan
3	Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad	193,809,000	Perladangan
4	Koperasi Ladang Berhad	82,056,074	Input pertanian dan perladangan
5	Koperasi NLFCS Berhad	53,337,043	Pertanian tanaman makanan

Penglibatan koperasi dalam sektor pertanian dapat diuraikan secara lebih sistematik berdasarkan subsektor utama yang ditakrifkan di bawah klasifikasi MSIC seperti berikut:

Perladangan

Koperasi melibatkan diri dalam pengurusan ladang-ladang komoditi utama negara seperti kelapa sawit, getah, dan koko. Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada pengeluaran bahan mentah untuk industri hiliran, malah menjadi penyumbang utama kepada hasil eksport negara. Antara koperasi yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam subsektor ini termasuk Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad dengan pendapatan sebanyak RM663.50 juta dan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM239.7 juta pada tahun 2024.

Pertanian Tanaman Makanan

Koperasi dalam subsektor ini mengusahakan tanaman makanan utama negara seperti padi, jagung, pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan. Peranan koperasi dalam subsektor ini penting dalam usaha meningkatkan tahap sara diri makanan negara, mengukuhkan sekuriti makanan nasional serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import. Antara koperasi yang aktif menjalankan aktiviti dalam subsektor ini termasuk Koperasi NLFCS Berhad yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM53.33 juta bagi aktiviti tanaman sayur dan buah. Selain itu, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad turut menunjukkan prestasi yang baik bagi aktiviti tanaman padi dengan jumlah pendapatan sebanyak RM6.89 juta

pada tahun 2024. Penglibatan aktif koperasi dalam subsektor ini membuktikan peranan signifikan gerakan koperasi dalam menyokong dasar sekuriti makanan negara serta mengurangkan kebergantungan terhadap sumber makanan import.

Penternakan

Koperasi terlibat secara langsung dalam penternakan ayam pedaging dan ayam telur, lembu tenusu dan pedaging, kambing serta itik. Usaha ini bukan sahaja membantu membekalkan lebih banyak bekalan ayam mentah untuk memenuhi keperluan pasaran tetapi juga menjana pendapatan ekonomi kepada anggota koperasi serta menyediakan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar khususnya. Salah satu koperasi yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam subsektor ini ialah Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA), yang mencatatkan pendapatan sebanyak RM13.41 juta. Selain itu, Koperasi Melayu Pulau Pinang Berhad turut menyumbang pendapatan sebanyak RM3.9 juta hasil daripada penglibatan aktif dalam aktiviti penternakan lembu pada tahun 2024.

Akuakultur

Beberapa koperasi terlibat dalam bidang penternakan akuakultur, terutamanya melibatkan ikan air tawar. Penglibatan koperasi dalam aktiviti ini mendorong pembangunan komuniti nelayan melalui aktiviti ekonomi yang mampan. Salah satu koperasi yang menunjukkan prestasi baik dalam subsektor ini ialah Koperasi Nelayan Sungai Udang Pulau Pinang Berhad yang menjalankan aktiviti ternakan ikan dalam sangkar dan mencatatkan pendapatan sebanyak RM2.9 juta pada tahun 2024.

Sisipan Aktiviti Pertanian

Koperasi Ladang Berhad

Koperasi Ladang Berhad (KLB) didaftarkan pada 20 Mac 1982. Ia merupakan salah sebuah koperasi perladangan terbesar di Malaysia yang berperanan aktif dalam pembangunan sektor pertanian dan kebajikan pekebun kecil. Koperasi beroperasi di Kuala Lumpur dan cawangan di beberapa negeri utama seperti Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor dan Negeri Sembilan.

Anggota koperasi pada tahun 2024 adalah seramai 2,885 yang terdiri daripada pekebun kecil dan pekerja ladang. Cawangan koperasi dikendalikan oleh pengurus yang bertanggungjawab dalam urusan perkhidmatan pertanian dan pembangunan ladang.

Gambar 2.8: Ladang sawit Sungai Ambat, Mersing milik KLB



Koperasi ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu pekebun kecil meningkatkan hasil ladang mereka melalui sistem pengurusan berpusat yang lebih teratur dan berkesan. Selain itu, koperasi turut menyediakan kemudahan seperti input pertanian, latihan serta khidmat nasihat teknikal bagi menyokong keperluan anggota dalam bidang pertanian. Di samping itu, koperasi turut menggiatkan usaha mewujudkan aktiviti ekonomi yang mampan seperti penyewaan aset hartanah dan pembangunan agropelancongan sebagai sumber pendapatan tambahan.

Pada tahun kewangan 2024, KLB mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM88.53 juta. Sebanyak 55% pendapatan koperasi disumbangkan oleh aktiviti perladangan di ladang Sungai Ambat, ladang Bukit Keramat, dan ladang Sejana. Prestasi pendapatan bagi ladang-ladang ini adalah seperti berikut:

Jadual 2.7: Pendapatan Ladang KLB 2023 dan 2024

BIL.	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN (RM)	
		2024	2023
1	Ladang Sungai Ambat	35,751,067	28,459,115
2	Ladang Bukit Keramat	10,977,735	7,976,357
3	Ladang Sejana	2,300,293	1,613,643
JUMLAH		49,029,095	38,049,115

Secara keseluruhan, pendapatan aktiviti perladangan koperasi bagi ketiga-tiga ladang milik koperasi pada tahun 2024 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Ladang Sungai Ambat terus menjadi penyumbang utama dengan pendapatan sebanyak RM35.75 juta, peningkatan sebanyak 25.62% berbanding tahun sebelumnya. Hal ini menunjukkan keupayaan pengurusan ladang koperasi yang mampan serta berdaya saing dalam menghadapi cabaran sektor perladangan semasa.

KLB berjaya menduduki tempat ke-5 dalam Senarai 100 Koperasi Terbaik Malaysia di bawah kategori Kluster Besar. Selain itu, koperasi turut menerima Anugerah Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan 2024, juga pada kedudukan ke-5, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan koperasi yang berdaya saing di peringkat nasional dan wilayah. Pengiktirafan ini turut membuktikan keupayaan koperasi dalam mengekalkan prestasi

kewangan yang kukuh, pengurusan yang berkesan serta sumbangan yang signifikan kepada ahli dan masyarakat.

Gambar 2.9: KLB menerima Anugerah Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan 2024, Kedudukan ke-5



Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad didaftarkan pada 4 Januari 1986 merupakan koperasi yang aktif dalam sektor pertanian. Koperasi ini ditubuhkan bagi menguruskan ladang-ladang peserta FELCRA di kawasan Seberang Perak dengan jumlah anggota seramai 1,817 pada tahun 2024. Objektif utama penubuhan koperasi adalah menyatu dan menggabungkan elemen-elemen sosial dan ekonomi yang

dimiliki oleh peserta-peserta FELCRA untuk mencapai matlamat pembangunan secara global sekali gus menjadi penyumbang kepada pengeluaran komoditi negara.

Untuk mencapai objektifnya, Koperasi telah menceburi pelbagai aktiviti perniagaan dan antara aktiviti utama koperasi adalah:

- Pertanian dan Industri Asas Tani
- Perladangan
- Teknikal, Hartanah & Industri Pembinaan
- Pemborongan & Peruncitan

Gambar 2.10: **Coop Business Centre (CBC)** milik Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad



Pada tahun kewangan 2024, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM43.02 juta dan antara penyumbang kepada pendapatan adalah dari sektor pertanian. Koperasi aktif melaksanakan aktiviti tanaman padi berikutan kejayaan memperoleh kontrak persawahan daripada FELCRA bagi kerja-kerja penuaian, mengangkut padi dan juga penyediaan tanah.

Aktiviti pengurusan tanaman padi memberikan sumbangan pendapatan sebanyak RM8.19 juta pada tahun 2024. Peningkatan sebanyak 16.24% berbanding tahun 2023.

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad telah menunjukkan prestasi yang baik dalam pengurusan tanaman padi melalui penerapan teknologi moden dan penghasilan varieti padi wangi bernilai tinggi. Koperasi telah ditugaskan oleh MARDI untuk mengeluarkan benih varieti padi wangi tempatan MRQ 107 dan MRQ 111 yang mempunyai ciri wangi, pokok yang rendah, sesuai untuk pembangunan beras rebus dan menunjukkan kerintangan yang baik terhadap penyakit. Kejayaan ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan anggota, tetapi juga menyokong jaminan bekalan makanan negara.

Gambar 2.11: Koperasi mengeluarkan benih varieti padi wangi tempatan MRQ 107 dan MRQ 111



Pelaksanaan projek ini membolehkan koperasi memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengeluaran padi tempatan, sekali gus menyumbang kepada usaha negara dalam memperkukuh sekuriti makanan.

AKTIVITI PEMBINAAN

Aktiviti pembinaan oleh koperasi merujuk kepada usaha koperasi dalam menjalankan projek-projek berkaitan pembinaan infrastruktur, bangunan, kemudahan awam atau perumahan sama ada untuk keperluan ahli, komuniti setempat, atau tujuan pelaburan jangka panjang.

Penglibatan koperasi dalam aktiviti pembinaan adalah salah satu usaha bagi melengkapkan keperluan perumahan negara terutama kepada anggota koperasi secara langsung dan masyarakat setempat secara tidak langsung. Aktiviti pembinaan perumahan yang dilaksanakan oleh koperasi dapat meringankan beban anggota dikalangan B40 dan M40 dengan penawaran

harga yang lebih murah dari pasaran. Melalui koperasi, anggota berpeluang memiliki rumah dengan harga yang lebih berpatutan.

Walaupun bilangan koperasi yang terlibat dengan aktiviti perumahan dan hartanah ini kecil iaitu 1.97% daripada jumlah koperasi di Malaysia, namun aktiviti pembinaan perumahan dan hartanah ini menyumbang pendapatan berjumlah RM182 juta. Penubuhan koperasi dengan aktiviti berteraskan pembinaan ini adalah bagi menjalankan projek perumahan untuk anggota dan juga pembinaan ruang komersial. Projek perumahan koperasi lebih bertumpu kepada rumah berkos rendah dan sederhana. Harga jualan rumah adalah dalam lingkungan keupayaan anggota dan pada umumnya sekitar 20% hingga 30% lebih rendah daripada harga yang lazimnya ditawarkan di pasaran.

Sisipan Aktiviti Pembinaan

Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad

Prestasi cemerlang Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) dalam sektor pembinaan membuktikan keupayaannya mengurus projek berimpak tinggi secara profesional dan berdaya saing. Pengiktirafan KPFB sebagai koperasi di kedudukan pertama dalam senarai 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2024 menjadi manifestasi kejayaan koperasi dalam mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan meningkatkan keupayaan pengurusan projek.

Aktiviti pembinaan dijalankan secara langsung oleh KPFB, dengan penyelarasan oleh pasukan teknikal dan pengurusan dalaman yang cekap. Aktiviti pembinaan yang dilaksanakan adalah termasuk kerja kontrak bangunan, infrastruktur, landskap, ubahsuai dan penyelenggaraan. Kontrak yang diperolehi pada tahun 2024 adalah sebanyak 111 projek yang menyumbang pendapatan sehingga RM83.4 juta iaitu kira-kira 10.71% daripada jumlah keseluruhan pendapatan tahunan KPFB, yang berjumlah sebanyak RM779 juta. Ini menjadikan sektor pembinaan antara penyumbang penting kepada kedudukan kewangan koperasi yang kukuh.

Gambar 2.12: Lawatan tapak oleh Pengerusi dan Ketua Bahagian Teknikal KPFB bersama wakil Syarqiah Holding Sdn. Bhd. bagi meninjau kemajuan projek pembinaan bangunan dron di bawah seliaan KPFB



Selain pencapaian dari segi kewangan, sektor pembinaan turut memberi impak positif kepada masyarakat melalui pewujudan peluang pekerjaan dan keutamaan kepada penggunaan tenaga kerja tempatan. KPFB juga memainkan peranan dalam menyediakan latihan kemahiran asas kepada golongan belia FELCRA dalam bidang berkaitan pembinaan.

Secara keseluruhannya, penyertaan aktif KPFB dalam sektor pembinaan telah membuktikan potensi besar koperasi dalam memacu pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan mampan, sekali gus memperkukuh kedudukan koperasi sebagai antara entiti ekonomi yang berprestasi tinggi di Malaysia.

Gambar 2.13: Lawatan kerja Jawatankuasa Teknikal KPFB ke tapak projek naik taraf Kolej Vokasional Setapak yang dikendalikan oleh KPFB sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh peranan koperasi dalam sektor pembinaan pendidikan teknikal



LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2024



BAB 3

PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI


Pengenalan

Ekonomi Sektor Koperasi Di Tahun 2024


Tinjauan Ekonomi Sektor Koperasi 2025



SOROTAN PENTING

9% AKTIVITI BUKAN KEWANGAN



91% AKTIVITI KEWANGAN





BAB 3

PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI

PENGENALAN

Ekonomi Malaysia memasuki fasa kebangkitan baharu dengan prestasi yang semakin memberangsangkan menjelang tahun 2024. Disokong oleh kestabilan permintaan domestik, lonjakan pelaburan serta pemulihan eksport, negara kini berada di landasan kukuh menuju pertumbuhan inklusif dan mapan. Keadaan pasaran buruh yang bertambah baik, ditambah pula dengan inflasi yang terkawal, menjadikan landskap ekonomi lebih dinamik dan berdaya tahan. Inisiatif Ekonomi Madani yang digerakkan kerajaan menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh produktiviti, mengurangkan jurang sosioekonomi serta membuka jalan kepada pertumbuhan berkualiti tinggi yang inklusif.

Dalam arus perubahan ini, sektor koperasi tampil sebagai kuasa ketiga ekonomi negara selepas awam dan swasta, membawa dimensi baharu dalam memacu kesejahteraan rakyat. Gerakan


Koperasi kini bukan sahaja dilihat sebagai pemacu ekonomi rakyat melalui produk dan perkhidmatan kompetitif, malah berperanan sebagai platform keusahawanan, inklusiviti sosial, serta jaringan pasaran yang lebih luas. Keupayaan koperasi untuk bangkit sebagai pemain utama dalam era globalisasi menjadikannya sebuah entiti strategik yang diyakini mampu mendepani cabaran ekonomi masa hadapan.

Selaras dengan aspirasi Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030, sektor koperasi sedang diperkasakan sebagai pemacu kesejahteraan anggota, khususnya dalam memperkukuh penyertaan golongan B40, mengukuhkan ekosistem koperasi yang progresif, serta menjulang ekonomi negara ke tahap lebih mampan dan inklusif.

EKONOMI SEKTOR KOPERASI DI TAHUN 2024

Pada tahun 2024, perolehan sektor koperasi berjumlah RM68.10 bilion, menyederhana meningkat pada kadar 6% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM64.56 bilion). Secara puratanya, pertumbuhan perolehan sektor koperasi dalam tempoh 10 tahun (2014 - 2024) adalah 7% (CAGR).


Rajah 3.1: Prestasi Perolehan Sektor Koperasi Tahun 2014 hingga 2024 (RM Bilion)



Perolehan Sektor Koperasi


Perolehan sektor koperasi pada tahun 2024 terus dipacu oleh dua aktiviti utama, iaitu aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Seperti tahun sebelumnya, komposisi perolehan kekal didominasi oleh aktiviti kewangan yang menyumbang sebanyak 91% daripada jumlah keseluruhan (2023: 91%), manakala sumbangan daripada aktiviti bukan kewangan juga kekal pada kadar 9%.

Rajah 3.2: Pecahan Perolehan Sektor Koperasi Tahun 2023 dan 2024



Prestasi Perolehan Sektor Koperasi

Rajah 3.3: Prestasi Perolehan Sektor Koperasi Tahun 2023 dan 2024




Prestasi peningkatan perolehan sektor koperasi pada tahun 2024 didorong oleh pertumbuhan yang memberangsangkan dalam kedua-dua aktiviti utama, iaitu aktiviti kewangan dan bukan kewangan. Bagi aktiviti kewangan, pertumbuhan dicatatkan sebanyak 6% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM58 bilion, 2024: RM 62 bilion). Pertumbuhan ini mencerminkan peningkatan tahap kepercayaan dan kemampuan kewangan dalam kalangan anggota koperasi serta penglibatan secara aktif dalam perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh koperasi yang berada pada landasan pertumbuhan yang semakin kukuh. Trend ini turut memperlihatkan peningkatan pola perbelanjaan dan pelaburan dalam kalangan anggota, yang selari dengan arus pertumbuhan ekonomi negara yang semakin rancak. Secara tidak langsung, ia menjadi petunjuk bahawa kedudukan sosioekonomi anggota koperasi semakin baik dan stabil.

Dalam masa yang sama, aktiviti bukan kewangan koperasi turut merekodkan pertumbuhan yang positif, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan dalam aktiviti bukan kewangan koperasi meningkat sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM5.89 bilion, 2024: RM6.09 bilion). Peningkatan ini memberi gambaran jelas bahawa koperasi semakin giat meneroka peluang dalam pelbagai bidang bukan kewangan seperti pertanian, peruncitan, pelancongan, pendidikan, serta perkhidmatan lain yang berkaitan dengan keperluan masyarakat. Pertumbuhan ini juga mencerminkan usaha berterusan koperasi dalam menyesuaikan diri dengan peralihan landskap ekonomi serta memanfaatkan momentum pemulihan pasca pandemik dan transformasi ekonomi negara.

Aktiviti Utama Sektor Koperasi

Rajah 3.4: Pecahan Aktiviti Kewangan Tahun 2023 dan 2024



Dalam ekosistem sektor koperasi, perolehan keseluruhan terus digerakkan oleh dua komponen utama, iaitu aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Pada tahun 2024, komposisi perolehan dalam ekonomi sektor koperasi kekal didominasi oleh aktiviti kewangan yang menyumbang sebanyak 91%, sama seperti pada tahun sebelumnya (2023: 91%). Dominasi ini didorong oleh peningkatan ketara dalam beberapa subaktiviti utama di bawah kategori kewangan.


Subaktiviti perbankan muncul sebagai penyumbang terbesar kepada perolehan aktiviti kewangan, dengan sumbangan sebanyak 83%, meningkat sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2023: 76%). Lonjakan ini mencerminkan pengukuhan kepercayaan anggota terhadap institusi perbankan koperasi serta peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kewangan formal yang ditawarkan oleh koperasi. Seterusnya adalah subaktiviti kredit turut menunjukkan peningkatan

sumbangan sebanyak 9% berbanding tahun sebelumnya (2023 : 8%). Pertumbuhan ini menggambarkan trend penggunaan kemudahan kredit yang semakin meningkat dalam kalangan anggota koperasi, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi mikro anggota.

Namun begitu, terdapat penyusutan dalam sumbangan daripada beberapa subaktiviti lain. Aktiviti pelaburan mencatatkan sedikit penurunan, iaitu 5% pada tahun 2024 berbanding

tahun sebelumnya (2023: 6%), kemungkinan besar disebabkan pendekatan pelaburan yang lebih berhati-hati dalam menghadapi ketidaktentuan pasaran. Sementara itu, aktiviti Ar-Rahnu menunjukkan penurunan yang lebih ketara, dengan sumbangan hanya 3% pada tahun 2024 berbanding 10% pada tahun sebelumnya. Penurunan ini berkemungkinan disebabkan oleh perubahan keperluan kewangan dalam kalangan anggota serta peningkatan akses kepada sumber kewangan lain yang lebih fleksibel.

Rajah 3.5: Pecahan Aktiviti Bukan Kewangan Tahun 2023 dan 2024



Pada tahun semasa, aktiviti bukan kewangan telah menyumbang sebanyak 9% kepada keseluruhan perolehan sektor koperasi. Daripada jumlah ini, subaktiviti perkhidmatan bukan kewangan kekal sebagai penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 61.3%, meskipun mencatat sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya (2023: 63.9%).


Menariknya, subaktiviti pertanian menunjukkan peningkatan sumbangan yang ketara, iaitu sebanyak 35.5%, berbanding tahun sebelumnya (2023 : 32.0%). Perkembangan ini mencerminkan peningkatan penglibatan koperasi dalam sektor pertanian sebagai salah satu teras baharu pertumbuhan ekonomi koperasi.

Sebaliknya, subaktiviti pembinaan mencatat penurunan kepada 3.0% berbanding tahun sebelumnya (2023 : 3.7%), manakala aktiviti pembuatan turut menyusut sedikit kepada 0.2%, berbanding tahun sebelumnya (2023 : 0.4%).

Secara keseluruhan, walaupun terdapat perubahan dalam agihan sumbangan setiap subaktiviti, aktiviti bukan kewangan terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh struktur pendapatan koperasi secara menyeluruh.

Aktiviti Perkhidmatan

Rajah 3.6: Pecahan Subaktiviti Bukan Kewangan (Aktiviti Perkhidmatan) Tahun 2023 dan 2024



Pada tahun 2024, aktiviti perkhidmatan koperasi merangkumi beberapa subaktiviti utama, iaitu perkhidmatan pengguna, perkhidmatan pengangkutan serta perkhidmatan lain. Daripada jumlah keseluruhan, subaktiviti perkhidmatan pengguna muncul sebagai penyumbang terbesar dengan sumbangan sebanyak 63%, menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya (2023 : 60%). Ini memperlihatkan pengukuhan peranan perkhidmatan pengguna sebagai tunjang utama dalam segmen perkhidmatan koperasi.


Subaktiviti perkhidmatan lain yang merangkumi bidang seperti pembersihan, insurans/takaful, pelancongan,

pendidikan, kesihatan, kecantikan dan pelbagai perkhidmatan lain, menyumbang sebanyak 31%, namun sumbangannya mencatat sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya (2023 : 34%). Sementara itu, subaktiviti perkhidmatan pengangkutan kekal stabil dengan sumbangan sebanyak 6%, tidak berubah berbanding tahun sebelumnya (2023 : 6%).

Secara keseluruhannya, perubahan dalam agihan sumbangan subaktiviti ini mencerminkan dinamik dan adaptasi koperasi dalam memenuhi keperluan komuniti serta menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa sektor perkhidmatan.

Aktiviti Pertanian

Rajah 3.7: Pecahan Subaktiviti Bukan Kewangan (Aktiviti Pertanian) Tahun 2023 dan 2024



Aktiviti pertanian dikenalpasti sebagai penyumbang kedua terbesar (35%) kepada aktiviti bukan kewangan sektor koperasi yang merangkumi aktiviti perladangan, pertanian, penternakan serta perikanan dan akuakultur. Sebanyak 90% pendapatan aktiviti pertanian koperasi adalah daripada subaktiviti perladangan meningkat sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2023: 88%). Koperasi memperoleh hasil daripada jualan subaktiviti perladangan seperti tanaman sawit, dan pengurusan ladang sawit.

Seterusnya penyumbang kedua dalam subaktiviti pertanian adalah merangkumi aktiviti padi, getah dan hasil singkat; seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman lain sebanyak 8% menurun berbanding tahun sebelumnya (2022 : 9%). Manakala aktiviti ternakan serta aktiviti perikanan dan akuakultur masing-masing menyumbang sebanyak 1.4% dan 0.2%. Koperasi amat penting bagi peringkat komuniti dengan mewujudkan inisiatif perladangan, pertanian, penternakan dan perikanan yang akan membantu penduduk setempat mendapat bekalan yang lebih mudah, cepat dengan harga yang jauh lebih murah dengan mengoptimumkan sumber semulajadi sedia ada.

Jadual 3.1: Prestasi Aktiviti Utama Sektor Koperasi

AKTIVITI UTAMA	(RM BILION)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Aktiviti Kewangan	58.6	62.1	6
Aktiviti Bukan Kewangan	5.8	6.0	3

Seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara dan pengukuhan nilai mata wang, aktiviti perdagangan dan perniagaan terus menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, sekali gus menyumbang kepada kestabilan keseluruhan landskap ekonomi negara. Dinamika positif ini turut dirasakan dalam sektor koperasi, yang mencatat pertumbuhan dalam kedua-dua segmen aktiviti kewangan dan bukan kewangan.

Aktiviti kewangan merekodkan peningkatan pada kadar sederhana sebanyak 6%, (2024 : RM62.1 bilion), berbanding

tahun sebelumnya (2023 : RM58.6 bilion). Sementara itu, aktiviti bukan kewangan turut mencatat pertumbuhan, meskipun pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 3%, 2024 : RM6.0 bilion), berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM5.8 bilion).

Secara keseluruhan, prestasi ini mencerminkan daya tahan dan keupayaan sektor koperasi untuk terus berkembang dalam persekitaran ekonomi yang positif dan stabil.

Jadual 3.2: Prestasi Aktiviti Kewangan

AKTIVITI KEWANGAN	PEROLEHAN (RM BILION)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Perbankan	44.8	51.2	14
Kredit	4.6	5.7	22
Pelaburan	3.5	3.4	-3
Ar-Rahnu	5.6	1.6	-70

Aktiviti kewangan sektor koperasi terus menunjukkan daya tahan dalam tahun 2024 dan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 6%. Dengan didorong oleh sentimen positif dalam kalangan koperasi dan anggota dalam semua aktiviti ekonomi negara, prestasi koperasi-koperasi kredit menunjukkan pertumbuhan kukuh.

Sumbangan aktiviti kewangan kepada perolehan sektor koperasi sebanyak RM62 bilion secara keseluruhannya disumbangkan oleh subaktiviti kewangan iaitu aktiviti perbankan, kredit pelaburan dan Ar-Rahnu. Subaktiviti perbankan merupakan penyumbang majoriti aktiviti kewangan, meningkat dengan drastik pada tahun 2024 sebanyak 14% (2024: RM51.2 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2023: RM44.8 bilion). Seterusnya subaktiviti kewangan yang bertumbuh kukuh adalah kredit meningkat sebanyak 22% (2024: RM5.7 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2023: RM4.6 bilion). Manakala aktiviti pelaburan

dan Ar-Rahnu turut mengalami penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu -3% (2024: RM3.4 bilion, 2023: RM3.5 bilion) dan -70% (2024: RM1.6 bilion, 2023: RM5.6 bilion).

Koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kewangan terus memastikan aktiviti kewangan kekal menjadi sumber kekuatan bagi ekonomi sektor koperasi Malaysia. Biar pun berdepan dengan persekitaran yang sangat mencabar, aktiviti kewangan terus didokong oleh tahap permodalan yang kukuh. Kekuatan modal serta kemudahan mudah tunai yang teguh membolehkan koperasi perbankan dan kredit meneruskan pemberian pinjaman kepada koperasi lain, dan pada masa yang sama, menawarkan bantuan kepada anggota yang masih menghadapi kesukaran. Kekuatan ini kekal penting untuk memelihara daya tahan koperasi perbankan dan kredit serta keyakinan anggota.

Dalam menghadapi ketidakpastian pasaran yang semakin meningkat, koperasi perbankan dan kredit kekal komited untuk memastikan kestabilan pasaran kewangan dalam kalangan anggota. Usaha ini dilaksanakan dengan mengekalkan keadaan pasaran yang teratur serta memastikan sistem kewangan koperasi berupaya menyerap kejutan pasaran, bukannya memperhebatkan ketidakstabilan tersebut.

Bagi mencapai matlamat ini, koperasi perbankan dan kredit telah mengambil langkah proaktif dengan memastikan tahap mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan anggota. Selain itu, pelbagai inisiatif turut dilaksanakan bagi mengurangkan tahap volatiliti yang berlebihan, sekali gus mengelakkan gangguan terhadap aktiviti perniagaan dan pelaburan dalam sektor koperasi. Langkah-langkah strategik ini mencerminkan peranan penting koperasi perbankan dan kredit dalam memelihara ketahanan sistem kewangan koperasi serta menyokong pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang. Aktiviti kewangan pada tahun 2025 dijangka terus berkembang dipacu oleh antara lain strategi digitalisasi dalam sektor kewangan serta meningkatkan kesejahteraan kewangan anggota dan koperasi.

Jadual 3.3: Prestasi Aktiviti Bukan Kewangan

AKTIVITI BUKAN KEWANGAN	PENDAPATAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Aktiviti Perkhidmatan	3,765	3,730	-1
Aktiviti Pertanian	1,887	2,163	15
Aktiviti Pembinaan	215	182	-15
Aktiviti Pembuatan	25	11	-56

Aktiviti bukan kewangan sektor koperasi dipacu oleh peningkatan oleh beberapa subaktivitinya iaitu, aktiviti perkhidmatan, aktiviti pertanian, aktiviti pembinaan dan aktiviti pembuatan. Aktiviti pertanian mengalami peningkatan sebanyak 15%, (2024 : RM2.16 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM1.88 bilion). Walaupun terdapat pertumbuhan positif dalam aktiviti pertanian, aktiviti perkhidmatan mengalami bertumbuhan yang negatif. Aktiviti perkhidmatan menunjukkan pengurangan sebanyak -1% (2024 : RM3.73 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2023: RM3.76 bilion). Selain itu, aktiviti pembinaan turut menurun kepada RM182 juta pada tahun 2024, berbanding tahun sebelumnya RM215 juta iaitu pengurangan sebanyak -15%. Seterusnya, aktiviti pembuatan juga turut menurun sebanyak -56% pada tahun 2024 kepada RM11 juta berbanding tahun sebelumnya RM25 juta.

Jadual 3.4: Prestasi Aktiviti Perkhidmatan

AKTIVITI PERKHIDMATAN	PENDAPATAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Perkhidmatan Pengguna	2,242	2,360	5
Perkhidmatan Lain	1,278	1,149	-10
Perkhidmatan Pengangkutan	245	220	-10

Aktiviti perkhidmatan di sumbangkan oleh aktiviti perkhidmatan pengguna, perkhidmatan lain, dan perkhidmatan pengangkutan. Aktiviti perkhidmatan pengguna yang merangkumi aktiviti stesen minyak, borong dan runcit dan lain-lain aktiviti pengguna telah meningkat sebanyak 5% kepada RM2.36 bilion berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM2.24 bilion). Seterusnya, aktiviti yang mengalami penurunan pendapatan ialah aktiviti perkhidmatan lain mencakupi aktiviti pembersihan, pelancongan, pendidikan serta kesihatan dan kecantikan, menurun sebanyak -10% kepada RM1.14 bilion berbanding tahun sebelumnya (2023: RM1.27 bilion). Selain itu, aktiviti perkhidmatan pengangkutan turut mengalami penurunan pendapatan sebanyak -10% kepada RM220 juta berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM245 juta).

Jadual 3.5: Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengguna

AKTIVITI PERKHIDMATAN PENGGUNA	JUALAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Borong dan Runcit	1,149	1,210	5
Stesyen Minyak	1,061	1,091	3
Restoran dan Gerei	31	58	88

Aktiviti perkhidmatan pengguna mencatat pertumbuhan sebanyak 5% pada 2024 dijana oleh aktiviti borong dan runcit, aktiviti stesen minyak, serta aktiviti restoran dan gerai koperasi. Jualan bagi aktiviti borong dan runcit terus meningkat sebanyak 5% kepada RM1.21 bilion berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM1.14 bilion). Peningkatan di dalam aktiviti ini disokong oleh prestasi kukuh aktiviti kewangan berikutan peningkatan aktiviti pinjaman oleh anggota terutamanya disumbangkan oleh pasaran buruh yang bertambah baik.

Selain itu, jualan bagi aktiviti stesen minyak meningkat kepada RM1.09 bilion berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM1.06 bilion) iaitu pertumbuhan sebanyak 3%. Kedua-dua aktiviti ini berkesinambungan dalam rantaian ekonomi koperasi yang menunjukkan keutuhan aktiviti untuk terus relevan dalam apa jua keadaan ekonomi. Ini didorong oleh keupayaan perniagaan stesen minyak

serta borong runcit yang dapat memenuhi keperluan dan pembangunan komuniti setempat disamping meningkatkan ekonomi koperasi. Selain itu, aktiviti restoran dan gerai koperasi turut meningkat sebanyak 88% kepada RM58 Juta berbanding tahun sebelumnya (2023: RM31 juta).

Jadual 3.6: Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Lain

AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN	JUALAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Lain-lain Perkhidmatan	1,083	950	-12
Perkhidmatan Wedding Village & Catering	37	61	63
Perkhidmatan Pembersihan	49	54	9
Perkhidmatan Pelancongan	32	37	16
Perkhidmatan Kesihatan dan kecantikan	11	16	34
Perkhidmatan Pendidikan	14	15	11
Perkhidmatan Insurans / Takaful	48	14	-69

Prestasi bagi aktiviti perkhidmatan lain mengalami penurunan jualan -10% dari keseluruhan aktiviti perkhidmatan pada tahun sebelumnya (2023: RM1.27 bilion). Penurunan ini disebabkan berlakunya penurunan jualan bagi aktiviti lain-lain perkhidmatan yang mengalami penurunan sebanyak -12% kepada RM950 juta berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM1.08 juta) dan perkhidmatan insuran/takaful mengalami penurunan sebanyak -69% kepada RM14 juta berbanding tahun sebelumnya (2023: RM48 juta).

Walaupun secara keseluruhan aktiviti perkhidmatan lain mengalami penurunan, terdapat beberapa subaktiviti perkhidmatan lain yang mengalami peningkatan jualan.

Subaktiviti perkhidmatan lain yang meningkat adalah aktiviti perkhidmatan *wedding village & catering* meningkat sebanyak 63% berbanding tahun sebelumnya (2023: RM37 juta), aktiviti perkhidmatan pembersihan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 9% berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM49 juta).

Seterusnya aktiviti perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan kesihatan turut didefinisikan sebagai satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. Dalam aktiviti perkhidmatan lain, sebanyak RM53 juta disumbangkan oleh subaktiviti ini. Aktiviti perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan kesihatan meningkat kepada RM37 juta dan RM16 juta, masing-masing mencatat peningkat sebanyak 16% dan 34% pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023: RM32 juta dan RM11 juta).

Subaktiviti perkhidmatan ini memberi pulangan besar kepada subaktiviti yang berkaitan seperti peruncitan dan pengangkutan dengan memperkukuh kedudukan ekonomi koperasi. Prestasi ini juga disumbangkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan, peningkatan perbelanjaan anggota, serta penerimgunaan digitalisasi yang lebih tinggi merentasi semua aktiviti.

Jadual 3.7: Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengangkutan

AKTIVITI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN	JUALAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Pengangkutan muatan melalui jalan raya	243.00	218.00	-10
Perkhidmatan bas	1.25	1.14	-9
Pengangkutan teksi, kereta sewa dan limosin	0.87	0.74	-15

Aktiviti perkhidmatan pengangkutan menurun sebanyak -10% kepada RM220 juta pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023: RM245 juta), didorong oleh penurunan

ketara dalam aktiviti pengangkutan muatan melalui jalan raya iaitu penurunan jualan sebanyak -10% kepada RM218 juta berbanding tahun sebelumnya (2023: RM243 juta). Seterusnya aktiviti pengangkutan yang turut menurun adalah aktiviti perkhidmatan pengangkutan bas (perkhidmatan bas henti-henti, bas kilang, dan bas sekolah), sebanyak -9%, penurunan jualan kepada RM1.14 juta berbanding tahun sebelum (2023 : RM1.25 juta).

Jadual 3.8: Prestasi Aktiviti Pertanian

AKTIVITI PERTANIAN	JUALAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Aktiviti Perladangan	1,664.06	1,949.10	17
Aktiviti Pertanian	178.02	180.51	1
Aktiviti Penternakan	38.24	30.52	-20
Aktiviti Perikanan dan Akuakultur	6.85	3.71	-46

Prestasi bagi aktiviti pertanian secara keseluruhan menunjukkan peningkatan jualan sebanyak 15% dari keseluruhan aktiviti kepada RM2.16 bilion berbanding tahun sebelumnya (2023: RM1.88 bilion). Keadaan ini, disebabkan oleh jualan daripada aktiviti perladangan meningkat sebanyak 17% pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM1.66 bilion), terutamanya aktiviti kelapa sawit berikutan berlakunya kenaikan harga buah tandan segar sawit.

Di samping itu, peningkatan aktiviti pertanian (input pertanian, nurseri, padi, dan tanam kontan) turut berlaku peningkatan sebanyak 1% kepada hasil jualan sebanyak RM180 juta berbanding tahun sebelumnya (2023: RM178 juta). Namun begitu, aktiviti penternakan telah menunjukkan penurunan sebanyak -20% berbanding tahun sebelumnya (2023 : RM38 juta).

Subaktiviti perikanan dan akuakultur turut menunjukkan berlaku penurunan sebanyak 46% kepada RM3.71 juta berbanding tahun sebelumnya (2023: RM6.85 juta). Aktiviti pertanian ini perlu diperkukuhkan agar berpotensi sebagai penyumbang kepada transformasi ekonomi negara.

Agenda keterjaminan makanan negara memerlukan penglibatan semua pihak dalam membuat perancangan dan hala tuju pembangunan industri agromakanan negara. Penyelidikan, pembangunan dan pengkormersialan teknologi pertanian, penternakan dan biosekuriti perikanan dapat menyebarluas rantaian dalam industri pertanian yang lengkap iaitu perikanan, penternakan, tanaman dan memproses makanan yang bersifat komuniti. Permintaan yang besar juga datang daripada pemborong-pemborong, pekedai runcit dan juga pengguna akhir seperti industri makanan; kedai makan dan restoran yang menyumbang banyak kepada permintaan bekalan makanan terutama sayur-sayuran, penternakan dan perikanan.

Jadual 3.9: Prestasi Aktiviti Pembinaan

AKTIVITI PEMBINAAN	JUALAN (RM JUTA)		% PERUBAHAN
	2023	2024	
Aktiviti Pembinaan	94.80	124.73	32
Aktiviti Perumahan	120.47	57.29	-52

Aktiviti pembinaan menurun sebanyak -15% kepada RM182 juta pada 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023: RM215 juta), disumbangkan oleh prestasi menurun subaktiviti perumahan (pemilikan bangunan komersial dan kediaman serta pelaburan hartanah) sebanyak -52% dan peningkatan subaktiviti pembinaan (pembangunan daerah, industri pembinaan dan pembekalan bahan binaan) sebanyak 32%.

Jadual 3.10: Prestasi Aktiviti Pembuatan

AKTIVITI PEMBUATAN	PENDAPATAN (RIBU)		% PERUBAHAN
	2022	2023	
Aktiviti Pembuatan Kasut Dan Pakaian	25,459	10,858	-57
Aktiviti Pembuatan Makaroni, Mi Dan Produk Serupa	198	473	139
Aktiviti Pemprosesan Dan Pengawetan	171	274	61
Aktiviti Pembuatan Biskut Dan Cookies	123	194	57
Aktiviti Pembuatan Lain	24	40	67

Aktiviti pembuatan menurun sebanyak -54% kepada RM11.84 juta pada 2024 berbanding tahun sebelumnya (2023: RM25.98 juta), berikutan masalah yang dihadapi oleh pengeluaran daripada aktiviti pembuatan kasut dan pakaian. Selain daripada aktiviti pembuatan tersebut, aktiviti pembuatan lain terus meningkat selaras dengan permintaan domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran. Aktiviti pembuatan sektor koperasi terus berkembang bagi segmen pembuatan terutamanya didorong oleh segmen pembuatan berkaitan makanan.

TINJAUAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2025

Berdasarkan unjuran Kementerian Kewangan Malaysia, Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4% hingga 5% pada tahun 2025, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan tambahan yang berpunca daripada pemulihan eksport yang dijangkakan.

Pertumbuhan tenaga kerja dan upah yang berterusan akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka semakin baik. Aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, dengan sokongan daripada pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan-pelan induk negara. Faktor positif ini yang disokong oleh kekukuhan dasar dan pelan tindakan bertunjangan kerangka Ekonomi MADANI. Pelaksanaan langkah dan inisiatif pragmatik berterusan yang

ditetapkan oleh Kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus teguh dan kekal berdaya tahan.

Sementara itu, ekonomi sektor koperasi mencatat prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2024 dan dijangka menghadapi prospek pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2025, diunjur berkembang 5% hingga 8%. Perkembangan ini dipacu oleh aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan sektor koperasi. Aktiviti kewangan dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2025 berikutan pasaran modal yang berfungsi dengan baik dan kesediaan koperasi untuk terus memberikan pinjaman. Penampunan mudah tunai dan modal koperasi yang utuh juga akan membantu memastikan bekalan kredit yang mampan bagi membiayai aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor koperasi. Dari segi permintaan, pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dan keadaan guna tenaga yang bertambah baik dijangka menyumbang kepada permintaan terhadap pembiayaan yang berterusan, terutamanya untuk anggota dan koperasi.

BAB 4

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

Model Perniagaan Koperasi Sebagai Pemacu Ekonomi Rakyat

Pemeriksaan Perniagaan Koperasi Melalui Koperasi Menengah

Keusahawanan Sosial Di Malaysia

Program Penggalakan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (SE.RASI)

Aktiviti Perladangan

Tumpuan Kepada Aktiviti Perladangan Kelapa Sawit, Getah Dan Koko

**Sisipan Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau Sabah Berhad:
Menyokong Pekebun Kecil Melalui Amalan Sawit Mampan**

Aktiviti Perladangan Getah Dalam Gerakan Koperasi Malaysia

Sisipan Aktiviti Getah Koperasi Pekebun Kecil Daerah Larut Matang Berhad

Industri Koko dan Penglibatan Gerakan Koperasi Di Malaysia

Aktiviti Hartanah oleh Koperasi Di Malaysia

Sisipan Aktiviti Hartanah Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad (KOPKETA)

Pendigitalan Dalam Perniagaan Koperasi

**Mengangkat Potensi Desa: Peranan Koperasi Dalam Memacu
Agropelancongan Tempatan**

Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) Geran Katalis Sektor Pelancongan Koperasi

Kelarai: Dari Alam Ke Hasil Seni

BAB 4

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI SEBAGAI PEMACU EKONOMI RAKYAT

Koperasi bukan sahaja sebuah organisasi yang menjaga kebajikan anggota bahkan ia merupakan sebuah organisasi perniagaan yang mementingkan keperluan anggotanya dalam aspek ekonomi, sosial, budaya dan komuniti. Perniagaan yang dijalankan merupakan perkhidmatan atau aktiviti ekonomi yang diuruskan secara bergotong royong dan bersama-sama di kalangan anggotanya. Koperasi merupakan satu bentuk perniagaan yang diusahakan oleh sekumpulan masyarakat yang bermuafakat dalam mengendalikan satu jenis perniagaan yang boleh meningkatkan kedudukan ekonomi dan sosial anggotanya. Sebagai sebuah organisasi perniagaan, koperasi juga mahukan keuntungan demi mencapai matlamat ekonomi dan sosialnya. Oleh yang demikian, koperasi perlu menceburkan diri dalam pelbagai jenis perniagaan bagi membolehkan ia terus berdiri setanding dengan perniagaan-perniagaan lain.

Uniknya perniagaan dalam sektor koperasi adalah melibatkan keterangkuman semua aktiviti perniagaan yang boleh menjana pendapatan kepada koperasi. Sesebuah koperasi boleh menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan selagi mana ianya tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan sama ada Undang-Undang Kecil Koperasi itu sendiri atau undang-undang yang digariskan bawah Akta Koperasi 1993 dan akta lain berkaitan di bawah Kerajaan Malaysia.

Menjelang tahun 2024, landskap perniagaan koperasi menunjukkan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan struktur ekonomi global dan domestik. Tumpuan kini diberi kepada aspek:

- Transformasi digital
- Kelestarian operasi perniagaan
- Pemerksaan ekonomi rakyat melalui inovasi

Strategi ini memerlukan koperasi mengadaptasi model perniagaan yang lebih moden, cekap dan berdaya saing tanpa mengeneipkan nilai teras koperasi. Berdasarkan model perniagaan yang dilaksanakan oleh kopersi pada tahun 2024, terdapat beberapa bidang yang mempunyai potensi besar


untuk diterokai oleh koperasi. Antara sektor yang dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk diterokai oleh koperasi termasuk:

- Perdagangan Borong dan Runcit Aktiviti ini telah berkembang kepada segmen baharu seperti farmasi, tekstil dan bahan api gas. Ia membuka ruang koperasi untuk memainkan peranan dalam memenuhi keperluan harian anggota serta memperkukuh rantai bekalan tempatan.
- Sektor Perladangan dimana koperasi terlibat dalam pengeluaran dan pengedaran hasil pertanian tempatan, yang sekaligus meningkatkan pendapatan pengusaha dan menggalakkan amalan perladangan mampan.
- Aktiviti Hartanah termasuk pembangunan hartanah dan penyewaan aset, yang dapat menjana aliran tunai tetap serta meningkatkan daya tahan kewangan koperasi.
- Agro Pelancongan dimana koperasi mempromosikan produk pelancongan tempatan berasaskan budaya dan pertanian, serta merangsang ekonomi luar bandar melalui penciptaan peluang pekerjaan dan pembangunan komuniti.

Selain itu, mulai 2024 konsep keusahawanan sosial telah mula diaplikasikan dalam gerakan koperasi. Konsep keusahawanan sosial ini mungkin masih baharu dalam kalangan Masyarakat di Malaysia. Namun, hakikatnya, prinsip keusahawanan sosial mula wujud di Malaysia sejak tahun 1922 iaitu apabila Enakmen Syarikat Bekerjasama-sama 1922 diwartakan dan menjadi asas kepada pembentukan koperasi.

Sebagai organisasi perniagaan dan sosial, koperasi perlu terus menyesuaikan diri dengan keperluan semasa ekonomi negara dan dunia. Keupayaan koperasi untuk menjana pendapatan, memperkasakan anggota, dan menyumbang kepada pembangunan komuniti menjadikannya antara pelaku ekonomi yang strategik dalam usaha memperkukuh ekonomi rakyat. Model perniagaan koperasi yang berpaksikan jati diri, prinsip nilai dan kelestarian wajar disokong agar terus relevan dalam ekosistem perniagaan masa hadapan.

Rajah 4.1: Taburan penglibatan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan



Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit merupakan antara aktiviti yang diberi tumpuan kerana peranannya dalam membantu Kerajaan menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat sebanyak 2,623 COOP Mart dengan 50 Pusat Pengedaran (DC) koperasi yang telah beroperasi di seluruh negara. Namun, bermula tahun 2024, fokus aktiviti borang dan runcit tidak hanya tertumpu kepada barangan makanan keperluan harian tetapi dikembangkan kepada perdagangan bahan api gas, farmasi dan juga tekstil.

Aktiviti pemborongan dan peruncitan koperasi menyumbang sebanyak RM 2.17 bilion perolehan direkodkan pada tahun 2024. Aktiviti Stesen minyak menyumbang sebanyak RM931.07 juta

dan diikuti dengan aktiviti COOP mart menyumbang sebanyak RM824.52 juta.

Rantaian bekalan ialah sistem yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat dalam memastikan produk sampai ke tangan pelanggan (pengguna akhir) melalui saluran pengedaran. Ini termasuk proses pengumpulan bahan mentah, pembekal, pengeluar atau pengilang, pengangkutan (logistik), gudang borong, bilik simpanan (*cold room*) atau stok dan pengurusan sumber manusia. Aktiviti ini terus diperkukuh lagi melalui Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi [*Supply Chain Empowerment For Co-Operatives (SCOPE)*].

Model Perniagaan Melalui Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi [Supply Chain Empowerment For Co-Operatives (SCOPE)]

Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) merupakan satu inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh SKM bagi memperkukuh keupayaan koperasi dalam sektor ekonomi terpilih melalui pembangunan rantaian nilai yang lebih tersusun, mampan dan berdaya saing.

Program ini dilaksanakan bagi memperkasa rantaian bekalan koperasi khususnya dalam sektor pemborongan dan peruncitan bagi meningkatkan kapasiti outlet koperasi, pusat pengedaran,

logistik, akses kepada pasaran serta meningkatkan tahap kecekapan sistem penyampaian koperasi kepada anggota dan masyarakat setempat.

Menyediakan ekosistem dan landskap perniagaan yang kondusif bagi melengkapkan penguasaan koperasi dalam rantaian bekalan sektor pemborongan dan peruncitan dengan:

- Mewujudkan perniagaan yang bersistematik;
- Meningkatkan "*purchasing & bargaining power*" koperasi;
- Mengurangkan dan menstabilkan harga barang;
- Mengurangkan pemeringkatan (*tier*) orang tengah; dan
- Membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup.

Rajah 4.2: Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)

OBJEKTIF



Memperkasakan rantaian bekalan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan dengan menyediakan ekosistem dan landskap perniagaan yang kondusif dengan mengukuhkan DC/Sub-DC sedia ada atau mewujudkan DC/Sub-DC baharu

JUMLAH BANTUAN



DC/Sub-DC sedia ada sehingga

RM100,000

DC/Sub-DC baharu sehingga

RM300,000

SKOP PENGGUNAAN BANTUAN



1 Ubahsuai/ Naiktaraf Premis/ Bangunan/ perniagaan.



2 Peralatan gondola/rak penyimpanan barangan kering dan rak *cold room*.



3 Pendawaian elektrik dan lampu.



4 Perkakasan dan perisian IT termasuk sistem pengurusan gudang dan pengedaran.



5 Sistem keselamatan premis (alat pencegahan kebakaran, *alarm sistem*).



6 *Cold Room/ Chilled Room Equipment/ Freezer/ Chiller*.



7 Kenderaan/ 4x4/ forklift.

Pada tahun 2024, sebanyak RM2 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini. Sebanyak tujuh pusat pengedaran (DC) telah menerima peruntukan ini bagi menaik taraf infrastruktur DC sedia ada atau mewujudkan DC koperasi yang baharu, pembelian peralatan DC serta pembelian kenderaan bagi tujuan pengedaran. Melalui peruntukan ini, sebanyak sepuluh DC baharu telah diwujudkan dan tiga DC sedia ada telah dinaik taraf. Bermula tahun 2024, bantuan di bawah Program SCOPE telah dibuka juga kepada selain daripada aktiviti borong dan runcit iaitu kepada aktiviti pengedaran gas, farmasi dan tekstil.

Antara koperasi yang menerima dana ini pada tahun 2024 adalah Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad yang telah menerima peruntukan sebanyak RM111,000.00 bagi membiayai sebahagian kos pembelian lori supaya koperasi boleh melaksanakan aktiviti mengedarkan gas kepada pelanggan sekitar Alor Setar, Kedah. Koperasi ini telah didaftarkan pada 23 April 1953, dengan keanggotaan

seramai 3,549 orang anggota dan menjalankan aktiviti meliputi aktiviti kredit, ar-rahnu, perniagaan stesen minyak, kedai tayar dan pembekalan gas. Dengan adanya lori ini, telah membantu melancarkan lagi proses pembekalan gas kepada pelanggan. Koperasi ini mempunyai sebanyak lima *dealer* dan sepuluh *sub dealer* di seluruh Negeri Kedah dan koperasi juga bercadang untuk membuka lebih banyak *sub dealer* bagi mengukuhkan lagi penguasaan dalam rantai nilai aktiviti ini. Dengan ini, jumlah pendapatan koperasi dijangka meningkat dan peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan. Dalam sebulan dianggarkan sebanyak 28,000 hingga 30,000 tong telah dibekalkan kepada pengedar-pengedar seluruh Negeri Kedah dengan anggaran nilai kos yang terlibat sebanyak RM600 ribu. Berdasarkan rekod, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 aktiviti penjualan dan pengedaran gas memasak telah mencatatkan perolehan sebanyak RM12.75 juta dengan untung kasar sebanyak RM1.85 juta.

Gambar 4.1: Lori bagi Pusat Pengedaran gas milik Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad



Selain itu, Koperasi Farmasi Komuniti Kedah Berhad (KOFARMA) antara koperasi penerima bantuan di bawah program SCOPE. Koperasi ini di daftarkan pada 26 Julai 2019 dengan keanggotaan seramai 95 orang yang terdiri daripada pemilik dan pengusaha farmasi Melayu di Negeri Kedah. Koperasi telah menjalankan aktiviti pembekalan barangan kesihatan dan rehabilitasi serta

barangan runcit lain seperti air mineral secara borong ke farmasi anggota KOFARMA sekitar Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak. Tujuan utama penubuhan koperasi ini adalah untuk mengumpul modal daripada anggota bagi tujuan pembelian barangan farmasi secara pukal dan diedarkan semula kepada anggota dengan harga yang lebih rendah.

Pendapatan koperasi pada tahun kewangan 2024 adalah sebanyak RM1.29 juta bagi aktiviti pemborongan dan peruncitan ubat-ubatan. Perniagaan koperasi telah mendapat sambutan yang baik daripada anggota dan pelanggan koperasi. Produk yang diedarkan oleh koperasi kini telah mencecah sebanyak 129 SKU.

Koperasi telah menerima bantuan di bawah program SCOPE pada tahun 2024 bagi membiayai sebahagian kos naik taraf, pembelian peralatan dan lori supaya koperasi boleh melaksanakan aktiviti pengedaran kepada seluruh pelanggan yang berada di sekitar kawasan Utara Semenanjung Malaysia.

Gambar 4.2: Koperasi Farmasi Komuniti Kedah Berhad



Seterusnya Koperasi Rumpun Sejahtera Berhad juga antara koperasi penerima bantuan di bawah program SCOPE. Koperasi ini yang didaftarkan pada 12 Ogos 2010 menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan, menjual pakaian di butik pakaian milik koperasi yang sekarang ini beroperasi di lapan cawangan seluruh Malaysia dan tiga cawangan di Thailand. Operasi butik pakaian ini telah dijalankan sejak tahun 2012 dengan peningkatan yang memberangsangkan dari tahun ke tahun iaitu pencapaian tertinggi koperasi pada tahun 2023 sebanyak RM5.41 juta dengan margin keuntungan koperasi dicapai pada kadar 4.17%. Koperasi telah menerima bantuan bagi pembelian lori supaya koperasi boleh menjalankan aktiviti pengedaran produk tekstil koperasi


ke seluruh cawangan koperasi dan pelanggan-pelanggan. Koperasi juga berhasrat mengembangkan perniagaan melalui konsep *licensing* dalam menempatkan produk koperasi ini ke pasaran tekstil di Malaysia.

Gambar 4.3: Butik Pakaian milik Koperasi Rumpun Sejahtera Berhad



PEMERKASAAN PERNIAGAAN KOPERASI MELALUI KOPERASI MENENGAH

Rajah 4.3: Jenis Koperasi yang boleh di daftarkan



Koperasi menengah terdiri daripada koperasi-koperasi asas sahaja yang matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan koperasi anggota dan masyarakat secara keseluruhan. Koperasi menengah berperanan sebagai pemudah cara, penyokong, dan pengembang aktiviti koperasi asas untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial yang lebih besar.

Antara contoh koperasi menengah yang berjaya adalah Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) di daftarkan pada 18 Oktober 1980. Koperasi ini asalnya merupakan koperasi dengan keanggotaan individu sehinggalah tahun 1985 apabila status koperasi ini ditukar kepada keanggotaan mengikut gabungan Koperasi Peserta Rancangan (KPR) di setiap negeri. Koperasi ini kini dianggotai oleh 154 buah KPR dengan kumpulan wang anggota bernilai RM16.7 juta dan jumlah aset koperasi bagi

tahun 2024 bernilai RM130 juta. Koperasi menjalankan aktiviti jualan input pertanian, pembinaan, kontrak FELCRA, mengangkut dan membeli buah sawit, membekal tenaga kerja asing dan mengusahakan ladang sawit. Dengan pendapatan koperasi berjumlah RM779.1 juta dan keuntungan bersih sebanyak RM3.3 juta pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024, koperasi ini berjaya dinobatkan di tempat pertama dalam Profil 100 koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2024.

Hal ini menunjukkan dengan memanfaatkan sumber yang ada, koperasi menengah mempunyai peluang yang besar untuk berjaya. Fokus pada penglibatan anggota, pengelolaan yang berkesan, dan inovasi yang tepat dapat membantu memastikan kejayaan dalam jangka masa yang panjang.

Gambar 4.4: Antara pencapaian dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad



KEUSAHAWANAN SOSIAL DI MALAYSIA

Perusahaan Sosial (*Social Enterprise* atau SE) merupakan entiti berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Malaysia yang berasaskan matlamat sosial dan/atau alam sekitar. Entiti ini beroperasi melalui model perniagaan yang berdaya maju dari segi kewangan serta bertujuan menghasilkan impak positif kepada penerima manfaat dan ekonomi negara.

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Koperasi 1993, sesebuah koperasi yang berdaftar adalah layak dipertimbangkan untuk penarafan sebagai perusahaan sosial, tertakluk kepada pematuhan terhadap kriteria dan syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Rajah 4.4: Deskripsi Perusahaan Sosial



PROGRAM PENGALAKAN KOPERASI SEBAGAI PERUSAHAAN SOSIAL (SE.RASI)


Program Penggalakan koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (Social Enterprise, SE/SE.RASI) merupakan pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy2030) bagi mengarusperdanakan perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan sosio-ekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mampan.

Program diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran serta kefahaman koperasi mengenai SE dan seterusnya meningkatkan bilangan koperasi yang diberikan penarafan sebagai SE.

Melalui program ini, koperasi yang berpotensi dan memenuhi kriteria kelayakan akan diberikan latihan dan bimbingan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) selaku agensi pelaksana bagi membolehkan koperasi diberi penarafan sebagai SE. Selain itu, koperasi yang berkelayakan juga boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk mendapat bantuan perniagaan yang bertujuan untuk mengukuh dan mengembangkan aktiviti perniagaan sedia ada demi manfaat kepada penerima manfaat SE.

Rajah 4.5: Program Penggalakan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (SE.RASI)



Rajah 4.6: **Komponen Program Penggalakan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (SE.RASI)**

Antara koperasi yang telah berjaya diberikan penarafan Perusahaan Sosial (SE.Akreditasi) dan seterusnya berjaya memperoleh bantuan di bawah Program SE.RASI ini adalah Koperasi Peneroka FELDA Ulu Belitong Berhad. Koperasi telah ditawarkan bantuan berjumlah RM100 ribu bagi membiayai kos naik taraf fasiliti ternakan ikan air tawar dan penternakan unggas. Melalui bantuan ini koperasi dapat meningkatkan lagi pendapatan dan seterusnya mampu mengembangkan lagi penyaluran sosial koperasi kepada anggotanya.

Gambar 4.5: **Antara aktiviti perusahaan sosial yang dijalankan oleh Koperasi**



AKTIVITI PERLADANGAN

Aktiviti perladangan merupakan antara bidang keusahawanan koperasi yang memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar di Malaysia. Meskipun majoriti lazimnya dikaitkan dengan fungsi pertanian, hakikatnya aktiviti perladangan boleh dijalankan oleh koperasi di bawah pelbagai fungsi termasuk pengguna, perkhidmatan, pemborongan, mahupun kredit. Ini membuktikan bahawa penglibatan koperasi dalam sektor perladangan tidak tertakluk kepada satu bentuk fungsi semata-mata, tetapi bergantung kepada keperluan dan kekuatan setempat koperasi tersebut.

Melalui aktiviti perladangan, koperasi dapat memanfaatkan tanah milik ahli untuk menjana hasil secara kolektif, meningkatkan kecekapan pengurusan ladang, dan memperkukuh kedudukan dalam rantai nilai industri pertanian negara. Antara komoditi yang diusahakan oleh koperasi termasuk kelapa sawit, koko dan getah yang bukan sahaja menjana pendapatan langsung kepada ahli, tetapi turut memberi kesan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat melalui peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur dan kestabilan komuniti. Ketiga-tiga aktiviti ini akan diuraikan secara terperinci berdasarkan perkembangan semasa dan pencapaian koperasi yang terlibat di seluruh negara.

TUMPUAN KEPADA AKTIVITI PERLADANGAN KELAPA SAWIT, GETAH DAN KOKO

Aktiviti perladangan kelapa sawit, koko dan getah merupakan antara tunjang utama dalam sektor pertanian yang diusahakan oleh koperasi di Malaysia, khususnya di kawasan luar bandar. Ketiga-tiga komoditi ini bukan sahaja menjana hasil pertanian yang lumayan (*output*), malah turut membawa kesan jangka panjang (*outcome*) dalam memperkukuh daya saing ekonomi komuniti setempat. Perladangan kelapa sawit, sebagai contoh, menyumbang kepada hasil jualan buah tandan segar (BTS) yang stabil, sekali gus membolehkan koperasi menjana pendapatan berterusan dan memperkukuh dana tabungan anggota. Kesan langsungnya dapat dilihat dalam peningkatan kemudahan

infrastruktur tempatan, pengagihan dividen kepada anggota, serta penyediaan bantuan kebajikan dan pendidikan anak-anak anggota koperasi.

Dalam masa yang sama, penanaman koko memainkan peranan penting sebagai aktiviti pertanian bernilai tambah yang menyokong industri hiliran seperti pemprosesan biji koko dan penghasilan coklat buatan tempatan. Ini membuka peluang kepada koperasi untuk mewujudkan perusahaan yang mampu mencipta pekerjaan baharu bagi komuniti setempat, terutamanya golongan belia dan wanita. Sementara itu, perladangan getah yang lebih bersifat tradisional masih kekal sebagai sumber ekonomi utama bagi koperasi yang memiliki tanah kecil, terutamanya di kawasan pedalaman. Walaupun

berdepan dengan cabaran harga pasaran dunia yang tidak menentu, aktiviti ini tetap memberikan hasil tunai harian kepada penoreh dan menyokong kelangsungan hidup ramai keluarga luar bandar.

Pelaksanaan ketiga-tiga aktiviti perladangan ini oleh koperasi bukan sahaja memanfaatkan tanah pertanian milik anggota secara optimum, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian komuniti setempat melalui penciptaan peluang pekerjaan, pengurangan penghijrahan belia ke bandar, dan pembangunan ekonomi mikro. Dengan pendekatan kolektif dan sistem sokongan koperasi yang kukuh, hasil pertanian ini tidak hanya memberi pulangan kepada individu, malah memperkuat struktur ekonomi desa secara menyeluruh.

Perladangan Kelapa Sawit

Perladangan kelapa sawit merupakan antara aktiviti koperasi yang paling dominan dan berimpak tinggi di Malaysia. Dengan keluasan keseluruhan mencecah 115,375.30 hektar yang diusahakan oleh 209 buah koperasi, aktiviti ini bukan sahaja menjadi sumber pendapatan utama kepada koperasi, malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi luar bandar secara menyeluruh. Daripada jumlah ini, sebanyak 113 koperasi mengusahakan ladang berskala besar melebihi 100 ekar, manakala 60 koperasi lagi mengendalikan ladang berskala kecil di bawah 100 ekar. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor sawit koperasi memiliki keupayaan dari segi skala dan jaringan pengeluaran yang signifikan.

Jadual 4.1: Keluasan Data Ladang Kelapa Sawit (Hektar) Milik Koperasi sehingga 31 Disember 2024

DATA KELUASAN LADANG KELAPA SAWIT (HEKTAR) MILIK KOPERASI SELURUH MALAYSIA SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

BIL.	NEGERI	KELUASAN TANAH HEKTAR	BILANGAN KOPERASI	BILANGAN > 100 EKAR	BILANGAN < 100 EKAR	BELUM DAPAT DIKESAN
1	Wilayah Persekutuan	42,079.39	13	7	1	5
2	Pahang	36,117.30	49	24	25	0
3	Sabah	17,381.18	37	35	2	0
4	Terengganu	8,813.77	41	7	2	32
5	Perak	5,355.81	19	15	4	0
6	Johor	3,672.06	21	13	13	(5)
7	Negeri Sembilan	606.39	9	7	2	0
8	Kelantan	410.17	4	1	0	3
9	Melaka	34.01	8	0	7	1
10	Kedah	201.80	2	1	1	0
11	Selangor	579.19	2	2	0	0
12	Sarawak	93.15	3	1	2	0
13	Pulau Pinang	31.07	1	0	1	0
14	Perlis	TIADA	0	0	0	0
JUMLAH		115,375.30	209	113	60	36

Secara geografi, tiga negeri mencatatkan keluasan terbesar iaitu Wilayah Persekutuan (42,079.39 hektar), Pahang (36,117.30 hektar) dan Sabah (17,381.18 hektar). Ketiga-tiga negeri ini bukan sahaja kaya dengan tanah pertanian yang sesuai, malah mempunyai bilangan koperasi yang aktif dan berdaya saing dalam sektor sawit. Misalnya, Pahang mempunyai 49 koperasi kelapa sawit, dengan hampir separuh daripadanya mengusahakan ladang melebihi 100 ekar. Sabah pula mencatat bilangan koperasi sawit yang besar (37 koperasi), dan menariknya, hampir kesemuanya menguruskan ladang berskala besar menandakan tahap kematangan dan kecekapan operasi yang tinggi dalam kalangan koperasi di negeri tersebut.

Aktiviti perladangan kelapa sawit oleh koperasi memberi kesan ekonomi yang menyeluruh kepada masyarakat setempat. Dari sudut *output*, hasil tuaian buah tandan segar (BTS) yang dijual ke kilang pemprosesan menjana pendapatan konsisten kepada koperasi. Pendapatan ini seterusnya diagih dalam bentuk dividen, sumbangan kebajikan, pendidikan, dan pelaburan semula dalam projek komuniti, mewujudkan kitaran ekonomi yang lestari. Dari sudut *outcome*, koperasi turut mewujudkan peluang pekerjaan tempatan, bukan sahaja dalam aktiviti penanaman dan penuaian, tetapi juga dalam aspek pengurusan, penyelenggaraan ladang dan logistik. Ini secara langsung mengurangkan penghijrahan belia ke bandar dan memupuk minat generasi muda untuk menceburi bidang agro-korporat berasaskan koperasi.

Di samping itu, koperasi yang mengusahakan tanah secara kolektif turut berperanan sebagai penjaga alam sekitar melalui amalan pertanian lestari, seperti penggunaan baja organik, penanaman semula berjadual, dan pemuliharaan zon penampungan sungai. Di beberapa negeri seperti Terengganu dan Perak, koperasi juga bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi mendapatkan pensijilan MSPO (Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia), yang membolehkan produk sawit koperasi menembusi pasaran eksport.

Namun begitu, cabaran kekal wujud, antaranya ialah isu produktiviti rendah bagi ladang yang masih kecil, kekangan modal untuk membangunkan prasarana ladang, serta masalah

ketidakpastian status tanah (seperti yang ditunjukkan oleh 36 kes tanah yang belum dapat dikesan statusnya). Justeru, sokongan berterusan daripada kerajaan, SKM, dan agensi berkaitan amat penting bagi memastikan koperasi-koperasi sawit ini terus mampan dan berdaya tahan.

Model Perniagaan Baharu dalam Perladangan Kelapa Sawit oleh Koperasi di Malaysia

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) merupakan inisiatif strategik negara yang memperkukuh penyertaan koperasi dalam industri sawit melalui pendekatan yang lebih tersusun, mampan dan berimpak tinggi. Ditubuhkan hasil kerjasama antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), KPSM bertujuan menyatukan pekebun-pekebun kecil sawit persendirian di bawah satu organisasi berdaftar, sekali gus memperkasakan mereka dari segi ekonomi dan tadbir urus. Melalui penubuhan KPSM, kerajaan telah menyediakan satu mekanisme rasmi dan kolektif bagi membolehkan pekebun kecil memperoleh manfaat ekonomi skala besar secara bersama.

Antara kelebihan utama KPSM ialah kewujudan pusat-pusat timbang BTS milik koperasi sendiri, yang membolehkan isu manipulasi timbangan dan ketidakadilan harga dikurangkan. Lokasi pusat timbang yang berdekatan dengan ladang pula memberi kelebihan besar dari segi penjimatan logistik dan masa. Selain itu, KPSM berfungsi sebagai pusat pengumpulan BTS yang berskala besar, sekaligus memberi kuasa tawar-menawar yang lebih tinggi kepada koperasi berbanding pekebun kecil yang beroperasi secara individu.

Dari segi perkembangan, KPSM menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Sejak mula ditubuhkan pada tahun 2012, sasaran penubuhan sebanyak 65 buah koperasi berjaya dicapai melebihi sasaran dengan 67 KPSM ditubuhkan menjelang 2020. Sehingga 31 Disember 2024, terdapat 72 buah KPSM berdaftar. Ini mencerminkan sambutan yang tinggi dalam kalangan pekebun kecil terhadap model koperasi sebagai pemacu ekonomi dan pengukuh daya saing industri sawit.

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh KPSM ialah isu aliran tunai dan keupayaan membayar tunai segera kepada pekebun kecil. Ramai pekebun kecil lebih cenderung menghantar BTS ke pusat timbang swasta yang mampu membayar tunai serta-merta, berbanding menunggu tempoh pembayaran koperasi yang mungkin mengambil masa hingga dua minggu. Oleh itu, suntikan modal kerja amat penting bagi meningkatkan daya saing KPSM dalam mendapatkan bekalan BTS secara konsisten.

Selain itu, KPSM masih bergantung kepada tenaga kerja kontrak di bawah MPOB untuk pengurusan operasinya. Walaupun pengurus-pengurus ini aktif bermesyuarat di peringkat negeri setiap bulan, sasaran jangka panjang ialah supaya KPSM mampu menggajikan pengurusan dan kakitangan tetap sendiri hasil daripada keuntungan perniagaan. Ini bukan sahaja menjamin kesinambungan operasi, malah memartabatkan koperasi sebagai institusi ekonomi yang benar-benar berdikari.

Secara keseluruhannya, KPSM merupakan model koperasi berasaskan pertanian yang berjaya dan harus diperluas. Ia bukan sahaja memberi pendapatan stabil kepada pekebun kecil, malah berupaya merubah landskap ekonomi luar bandar melalui pendekatan pengurusan bersama yang mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Tahun 2024 menyaksikan pencapaian memberangsangkan oleh rangkaian KPSM di seluruh negara. Secara keseluruhan, sebanyak 67 buah KPSM telah menjalankan urus niaga BTS sehingga Disember 2024, dengan jumlah keseluruhan jualan BTS mencecah 440,627.31 metrik tan, menghasilkan perolehan sebanyak RM325.73 juta. Angka ini menunjukkan peningkatan daya saing dan keupayaan sebenar koperasi sawit dalam menyumbang kepada ekonomi luar bandar secara kolektif dan mampan.

Jadual 4.2: Kemajuan Jualan BTS Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Tahun 2024

BIL.	NEGERI	BIL. KPSM	JUMLAH JUALAN BTS (TAN)	JUMLAH NILAI JUALAN (RM)
1	Johor	4	20,285.42	16,646,297.72
2	Melaka	2	12,242.83	10,379,300.07
3	Negeri Sembilan	1	3,931.43	2,859,147.34
4	Selangor	2	4,484.94	3,800,644.61
5	Perak	3	15,463.58	13,691,665.15
6	Kedah	1	2,875.12	2,115,419.88
7	Pahang	5	30,939.98	26,293,024.84
8	Kelantan	1	3,210.93	2,572,478.61
9	Terengganu	3	5,607.98	4,683,466.75
10	Semenanjung	22	99,042.23	83,041,445.97
11	Sabah	27	150,379.65	111,751,889.80
12	Sarawak	18	191,205.43	130,939,318.09
	JUMLAH	67	440,627.31	325,732,653.86

Melihat kepada keseluruhan prestasi, koperasi-koperasi di Sabah dan Sarawak menunjukkan dominasi dalam jumlah kutipan dan perolehan BTS, selari dengan keluasan dan kepadatan kawasan penanaman sawit di kedua-dua negeri. Walau bagaimanapun, beberapa koperasi di Semenanjung Malaysia, seperti di Pahang turut menunjukkan potensi besar dalam mengembangkan operasi mereka.

Secara keseluruhannya, prestasi 2024 menggambarkan bahawa KPSM bukan sahaja berjaya menyatukan pekebun kecil, malah membuktikan bahawa koperasi mampu bersaing dalam pasaran komoditi dengan keupayaan sendiri. Dengan sokongan berterusan dari MPOB, SKM dan agensi kerajaan lain, potensi KPSM untuk berkembang lebih jauh amat besar termasuk dalam sektor hiliran seperti pemprosesan minyak sawit, pensijilan MSPO, dan eksport secara terus.

Kejayaan KPSM dalam Senarai 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024

Tahun 2024 menyaksikan detik gemilang buat beberapa buah KPSM apabila berjaya tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024, sekali gus membuktikan potensi besar sektor perladangan khususnya komoditi sawit di bawah model koperasi. Antara KPSM yang meraih pengiktirafan ialah KPSM Daerah Bau Berhad (Sarawak) yang berada dalam kedudukan ke 33 dalam Koperasi Terbaik Malaysia. Koperasi ini mencatatkan pencapaian kewangan yang memberangsangkan dengan jumlah hasil jualan sebanyak RM5.6 juta, jumlah yuran dan simpanan anggota sekitar RM42 juta, serta nilai aset mencecah RM12.8 juta, menjadikannya antara koperasi pertanian paling berdaya saing di wilayah Borneo.

Turut mencuri tumpuan ialah KPSM Daerah Kota Marudu Berhad (Sabah) yang berada dalam pada kedudukan ke 46. Koperasi ini merekodkan jumlah hasil jualan BTS bernilai RM1.3 juta serta

memiliki nilai aset sekitar RM4 juta, disokong oleh kekuatan yuran dan simpanan anggota yang mencecah RM27 juta, sekali gus memperlihatkan keberkesanan pengurusan koperasi walaupun beroperasi di kawasan luar bandar. Dalam kelompok yang sama, KPSM Daerah Keningau Sabah Berhad (Sabah) di kedudukan ke 49 juga mencatatkan pencapaian kukuh dengan hasil jualan RM2.05 juta dan simpanan ahli melebihi RM26 juta, menunjukkan daya tahan dan pertumbuhan progresif koperasi sawit di Sabah.

Lebih membanggakan, KPSM Daerah Bera Berhad (Pahang) tersenarai dalam kedudukan ke 89, mencatatkan jualan BTS sekitar RM754 ribu, namun mempunyai nilai simpanan anggota sebanyak RM15.6 juta, membuktikan kepercayaan tinggi anggota terhadap institusi koperasi dan kebolehan koperasi dalam menjana manfaat jangka panjang. KPSM Daerah Tatau Berhad (Sarawak) pula turut tersenarai dalam kedudukan ke 95 dengan jumlah jualan lebih RM1.1 juta dan nilai simpanan anggota mencecah RM13.6 juta, sekali gus menandakan pengembangan koperasi sawit yang berimpak di Malaysia Timur.

Kemasukan beberapa buah KPSM ke dalam senarai 100 terbaik ini menunjukkan bahawa koperasi sawit bukan sahaja berperanan sebagai pemasar hasil BTS, malah berjaya berkembang menjadi institusi ekonomi desa yang berdaya tahan dan berdaya saing. Pencapaian ini juga mencerminkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif Program Pemerkasaan Koperasi Sawit Mampan oleh SKM dalam memperkasa koperasi pekebun kecil melalui pendekatan berkelompok, kolaborasi strategik dan latihan tadbir urus profesional. KPSM kini bukan lagi hanya entiti pengumpulan hasil, tetapi telah beralih kepada koperasi generasi baharu yang mencorak landskap ekonomi luar bandar serta menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sektor pertanian negara.

Sisipan Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau:

Menyokong Pekebun Kecil Melalui Amalan Sawit Mampan

Koperasi Sawit Mampan Daerah Keningau Sabah Berhad (KPSM Keningau) telah muncul sebagai contoh terbaik dalam transformasi sosial dan ekonomi dalam kalangan pekebun kecil sawit di Sabah. Ditubuhkan pada tahun 2012, koperasi ini kini mempunyai sekitar 400 ahli pekebun kecil, dengan misi utama untuk melindungi mereka daripada amalan tidak adil yang biasa berlaku dalam pasaran, terutamanya manipulasi berat tangkai buah sawit dan ketidakpastian harga yang selama ini menjejaskan kecekapan pendapatan ahli.

Satu daripada pencapaian terawal dan paling ketara ialah penubuhan pusat timbang milik koperasi di Kampung Delayan Lama, Sook, yang dibiayai melalui geran kerajaan sebanyak RM200 ribu. Dengan adanya pusat timbang ini, pekebun kecil mendapat akses terus ke fasiliti rasmi yang menjamin keadilan berat timbangan, mengurangkan kos pengangkutan dan memaksimumkan harga jualan melalui penembusan pasaran langsung ke kilang. Inisiatif ini bukan sahaja mengoptimumkan pulangan tetapi juga menambah keyakinan ahli terhadap keberkesanan model koperasi.

Gambar 4.6: Pusat Timbang KPSM Keningau



Gambar 4.7: Kakitangan koperasi sedang memunggah BTS



Hasil daripada struktur perniagaan yang teratur dan dana kerajaan yang diperolehi, KPSM Keningau telah diiktiraf secara rasmi semasa sambutan Hari Koperasi Negara 2023 di Sabah. Dalam majlis tersebut, koperasi ini dibawa masuk dalam kategori Koperasi Harapan, satu anugerah yang memperlihatkan dedikasi terhadap bidang pertanian serta perkhidmatan komuniti. Kategori ini dianugerahkan kepada koperasi yang bukan sekadar menunjukkan pencapaian ekonomi, tetapi juga mempunyai impak sosial yang signifikan dan potensi transformasi sektor pertanian luar bandar.

Keberhasilan model perniagaan koperasi yang berpusat pada pengumpulan hasil secara berkumpulan (*aggregate sales*) dan penggunaan Amalan Pertanian Baik (GAP) telah dilihat secara positif oleh pihak Kerajaan, terutama dalam menyokong objektif Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Dasar Pertanian Lestari.

Penubuhan KPSM Keningau selari dengan usaha strategik oleh MPOB dan Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (MPPIC) untuk memastikan pekebun kecil mendapat peluang sama rata melalui latihan teknikal, pensijilan MSPD dan bantuan infrastruktur.

Model operasi koperasi ini juga memperlihatkan pendekatan holistik: Memberi nasihat agronomi, mewujudkan sistem timbang rasmi, menyalurkan insentif dan pinjaman mikro, serta membudayakan penanaman secara berkumpulan. Semuanya bertujuan menjamin kecekapan penghasilan dan pengurusan hasil. Kejayaan KPSM Keningau menunjukkan bahawa pendekatan kolektif dan integratif seperti ini mampu mengubah gerakan pekebun kecil menjadi model pengurusan sawit yang mudah disesuaikan, inklusif dan mampan.

Secara keseluruhannya, kekuatan KPSM Keningau terletak pada gabungan antara infrastruktur timbang milik sendiri, pensijilan lestari, dan latihan berterusan, yang secara langsung mendatangkan pendapatan berdaya tahan kepada pekebun kecil. Dengan pencapaian BTS hampir 29,000 tan serta perolehan melebihi RM20 juta, koperasi ini membuktikan bahawa model perladangan sawit koperasi mampu bersaing dalam industri global, sambil memperkasakan komuniti luar bandar Sabah ke arah kesejahteraan sosio-ekonomi yang lebih mampan.

AKTIVITI PERLADANGAN GETAH DALAM GERAKAN KOPERASI MALAYSIA

Dalam landskap perladangan koperasi di Malaysia, aktiviti penanaman dan pengeluaran getah kekal relevan sebagai salah satu sumber ekonomi penting khususnya bagi koperasi yang beroperasi di kawasan luar bandar dan pedalaman. Walaupun industri getah berhadapan dengan cabaran dari segi persaingan komoditi lain dan turun naik harga global, namun kegiatan ini masih giat dijalankan dalam kalangan koperasi yang memiliki tanah pertanian kecil, terutamanya di negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan, Perak, Pahang dan Sabah.

Aktiviti ini lazimnya dijalankan dalam bentuk ladang milik koperasi atau tanah ahli yang diusahakan secara kolektif, dengan fokus kepada penanaman getah klon baharu yang lebih produktif serta penggunaan kaedah penorehan moden. Selain itu, terdapat koperasi yang menjalankan aktiviti pemprosesan getah beku atau *cup lump* sebagai nilai tambah sebelum dipasarkan kepada pembeli atau kilang pemprosesan.

Peranan koperasi dalam aktiviti ini adalah penting kerana ia bukan sahaja menyediakan saluran pemasaran yang adil dan telus bagi hasil getah ahli, malah membantu mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah. Melalui pendekatan koperasi, pekebun kecil mendapat akses kepada bahan input pertanian, latihan teknikal, serta khidmat nasihat daripada agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM). Ini secara langsung membantu meningkatkan hasil kebun, kualiti lateks atau *cup lump*, dan seterusnya memperkukuh kedudukan koperasi sebagai pemain ekonomi setempat.

Lebih penting, aktiviti ini memberi impak besar dari segi sosioekonomi. Ia mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat kampung, mengekalkan guna tanah tradisional secara produktif, dan mengurangkan kadar penghijrahan belia ke bandar. Bagi banyak koperasi yang menjadikan getah sebagai aktiviti utama atau sampingan, hasil daripada jualan harian ini membantu koperasi menjana pendapatan tunai berterusan, yang kemudian diagihkan semula kepada ahli dalam bentuk dividen dan perkhidmatan komuniti.

Jadual 4.3: Perolehan Aktiviti Getah Koperasi Tahun 2024

NEGERI	BIL. KOPERASI	JUALAN (RM)
PERAK	3	1,222,238
KEDAH	2	16,197
ESTET GETAH	5	1,238,435
PERAK	2	391,493
PAHANG	6	99,549
JOHOR	4	3,959,481
NEGERI SEMBILAN	2	755,795
SABAH	1	370,000
TERENGGANU	1	644,921
PEKEBUN KECIL GETAH	16	6,221,239

Pencapaian Perolehan Aktiviti Getah oleh Koperasi Tahun 2024

Walaupun industri getah tidak lagi mendominasi ekonomi negara seperti era sebelumnya, aktiviti getah masih menjadi sumber pendapatan penting kepada koperasi-koperasi tertentu, khususnya yang beroperasi di kawasan luar bandar. Pada tahun 2024, koperasi di Malaysia telah mencatatkan perolehan berjumlah RM7.46 juta daripada aktiviti berkaitan getah, melibatkan sebanyak 21 buah koperasi di seluruh negara.

Secara umum, aktiviti getah koperasi dibahagikan kepada dua kategori utama: estet getah dan pekebun kecil getah. Bagi kategori estet, sebanyak lima koperasi telah terlibat, menyumbang RM1.24 juta kepada jumlah keseluruhan. Negeri Perak mencatatkan perolehan tertinggi dalam kategori ini sebanyak RM1.22 juta daripada tiga koperasi, manakala Kedah menyumbang jumlah yang kecil iaitu RM16,197.00 daripada dua koperasi. Walaupun bilangannya kecil, koperasi yang menguruskan estet menunjukkan keberkesanan dari segi keupayaan menjana hasil melalui ladang komersial milik koperasi.

Sementara itu, kategori pekebun kecil getah menunjukkan penyertaan yang lebih meluas, melibatkan 16 koperasi dari enam negeri utama. Secara keseluruhan, kategori ini mencatatkan perolehan yang jauh lebih tinggi iaitu RM6.22 juta sekaligus menunjukkan bahawa aktiviti penorehan oleh pekebun kecil koperasi masih berdaya saing. Negeri Johor mencatatkan pencapaian tertinggi dalam kategori ini, dengan jumlah jualan sebanyak RM3.96 juta daripada 4 koperasi sahaja, menjadikan negeri itu sebagai penyumbang utama dalam sektor getah koperasi untuk tahun 2024.

Negeri lain yang turut mencatat perolehan memberangsangkan termasuk Negeri Sembilan (RM756 ribu), Terengganu (RM645 ribu) dan Perak (RM391 ribu). Pahang pula walaupun melibatkan 6 koperasi, hanya mencatatkan jumlah kecil iaitu RM99,549.00,

situasi yang mungkin menunjukkan skala operasi yang kecil atau jualan yang bergantung kepada musim dan harga pasaran semasa. Sabah turut mencatatkan penyertaan melalui satu koperasi dengan perolehan RM370 ribu sekali gus menunjukkan potensi pengembangan aktiviti ini di kawasan Malaysia Timur.

Pencapaian ini secara tidak langsung membuktikan bahawa aktiviti getah koperasi masih mempunyai ruang dan potensi untuk berkembang, terutamanya melalui penggabungan sumber pekebun kecil, penyediaan khidmat pemasaran kolektif dan akses kepada jaringan pembeli secara langsung. Dengan sokongan berterusan daripada agensi seperti RISDA dan LGM, koperasi getah mampu mengangkat semula sektor ini sebagai salah satu pemacu ekonomi desa yang mampan dan berdaya tahan.

Model Perniagaan Baharu dalam Aktiviti Getah oleh Koperasi di Malaysia

Dalam menghadapi cabaran industri getah yang semakin mencabar dari segi harga pasaran, kos buruh, dan minat generasi muda, koperasi di Malaysia perlu bergerak ke arah model perniagaan baharu yang lebih berdaya saing dan berorientasikan nilai tambah. Aktiviti penanaman dan pengeluaran getah tidak boleh lagi berlegar pada penjualan getah mentah semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi strategi integrasi, pemprosesan, dan teknologi agar kekal relevan dan mampan.

Koperasi disaran mengadaptasi teknologi automasi dan hijau dalam operasi ladang dan pemprosesan. Melalui insentif di bawah Malaysia Rubber Council (MRC) dan LGM, beberapa koperasi berpotensi melabur dalam sistem penorehan automatik, penggunaan alat pengesan hasil, serta peralatan pemprosesan berasaskan tenaga bersih. Ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja konvensional, dan dalam masa sama meningkatkan produktiviti serta kualiti hasil.

Untuk mengukuhkan kepercayaan pengguna dan pembeli, koperasi disaran mendapatkan pensijilan MSPO atau pensijilan lestari LGM, terutamanya bagi ladang-ladang koperasi yang diurus secara sistematik. Pensijilan ini bukan sahaja meningkatkan imej koperasi, malah membuka peluang eksport kepada pembeli luar negara yang semakin mementingkan piawaian kelestarian dan tanggungjawab sosial.

Secara keseluruhannya, model-model baharu ini menuntut koperasi agar lebih terbuka terhadap transformasi, bukan sahaja dari sudut operasi, tetapi juga dari segi pemikiran keusahawanan, kerjasama strategik, dan keberanian melabur dalam teknologi serta pasaran baharu. Dengan pendekatan ini, aktiviti getah dalam gerakan koperasi bukan sahaja mampu dipertahankan, tetapi berpotensi muncul semula sebagai salah satu sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi luar bandar secara mampan dan progresif.

Sisipan Aktiviti Getah

Koperasi Pekebun Kecil Daerah Larut Matang Berhad

Koperasi Pekebun Kecil Daerah Larut Matang Berhad (KPK Larut Matang), yang berpangkalan di Taiping, Perak, merupakan sebuah koperasi yang lahir daripada keperluan mendesak pekebun kecil untuk bersatu dan memperkukuh kedudukan mereka dalam industri pertanian, khususnya dalam sektor getah. Ditubuhkan pada 3 Mac 1981, koperasi ini memulakan langkahnya secara

sederhana dengan hanya empat orang pekerja dan keanggotaan awal yang kecil. Namun berkat pengurusan yang cekap dan sokongan komuniti setempat, koperasi ini telah berkembang pesat menjadi sebuah entiti pertanian yang kukuh dan berdaya tahan, khususnya dalam menjayakan aktiviti pengumpulan dan pemasaran hasil getah serta sawit.

Dalam konteks aktiviti getah, KPK Larut Matang telah menunjukkan kemampuan luar biasa dalam menyusun operasi secara sistematik, dengan menyediakan kemudahan pusat timbang yang memberi faedah besar kepada ahlinya. Dua pusat timbang koperasi yang terletak di Sungai Ara, Batu Kurau dan di Trong, Changkat Ibol memainkan peranan penting dalam memastikan hasil getah yang dikumpul daripada pekebun kecil diproses dan dipasarkan dengan lebih cekap dan telus. Keupayaan ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan harga yang diterima oleh ahli, tetapi juga membantu menstabilkan pendapatan pekebun kecil yang sering terdedah kepada ketidaktentuan harga pasaran.

Model perniagaan koperasi ini terbukti berkesan apabila melihat kepada prestasi kewangannya yang memberangsangkan. Dengan keanggotaan seramai 1,700 orang, koperasi ini berjaya mengumpulkan syer dan yuran sebanyak RM1.001 juta, manakala kumpulan wang anggota mencecah RM2.534 juta. Aset koperasi kini bernilai RM4.743 juta, dan yang lebih mengagumkan, pendapatan keseluruhan koperasi pada tahun 2024 direkodkan

sebanyak RM19.548 juta. Angka ini membuktikan bahawa walaupun beroperasi dalam sektor pertanian tradisional seperti getah, koperasi ini mampu bersaing dalam lanskap ekonomi semasa melalui pendekatan berasaskan kecekapan operasi, penglibatan aktif ahli, dan pengurusan profesional.

Pencapaian ini melonjakkan nama KPK Larut Matang ke peringkat nasional apabila ia berjaya disenaraikan dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024, dan berada pada kedudukan ke-71 daripada ribuan koperasi yang berdaftar di seluruh negara. Kedudukan ini bukanlah satu kejayaan yang mudah dicapai; ia merupakan pengiktirafan kepada koperasi yang memenuhi pelbagai kriteria prestasi termasuk kekuatan kewangan, perolehan tahunan, pertumbuhan aset, tadbir urus yang baik, dan impak kepada komuniti ahli. Lebih membanggakan, koperasi ini turut disenaraikan sebagai salah satu daripada sebelas koperasi negeri Perak yang menerima penghargaan khusus daripada kerajaan negeri, termasuk insentif kewangan bagi memperkukuh lagi keupayaan dan peranannya dalam pembangunan ekonomi setempat.

Gambar 4.8: Belian getah dari penjual secara bergerak



Secara keseluruhannya, KPK Larut Matang Berhad adalah lambang kejayaan koperasi luar bandar yang bijak menyesuaikan diri dengan perubahan zaman, tanpa meninggalkan identiti asalnya sebagai pemangkin ekonomi kepada pekebun kecil. Melalui usaha berterusan dalam memperkemas operasi, memperluas fasiliti dan membina kepercayaan ahli, koperasi

ini bukan sahaja mampu mengekalkan daya tahan dalam sektor getah yang mencabar, tetapi juga mengangkat martabat gerakan koperasi sebagai penyumbang sebenar kepada kemakmuran rakyat. Kejayaan ini wajar dijadikan model dan inspirasi kepada koperasi lain dalam usaha membina jaringan ekonomi yang lestari dan berakar umbi di tanah sendiri.

INDUSTRI KOKO DAN PENGLIBATAN GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

Industri koko di Malaysia merupakan salah satu sektor komoditi pertanian yang mempunyai sejarah panjang dan nilai strategik dalam pembangunan ekonomi luar bandar. Meskipun tidak sebesar industri kelapa sawit atau getah dari segi keluasan dan eksport, koko tetap memainkan peranan penting sebagai sumber pendapatan alternatif bagi pekebun kecil, terutamanya di negeri-negeri seperti Sabah, Pahang dan Kelantan. Malaysia, yang suatu ketika dahulu merupakan antara pengeksport utama biji koko dunia, kini lebih memberi tumpuan kepada aktiviti hiliran seperti pemprosesan, penghasilan coklat, serbuk koko dan produk konfeksi, seiring dengan peralihan kepada ekonomi berasaskan nilai tambah.

Dalam landskap ini, gerakan koperasi turut memainkan peranan khusus dalam menyokong industri koko, khususnya dari aspek pengumpulan hasil, pemprosesan asas, serta pembangunan keusahawanan berasaskan koko. Penglibatan koperasi membolehkan pekebun kecil koko bergabung secara kolektif, sekali gus memperoleh kelebihan dari sudut rundingan harga, sokongan teknikal, dan akses kepada pasaran lebih luas. Ini amat penting kerana penanaman koko di Malaysia lazimnya dilakukan dalam skala kecil, dan sukar untuk bersaing secara individu di pasaran terbuka tanpa struktur sokongan seperti koperasi.

Beberapa koperasi di bawah pengawasan SKM dan kerjasama Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah mengorak langkah dalam membangunkan aktiviti koko secara lebih tersusun. Terdapat koperasi yang melibatkan diri dalam pengumpulan biji koko kering, pengurusan ladang koko secara bersama, bahkan ada yang telah memulakan usaha pemprosesan hiliran seperti penghasilan coklat tempatan berjenama sendiri. Ini sejajar dengan hala tuju kerajaan dalam menggalakkan pembangunan industri koko berasaskan komuniti dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Kekuatan koperasi dalam aktiviti koko juga terletak pada keupayaannya untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi desa, menerusi penciptaan pekerjaan tempatan, pengekalan guna tanah pertanian secara lestari dan peningkatan

pendapatan ahli. Justeru, walaupun skala industri koko mungkin lebih kecil berbanding komoditi lain, namun peranannya dalam memperkukuh ekonomi komuniti luar bandar tidak dapat dinafikan.

Kejayaan dan Model Perniagaan Baharu Koperasi Kluster Koko di Malaysia

Industri koko di Malaysia, walaupun berskala sederhana, terus menunjukkan potensi tinggi dalam sektor pertanian bernilai tambah. Tahun 2024 menyaksikan kemunculan koperasi-koperasi koko berasaskan kluster sebagai pemacu utama kebangkitan semula industri ini melalui pendekatan kolektif, bersepadu dan berteraskan pembangunan komuniti. Tiga entiti utama iaitu Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad (3KQ), Koperasi Kluster Koko Semenanjung Berhad (KOPSEM) dan Koperasi Kluster Koko Sabah Berhad (KKKSB) telah muncul sebagai pelopor kepada model perniagaan koperasi moden dalam sektor koko Malaysia.

Koperasi Kluster Koko Sarawak Berhad (3KQ)

3KQ terus memacu perubahan landskap koko di Sarawak dengan pendekatan menyeluruh dari ladang ke pasaran. Sepanjang tahun 2024, 3KQ meneruskan usaha membangunkan kompleks pemprosesan dan pemasaran bersepadu di Kampung Teh, Pusa, yang kini berfungsi bukan sahaja sebagai pusat pengumpulan biji koko kering, tetapi juga sebagai hab latihan pertanian koko, pusat pelawat agro, dan pengeluaran produk hiliran seperti serbuk koko dan coklat artisan. Penambahbaikan infrastruktur termasuk pemasangan sistem elektrik baharu pada Julai 2024 memperkukuh keupayaan operasi harian koperasi.

Model perniagaan 3KQ pada tahun 2024 menumpukan kepada pemprosesan hiliran (downstream processing) dan aktiviti agropelancongan berasaskan koko. Selain memasarkan biji koko berkualiti "single origin Sarawak", koperasi ini juga melibatkan diri dalam penghasilan coklat tempatan dan program lawatan ladang yang menggabungkan pengalaman pelancongan dan pendidikan koko. Produk-produk ini dijual secara fizikal di kompleks dan secara dalam talian melalui platform e-dagang, menjadikan 3KQ antara koperasi terawal yang mengaplikasikan pendekatan pelbagai aliran pendapatan dalam sektor koko.

Koperasi Kluster Koko Semenanjung Berhad (KOPSEM)

KOPSEM, yang mewakili pekebun kecil koko dari negeri-negeri utama di Semenanjung seperti Pahang, Kelantan dan Johor, meneruskan usaha mengukuhkan asas organisasi dengan penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 pada Oktober 2024. Sepanjang tahun tersebut, KOPSEM memberi tumpuan kepada pengurusan ladang kolektif dan pemasaran pukal biji koko kering, serta memulakan kerjasama strategik bersama syarikat pemprosesan coklat tempatan bagi membina rangkaian pasaran yang lebih mampan.

Model perniagaan KOPSEM berasaskan pendekatan "*Bulk Sourcing and Contract Marketing*", di mana koperasi berfungsi sebagai *aggregator* hasil pekebun kecil dan bertindak menyalurkan produk ke kilang pemprosesan secara kontrak. Melalui pendekatan ini, KOPSEM membantu ahlinya mendapatkan harga yang stabil serta mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah. Di samping itu, koperasi turut mengorak langkah dalam menyediakan latihan pensijilan koko organik dan pengurusan ladang mesra alam, seiring dengan permintaan pasaran yang semakin mementingkan kelestarian dan jejak karbon rendah.

Koperasi Kluster Koko Sabah Berhad (KKKSB)

Sabah kekal sebagai negeri pengeluar utama koko di Malaysia, dan KKKSB mengambil peranan penting sebagai penyelaras aktiviti pekebun kecil koko di seluruh negeri. Pada Januari 2024, koperasi ini mencatat kejayaan besar apabila berjaya menghantar 14 tan biji koko kering ke syarikat pengeluar coklat

tempatan Bennis Chocolate, menandakan bermulanya hubungan perniagaan tetap antara koperasi dan syarikat pemprosesan hiliran.

Model perniagaan KKKSB pada tahun ini menggabungkan tiga komponen utama: pemasaran langsung ke kilang, pengurusan logistik koperasi, dan pembangunan koperasi kluster rintis di daerah pengeluaran utama seperti Ranau dan Tenom. Melalui strategi ini, KKKSB memastikan hasil koko dapat dikumpul, ditimbang, diproses awal dan dihantar terus tanpa bergantung kepada rangkaian peraih. Selain itu, lawatan bersama ANGKASA dan Lembaga Koko Malaysia turut memperkukuh hubungan koperasi dengan agensi kerajaan, sekaligus membuka ruang kepada latihan, bantuan mesin dan perluasan pasaran.

Kesimpulan berkenaan kejayaan koperasi koko kluster di Sarawak, Semenanjung dan Sabah pada tahun 2024 membuktikan bahawa koperasi berupaya menjadi pemain utama dalam pemulihan industri koko negara. Dengan pendekatan model perniagaan yang disesuaikan mengikut kekuatan wilayah masing-masing, sama ada melalui pemprosesan hiliran, pemasaran kontrak, ataupun integrasi pelancongan agro. Koperasi ini tidak lagi hanya bergantung kepada jualan biji koko mentah, tetapi turut menyumbang kepada penciptaan produk bernilai tinggi dan kesejahteraan pekebun kecil. Model perniagaan yang pelbagai ini menjadikan koperasi sebagai penggerak utama dalam rangkaian nilai koko Malaysia yang moden, mampan dan berdaya saing. Satu manifestasi nyata potensi sebenar gerakan koperasi dalam sektor pertanian berasaskan komoditi.

AKTIVITI HARTANAH OLEH KOPERASI DI MALAYSIA

Sektor hartanah merupakan antara bidang keusahawanan strategik yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan gerakan koperasi di Malaysia. Berbekalkan aset tanah yang luas, kekuatan keanggotaan dan struktur organisasi yang tersusun, banyak koperasi mula menceburi aktiviti pembangunan hartanah sebagai salah satu usaha menjana pendapatan jangka panjang, mempelbagaikan sumber kewangan, serta memenuhi keperluan perumahan dan ruang niaga untuk ahli dan komuniti setempat.

Aktiviti hartanah koperasi lazimnya merangkumi beberapa bentuk seperti pembangunan perumahan kos sederhana dan mampu milik, pembangunan lot kedai dan ruang komersial, penyewaan aset hartanah, pelaburan hartanah jangka panjang, serta kerjasama strategik dengan pemaju swasta. Pendekatan ini bukan sahaja menjanjikan pulangan yang tinggi dalam bentuk sewaan, jualan atau keuntungan modal, tetapi juga membantu koperasi merealisasikan peranan sosialnya dalam menyediakan kemudahan yang berpatutan dan berasaskan keperluan komuniti.

Peningkatan penglibatan koperasi dalam sektor hartanah juga didorong oleh dasar kerajaan yang menyokong pemilikan tanah dan aset oleh entiti koperasi, serta galakan kepada koperasi untuk menjana pendapatan mampan menerusi pembangunan aset fizikal. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui pelbagai inisiatif dan bimbingan, turut memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti hartanah koperasi dilaksanakan secara berhemah, berlandaskan prinsip tadbir urus baik serta memberi manfaat langsung kepada anggota koperasi.

Dalam konteks semasa, koperasi yang berjaya dalam sektor hartanah telah menunjukkan bahawa, dengan perancangan strategik, kawalan kewangan yang baik, serta jaringan kerjasama yang luas, sektor ini berupaya menjadi salah satu enjin pertumbuhan utama gerakan koperasi negara. Aktiviti hartanah bukan sekadar menjana keuntungan, tetapi juga membuka peluang pekerjaan, meningkatkan nilai kawasan setempat, dan memperkukuh kedudukan ekonomi koperasi dalam jangka masa panjang.

Jadual 4.4: Prestasi Jualan Aktiviti Hartanah Koperasi Mengikut Negeri

NEGERI	BIL. KOPERASI	JUALAN (RM)
PULAU PINANG	6	26,664,570
JOHOR	2	16,355,218
KELANTAN	4	3,836,800
MELAKA	2	1,473,705
SELANGOR	4	1,854,952
PERAK	1	1,260,000
TERENGGANU	11	2,758,484
SARAWAK	3	498,071
KEDAH	3	272,641
PERLIS	2	-
WILAYAH PERSEKUTUAN	1	-
JUMLAH	39	54,974,440

Sektor hartanah dalam gerakan koperasi terus menunjukkan potensi yang kukuh sebagai salah satu sumber pendapatan utama bagi koperasi-koperasi di Malaysia. Berdasarkan

data terkini, sebanyak 39 koperasi di seluruh negara telah melaksanakan aktiviti berkaitan hartanah dengan nilai jualan terkumpul mencecah RM54.97 juta. Ini menunjukkan keupayaan koperasi dalam menjana hasil melalui pelbagai bentuk pembangunan dan penjualan aset hartanah seperti lot kedai, rumah kediaman, ruang komersial, dan tanah pembangunan.

Dari segi negeri, Pulau Pinang mencatatkan jualan tertinggi dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM26.66 juta melalui enam buah koperasi, mewakili hampir 49% daripada jumlah keseluruhan jualan. Ini menunjukkan bahawa koperasi di negeri tersebut aktif dalam pembangunan dan penjualan hartanah, mungkin didorong oleh nilai pasaran hartanah yang tinggi serta permintaan yang kukuh di kawasan berpenduduk padat.

Diikuti rapat ialah negeri Johor dengan jualan sebanyak RM16.36 juta menerusi dua koperasi sahaja, mencerminkan transaksi berskala besar atau projek pembangunan berimpak tinggi yang dijalankan. Prestasi ini sejajar dengan trend pembangunan pesat di wilayah selatan Semenanjung, termasuk kawasan Iskandar Malaysia yang terus menerima pelaburan domestik dan asing.

Walaupun negeri seperti Perlis dan Wilayah Persekutuan merekodkan bilangan koperasi yang terlibat, tiada nilai jualan dilaporkan dalam tempoh tersebut. Ini mungkin menunjukkan projek masih dalam fasa pembangunan, belum dipasarkan, atau koperasi lebih cenderung kepada aktiviti sewaan atau pemilikan jangka panjang tanpa penjualan langsung.

Secara keseluruhannya, pencapaian RM54.97 juta hasil jualan hartanah membuktikan bahawa aktiviti ini terus menjadi salah satu punca pendapatan yang signifikan dalam ekosistem koperasi. Selain menjana keuntungan, aktiviti hartanah turut berperanan sebagai mekanisme pemerkasaan aset koperasi, pemilikan hartanah oleh ahli, serta pembangunan komuniti secara inklusif.

Dengan perancangan yang lebih strategik, kerjasama pembangunan dengan pemaju berwibawa, dan sokongan daripada agensi berkaitan seperti SKM dan kerajaan negeri, potensi sektor hartanah koperasi dijangka terus berkembang dan menyumbang secara lebih besar kepada pembangunan sosioekonomi negara dalam tahun-tahun akan datang.

Sisipan Aktiviti Hartanah

Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad (KOPKETA)

Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad (KOPKETA) telah didaftarkan pada tahun 1973 dengan nama asalnya dikenali sebagai Syarikat Kerjasama Anggota Polis Pangkat Rendah Johor. Ditadbir dengan objektif memperkasakan sosioekonomi anggota melalui pemilikan dan pembangunan tanah, koperasi ini telah berkembang menjadi entiti yang mapan dengan penglibatan dalam pelbagai sektor termasuk perladangan, pelaburan dan yang semakin menyerlah dalam dekad terkini iaitu sektor hartanah. Mempunyai keahlian yang kukuh serta aset tanah yang strategik, KOPKETA telah mengambil pendekatan progresif dalam memastikan tanah milik koperasi bukan sekadar dipegang sebagai simpanan aset, tetapi dimanfaatkan secara produktif untuk penjana pendapatan berterusan dan manfaat jangka panjang kepada ahli.

Pada tahun 2024, KOPKETA menyerlahkan peranannya sebagai pemacu pembangunan hartanah di negeri Johor, khususnya

melalui pelaksanaan beberapa inisiatif strategik yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi anggota dan masyarakat setempat.

Pertama sekali, satu projek pembangunan perumahan bercampur telah diteruskan hasil kerjasama antara KOPKETA dan pemaju swasta terkemuka, Matrix Concepts Sdn. Bhd. Melibatkan kawasan seluas 900 ekar tanah ladang di Bandar Seri Impian, daerah Kluang, projek ini telah memasuki fasa akhir pada tahun 2024, dengan lebih 85 % tapak telah dibangunkan sejak awal pelaksanaan pada 2005. Fasa akhir tersebut memperlihatkan peningkatan penjualan unit kediaman serta penyewaan kedai dan pejabat, yang sekaligus memperkukuh aliran tunai koperasi dan menyediakan kemudahan perumahan mampu milik untuk masyarakat Johor.

Gambar 4.9: **Projek perumahan KOPKETA Bandar Seri Impian**



Selain pembangunan perumahan, KOPKETA juga menguruskan portfolio hartanah komersial yang menjana pendapatan sewaan stabil sepanjang tahun 2024. Antara aset utama yang disewakan ialah Wisma KOPKETA, lima unit kuarters pekerja di Ladang Sungai Kluang, 75 unit rumah kedai dan dua bangunan pejabat/

kedai di Impiana Square, serta enam buah banglo di kawasan strategik. Struktur aset-aset ini bukan sahaja menyokong aktiviti perniagaan koperasi, malah membuka peluang pekerjaan serta menyumbang kepada dinamika ekonomi setempat.

Dewasa ini, KOPKETA turut menyediakan ruang seminar dan dewan serbaguna sebagai salah satu aktiviti hartanah. Bilik seminar di Wisma Kopketa dan ruang pelbagai fungsi di sekitar Kluang telah digunakan secara aktif untuk penganjuran kursus, mesyuarat anggota serta aktiviti komuniti sepanjang 2024. Pendekatan ini menambah nilai kepada aset berwujud koperasi, menggalakkan interaksi komuniti dan menjana pendapatan sampingan melalui sewaan fasiliti.

Gambar 4.10: Sewaan bangunan komersial KOPKETA



Secara keseluruhan, pada tahun 2024 KOPKETA berjaya melaksanakan aktiviti hartanah yang berteraskan tiga teras utama: pembangunan perumahan, pengurusan hartanah komersial, dan penyewaan fasiliti seminar. Melalui kerjasama strategik, penggunaan aset bersepadu dan pendekatan memberi semula kepada masyarakat, koperasi ini telah mewujudkan model perniagaan yang mampan, menguntungkan dan memberi manfaat langsung kepada anggota serta pertumbuhan ekonomi Johor.

Dengan fokus tegas kepada aktiviti pembangunan, penyewaan dan penggunaan fasiliti, KOPKETA pada tahun 2024 bukan sahaja memperkukuh kedudukan kewangan koperasi, malah menyumbang kepada pembangunan masyarakat Johor melalui tindakan berinspirasi dan berterusan.

PENDIGITALAN DALAM PERNIAGAAN KOPERASI

Pendigitalan koperasi merujuk kepada penggunaan teknologi digital dalam operasi, pentadbiran, dan aktiviti perniagaan koperasi bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan, kebolehcapaiannya, serta nilai tambah kepada anggota dan pengguna.

Dalam era revolusi digital dan ekonomi tanpa sempadan hari ini, sektor koperasi tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada kaedah konvensional. Keperluan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi semakin mendesak bagi memastikan kelangsungan dan daya saing koperasi, khususnya dalam aspek pengurusan dan perniagaan.

Pendigitalan koperasi bukan sahaja berupaya mempertingkatkan kecekapan operasi dalaman, malah dapat membuka ruang yang lebih luas untuk mempelbagaikan saluran perniagaan serta

mendekati golongan pengguna digital, terutamanya generasi muda.

Dalam landskap ekonomi semasa yang dipacu oleh Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), koperasi tidak boleh beroperasi secara terasing daripada teknologi. Justeru, penggunaan sistem pengurusan digital, aplikasi mudah alih, platform e-dagang dan kaedah pembayaran elektronik bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan strategik bagi memastikan kelangsungan dan daya saing koperasi di pasaran terbuka. Koperasi yang berjaya mendigitalkan operasinya akan berpotensi mengakses pasaran yang lebih luas, meningkatkan produktiviti, serta menambah baik pengalaman pengguna.

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 (DigiKOP2030) yang telah dilancarkan pada 10 Julai 2023 telah menggariskan empat (4) Teras Strategik Utama dalam Kerangka Digitalisasi Koperasi, iaitu:

Rajah 4.7: Teras Strategik Utama dalam Kerangka Digitalisasi Koperasi



Pendigitalan Pintar: Kerjasama Strategik Koperasi Penguatkuasa PBT Berhad Dan Specter Md Sdn. Bhd. Permudah Urusan Perjanjian Dan Sijil Atas Talian

Sijil, lesen, dan permit dalam bentuk kertas telah digunakan sejak ratusan tahun dahulu, namun proses ini kini dianggap lapuk dalam era digital moden. Kehilangan dokumen, kos penggantian dan pindaan, serta kekangan dalam perkongsian maklumat menyumbang kepada pengalaman pengguna yang kurang memuaskan.

Dalam 10 tahun yang lalu, penipuan dokumen dan sijil telah banyak dilaporkan dalam pelbagai industri termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan, penguatkuasaan, pekerjaan, malah dalam sistem kehakiman. Proses pengeluaran dan pengurusan sijil tradisional adalah memakan masa dan mahal. Penggunaan sijil digital memudahkan proses untuk pihak pentadbir, sekali gus menjimatkan masa dan sumber yang boleh dimanfaatkan oleh jabatan lain.

Platform Pendigitalan Sijil, atau lebih dikenali sebagai Doc-Cert, merupakan sebuah sistem berinovasi yang dibangunkan untuk memperkukuh kesahihan dokumen penting seperti sijil, permit, lesen perniagaan dan lain-lain dalam bentuk fizikal atau digital. Melalui penggunaan tandatangan digital, Doc-Cert menggantikan keperluan kepada tandatangan basah atau elektronik tradisional. Tandatangan digital ini bukan sahaja mempercepatkan proses pengeluaran dokumen, malah dilindungi di bawah Akta Tandatangan Digital 1997, menjadikannya sah dari segi undang-undang Malaysia. Apa yang membezakan Doc-Cert ialah kebolehnya untuk menjadikan setiap dokumen sebagai "bukti dokumentasi" yang kukuh, serta boleh dijadikan *evidence*

di Mahkamah. Ini dicapai menerusi pematuhan kepada standard sekuriti digital yang ketat, termasuk pengesahan identiti dan keutuhan data.

Melalui Doc-Cert, organisasi kini boleh menjana dan menyimpan dokumen secara lebih selamat, efisien dan diyakini – seiring dengan agenda pendigitalan negara serta keperluan pematuhan undang-undang digital semasa.

Gambar 4.11: Paparan antara muka Sistem Doc-Cert



Gambar 4.12: Contoh Penghasilan Sijil Digital

- 1

Penggunaan Tandatangan Digital

Tandatangan Digital dihasilkan melalui pengenalan digital iaitu i-DiD
- 2

Penggunaan Kod QR

Memudahkan pengguna atau Penguatkuasa membuat semakan. Kod QR boleh mengimbas 'Google Lens'.
- 3

Penggunaan Kod QR

Memudahkan pengguna atau Penguatkuasa membuat semakan. Kod QR boleh mengimbas 'Google Lens'.
- 4


Data Pelesenan disertakan dalam talian melalui Aplikasi Pengesahan Sijil DOC.

Platform Perjanjian Digital atau Doc-Agree pula adalah mendigitalkan proses penyediaan dan pemeteraian perjanjian antara individu, organisasi atau rakan niaga Koperasi.


Rajah 4.8: Ciri-ciri Utama Doc-Agree



Gambar 4.13: Paparan antara muka Sistem Doc-Agree



Rajah 4.9: Carta Alir Proses Doc-Agree



Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) merupakan salah satu pelanggan yang telah menggunakan sistem Doc-Agree dengan nilai kontrak sebanyak RM100,000.00. Sistem ini digunakan oleh MBK bagi mengurus dan merekod perjanjian antara pihak majlis dengan peniaga serta pemilik lesen perniagaan.

Rajah 4.10: Perbezaan Tandatangan Digital & Tandatangan Elektronik




Akta Tandatangan Digital 1997	AKTA	Akta Perdagangan Elektronik 2006
Satu sistem krypto Tidak Simetri (Public Key Infrastructure ("PKI"))	TEKNOLOGI	Apa-apa teknologi elektronik
MCMC melesenkan dan mengawal selia Pihak Berkuasa Pemerakuan Berlesen (Certification Authority ("CA")) untuk mengeluarkan sijil digital	PERLESENAN	Tiada keperluan lesen
Sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun oleh Juruaudit Bertauliah	AUDIT	Tiada pengauditan
Lebih selamat berbanding tandatangan elektronik kerana penggunaan teknologi enkripsi	TAHAP KESELAMATAN	Tahap keselamatan boleh berbeza bergantung pada langkah pematuhan yang diikuti. Beberapa cara tandatangan elektronik mungkin kurang selamat dan lebih mudah disalahgunakan

MENGANGKAT POTENSI DESA: PERANAN KOPERASI DALAM MEMACU AGROPELANCONGAN TEMPATAN

Agropelancongan ialah aktiviti pelancongan yang berasaskan pertanian dan dijalankan di kawasan luar bandar bagi memberi pengalaman secara langsung kepada pelancong tentang aktiviti pertanian, penternakan, atau agroindustri tempatan. Berdasarkan data perangkaan sehingga 31 Disember 2024, terdapat sebanyak 281 buah koperasi yang terlibat dalam aktiviti pelancongan, dengan jumlah sumbangan pendapatan mencecah RM84.84 juta.

Koperasi Penggerak Ekonomi Lenggong Berhad (COSPEL), yang ditubuhkan pada 5 Jun 2015 di Lenggong, Perak, merupakan sebuah koperasi yang aktif dalam menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi. Antara bidang utama yang diceburi termasuklah projek pertanian dan penternakan. Operasi koperasi ini digerakkan oleh barisan Anggota Lembaga Koperasi yang terdiri daripada individu berkeelayakan dengan latar belakang akademik yang pelbagai, sekali gus memperkukuh keupayaan pengurusan dan hala tuju perniagaan koperasi.

Koperasi ini mengusahakan ternakan rusa, dengan jumlah ternakan mencecah 250 ekor di tanah seluas 40 hektar. Pengunjung berpeluang merasai pengalaman unik memberi makan kepada rusa-rusa tersebut. Menariknya, pada musim perayaan, pengunjung juga boleh menikmati hidangan daging rusa yang dihasilkan dari ladang koperasi sendiri. Aktiviti ternakan ini dijalankan di Padang Ragut Sadang, Lenggong, Perak, yang turut menawarkan pelbagai tarikan lain kepada pengunjung.

Gambar 4.14: **Penternakan Rusa di Padang Ragut**



Antara aktiviti yang disediakan termasuklah menunggang ATV, aktiviti berkayak, serta menyelusuri Sungai Perak menaiki bot dari Resort Tasik Raban atau Jeti Pengkalan Pipit menuju ke Padang Ragut.

Selain itu, koperasi ini turut mengusahakan penanaman tembikai, yang menjadi antara tarikan utama kepada para pengunjung. Ketika musim menuai, pengunjung berpeluang memetik dan merasai sendiri kesegaran buah tembikai yang ditanam. Sebagai inisiatif tambahan untuk meningkatkan pendapatan anggota, koperasi juga telah memulakan penanaman serai. Melihat kepada potensi masa hadapan, koperasi merancang untuk mengembangkan lagi usahanya dengan menanam anggur dan menyemai benih sawi, yang dijangka bakal menjadi tarikan baharu kepada pengunjung pada masa akan datang.

Bagi menyokong pembangunan komponen agropelancongan, pelbagai infrastruktur telah dibina bagi memberikan kemudahan yang selesa kepada para pengunjung. Antaranya termasuklah Jeti Padang Ragut Sadang, Jeti dan struktur gabion di Pengkalan Pipit, Boat Ramp di Pengkalan Pipit, serta kawasan 'petting deer' untuk interaksi bersama rusa.

Gambar 4.15: **Aktiviti ATV Koperasi**



Selain itu, beberapa projek agropelancongan lain sedang giat dijalankan seperti pembinaan Menara Tinjau, dataran dan landskap, kedai cenderamata, galeri, serta kaunter tiket. Koperasi turut memberi perhatian terhadap aspek keselesaan pengunjung melalui pembinaan kemudahan asas seperti surau, tandas, dan ruang menunggu.

Kerja-kerja menaik taraf jalan serta pembinaan sistem retikulasi air juga sedang dilaksanakan bagi menyokong kelangsungan operasi dan keselesaan pengunjung. Koperasi ini turut berperanan sebagai penggerak utama dalam pelaksanaan Program PROSPEK Lenggong, di bawah inisiatif Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Bagi merealisasikan program ini, sebanyak RM8 juta telah diperuntukkan oleh KKDW untuk pelaksanaan projek. Tambahan pula, koperasi turut menerima suntikan dana tambahan sebanyak RM2 juta daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, khusus bagi membangunkan projek agropelancongan.

Gambar 4.16: **Jeti Padang Ragut Sadang**



Gambar 4.17: **Projek Perladangan Rusa**

Produk *niche* atau *anchor project* bagi PROSPEK Lenggong ialah projek perladangan rusa secara padang ragut yang dilaksanakan di Padang Sadang. Projek ini turut disepadukan dengan elemen agrotani dan agropelancongan, menjadikannya sebagai model pembangunan luar bandar yang bersepadu dan berimpak tinggi. Koperasi ini turut aktif menyertai pelbagai program anjuran kerajaan Negeri Perak. Antara penglibatan yang signifikan termasuklah penyertaan dalam Karnival Agro Pelancongan Perak pada 17 hingga 19 Mei 2024. Selain itu, penjualan daging rusa telah ditawarkan sempena Sambutan Ulang Tahun Kedua Perak Sejahtera 2030.

Koperasi ini juga telah mengambil bahagian dalam Lenggong Outdoor Festival 2024 serta Sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Perak bagi Daerah Hulu Perak tahun 2024.

Dari segi pencapaian, koperasi telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM89,724.00 hasil daripada aktiviti penternakan rusa dan projek agropelancongan lain. Kejayaan koperasi turut diiktiraf apabila PROSPEK Lenggong dianugerahkan "Best Agrotourism Experience Award" semasa Majlis Perak Tourism Award 2024 yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak pada 2 Oktober 2024 di Casuarina Meru, Ipoh.

JOM JELAJAH KOPERASI (JEJAK) GERAN KATALIS SEKTOR PELANCONGAN KOPERASI

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melancarkan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) pada 12 Oktober 2023. DaKoM 2030 merupakan hala tuju strategik bagi pembangunan koperasi dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya dengan visi untuk menjadikan sektor ini sebagai pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia.

Majlis Peluncuran Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi di Homestay Banghurus, Sepang Selangor pada 16 Mei 2024.

Gambar 4.18: **Perasmian JEJAK**

Sebagai salah satu inisiatif pemerkasaan, JEJAK diperkenalkan sebagai program rangsangan perniagaan koperasi khususnya dalam sektor hospitaliti, penjagaan kesihatan dan kraf. Program ini dilaksanakan melalui aktiviti promosi dan pemasaran produk serta perkhidmatan koperasi. SKM turut mencadangkan pemberian insentif bantuan kepada koperasi yang terlibat dalam

industri-industri ini, sebagai usaha menyokong keterlibatan aktif koperasi dalam sektor pelancongan domestik. Inisiatif ini juga berperanan sebagai persediaan awal koperasi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, selaras dengan usaha kerajaan memperkukuh ekonomi melalui pelancongan berasaskan komuniti.

Objektif JEJAK

- Mempromosikan dan memasarkan produk serta perkhidmatan koperasi yang terlibat dalam industri hospitaliti dan penjagaan kesihatan, bagi meningkatkan imej serta keterlihatan (*visibility*) gerakan koperasi di peringkat tempatan dan nasional.
- Merangsang dan menggalakkan penglibatan lebih aktif koperasi dalam industri hospitaliti dan penjagaan kesihatan, dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan koperasi yang masih terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 sehingga kini.

SKM telah memperuntukkan sebanyak hampir RM2 juta untuk dimanfaatkan oleh hampir 160 buah koperasi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan pelancongan, hospitaliti, kraf dan penjagaan kesihatan. Antara industri-industri yang terlibat secara langsung di dalam program JEJAK adalah seperti berikut:

HOSPITALITI

 Perhotelan/ Penginapan	 Inap Desa/ Homestay	 Pusat Peranginan	 Agensi Pelancongan	 Pengangkutan darat dan air	 Aktiviti Rekreasi	 Taman Hiburan	 Wedding Village
--	---	--	--	--	--	---	---

PENJAGAAN KESIHATAN

 Pusat kecantikan dan spa	 Salon/Pusat dandanan rambut	 Pusat Rawatan Herba	 Pusat Urutan Badan
---	--	---	---

KRAF

 Batik	 Kraftangan	 Eco Dyes/Lain-lain produk di bawah industri kraf yang sesuai
--	---	--

Insentif JEJAK memfokuskan kepada dua bentuk bantuan utama, iaitu Pemasaran dan Promosi. Insentif jualan ini ditawarkan dalam bentuk diskaun harga sehingga 30% bagi produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi.

Skop pemasaran yang dibenarkan merangkumi pelbagai kaedah seperti:

- Kupon atau baucar diskaun
- Rebat pembelian
- Pakej percutan, pelancongan, atau penjagaan kesihatan

Selain itu, koperasi turut digalakkan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka melalui pelbagai platform dan medium pemasaran seperti:

- Media sosial
- Media massa
- Bahan bercetak seperti banner dan bunting
- Medium promosi lain yang bersesuaian

Insentif ini bertujuan meningkatkan keterlihatan koperasi serta merangsang jualan dan daya saing produk serta perkhidmatan mereka di pasaran.

Ringkasan Geran Bantuan JEJAK yang telah diluluskan sehingga 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Jadual 4.5: **Jadual ringkasan bantuan JEJAK mengikut Negeri**

BIL.	NEGERI	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1	JOHOR	5	57,100.00
2	KEDAH	9	112,500.00
3	KELANTAN	0	0.00
4	MELAKA	2	25,000.00
5	NEGERI SEMBILAN	6	75,000.00
6	PAHANG	5	54,000.00
7	PERAK	6	62,000.00
8	PERLIS	6	67,500.00
9	PULAU PINANG	1	7,500.00
10	SABAH	5	62,500.00
11	SARAWAK	5	54,500.00
12	SELANGOR	5	56,005.00
13	TERENGGANU	22	198,000.00
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	5	57,000.00
JUMLAH		82	888,605.00

KELARAI: DARI ALAM KE HASIL SENI

Di sebalik kehijauan alam dan kekayaan budaya warisan yang masih utuh di daerah Sook, Sabah, terserlah sebuah inisiatif komuniti yang cukup bermakna. Koperasi Kraf Batu Lunguyan Sook Berhad yang ditubuhkan pada 19 Julai 2018, berperanan sebagai wadah memperkasa komuniti luar bandar melalui pemuliharaan dan penghasilan seni kraf tradisional, khususnya berasaskan buluh dan anyaman kelarai. Dengan semangat gotong-royong serta jati diri masyarakat setempat, koperasi ini bukan sahaja menjadi platform ekonomi kepada ahlinya, tetapi juga penggerak utama dalam mengangkat warisan budaya Sabah ke peringkat lebih tinggi.

Terletak sejauh 177 kilometer dari Bandar Kota Kinabalu, koperasi ini kini semakin dikenali di seluruh Malaysia dan turut mendapat perhatian dari luar negara. Diterajui oleh para sumandak Sabah yang bersemangat dan memiliki minat mendalam terhadap industri kraf, koperasi ini telah berjaya menghasilkan ribuan produk kraftangan berasaskan buluh. Antara produk yang dihasilkan termasuklah alas cawan, beg komputer riba, beg dokumen, dompet serta pelbagai lagi barangan yang bukan sahaja bernilai seni, malah praktikal untuk kegunaan harian.

Salah satu kekuatan utama koperasi ini adalah jalinan kerjasama erat bersama komuniti setempat. Dalam usaha menyokong ekonomi kampung, koperasi membeli buluh secara langsung daripada penduduk sekitar. Buluh-buluh ini dikutip secara lestari dari hutan berhampiran oleh penduduk kampung, seterusnya diraut dan diwarnakan dengan teliti sebelum diproses menjadi pelbagai produk kraf. Inisiatif ini bukan sahaja memanfaatkan sumber semula jadi yang tersedia, tetapi turut membuka peluang pekerjaan dan menambah sumber pendapatan kepada komuniti tempatan.

Bagi memperkasa lagi pengetahuan dan kemahiran masyarakat, koperasi turut menganjurkan pelbagai program latihan seperti kursus pembuatan kraftangan buluh, yang meliputi teknik asas meraut, mewarna dan menganyam buluh secara kreatif dan berkualiti. Selain itu, koperasi juga menyediakan kursus menjahit pakaian tradisional, yang bertujuan memelihara rekaan warisan etnik serta membuka ruang kepada peluang keusahawanan dalam bidang fesyen beridentiti tempatan.

Sebagai usaha melahirkan lebih ramai penggiat kraf muda, koperasi ini telah menubuhkan Makmal Craft Champion – sebuah ruang bimbingan dan latihan yang dikendalikan oleh tenaga pengajar serta artisan berpengalaman. Melalui makmal ini, generasi baharu diasah bakat mereka agar menjadi pelapis dalam industri kraf dan pewaris budaya tempatan yang berdaya saing.

Komitmen koperasi terhadap pembangunan komuniti telah mendapat pengiktirafan apabila ia terpilih menyertai Program Desa Lestari di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Koperasi ini telah menerima geran sebanyak RM1 juta untuk membina bangunan kraf yang merangkumi bengkel, asrama dan galeri kraftangan. Di samping itu, koperasi juga menerima sebuah van dan kenderaan pacuan empat roda bagi menyokong operasi dan pengedaran produk secara lebih efisien.

Dengan pendekatan yang bersepadu, berasaskan warisan, inovasi dan komuniti, Koperasi Kraf Batu Lunguyan Sook Berhad terus melangkah maju sebagai model koperasi luar bandar yang berjaya – bukan sahaja dalam menjana ekonomi, malah dalam mempertahankan identiti dan warisan budaya yang tidak ternilai.

Gambar 4.19: **Jualan Reruai**



Gambar 4.20: **Aktiviti Bengkel Bersama Komuniti**



LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2024



BAB 5

PENCAPAIAN DASAR 2024 DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KOPERASI

Pengenalan

Perkembangan Dasar Pembangunan Nasional

Dasar Dan Program Khusus Pembangunan Koperasi

Pencapaian Dasar Dan Program Pembangunan

Koperasi Tahun 2024

Isu Dan Cabaran Pembangunan Koperasi

Prospek Pembangunan Koperasi Malaysia

Penutup

BAB 5

PENCAPAIAN DASAR 2024 DAN PROSPEK PEMBANGUNAN KOPERASI

PENGENALAN

Pembangunan koperasi di Malaysia merupakan sebahagian penting daripada strategi nasional dalam memperkukuh struktur sosioekonomi negara. Koperasi bukan sekadar entiti perniagaan yang berasaskan keuntungan, tetapi ia merupakan instrumen pembangunan masyarakat yang berakar umbi daripada semangat kerjasama, solidariti, dan kebersamaan. Sejak penubuhannya lebih seratus tahun yang lalu, gerakan koperasi telah berkembang daripada satu mekanisme untuk membantu golongan berpendapatan rendah mengakses modal dan keperluan asas, kepada sebuah sistem yang lebih kompleks yang menyokong pembangunan ekonomi negara secara menyeluruh.

Menjelang tahun 2024, koperasi Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang ketara, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dalam bentuk persaingan pasaran, perubahan teknologi, serta ketidakstabilan ekonomi global. Namun begitu, dasar-dasar pembangunan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia – termasuk **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)**, **Kerangka Ekonomi MADANI**, dan **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** – telah membuka ruang dan peluang yang lebih luas untuk koperasi menyesuaikan diri, memperkukuh daya saing, dan memperluas sumbangan kepada masyarakat serta negara.

Khusus bagi sektor koperasi, dua dokumen dasar utama telah menjadi panduan hala tuju, iaitu **Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030** dan **Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025**. Kedua-dua dasar ini telah memperincikan sasaran pembangunan koperasi, sama ada dari segi peningkatan daya saing, pengukuhan tadbir urus, perluasan peranan koperasi dalam ekonomi baharu, mahupun pemantapan keupayaan modal insan koperasi.

Pencapaian koperasi dalam tahun 2024 perlu dilihat dalam konteks ekosistem pembangunan yang lebih luas. Malaysia sedang beralih kepada satu model pembangunan ekonomi yang bukan sahaja berorientasikan pertumbuhan, tetapi juga menekankan aspek keadilan sosial, keterangkuman, kelestarian, dan kesejahteraan bersama. Dalam kerangka inilah, koperasi

dilihat sebagai pelengkap penting kepada strategi pembangunan nasional kerana sifatnya yang inklusif, demokratik, dan berpaksikan solidariti masyarakat.

Selain daripada itu, prospek koperasi pada masa hadapan juga harus dipertimbangkan dalam konteks global. **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** melalui **Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG)** telah menekankan peranan organisasi sosial dan ekonomi alternatif, termasuk koperasi, dalam mencapai matlamat pembangunan yang lebih seimbang dan mampan. Begitu juga dengan konsep **Social Solidarity Economy (SSE)** yang semakin mendapat perhatian antarabangsa, iaitu satu model pembangunan ekonomi yang menggabungkan prinsip keadilan sosial, ekuiti, kelestarian, dan penyertaan masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, pengintegrasian koperasi dengan agenda SDG dan SSE adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memastikan pembangunan negara tidak meninggalkan sesiapa pun di belakang. Melalui sokongan institusi seperti **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)**, **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** dan **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**, koperasi diberikan ruang untuk memperkukuh kapasiti, meluaskan jaringan, serta menyesuaikan diri dengan keperluan zaman.

Pengenalan ini bukan sahaja memberi gambaran tentang kerangka dasar yang mendasari pencapaian koperasi sehingga 2024, tetapi juga menyediakan asas untuk membincangkan isu, cabaran, dan prospek pembangunan koperasi pada masa hadapan. Ia membuka jalan untuk memahami bagaimana koperasi boleh terus berkembang dalam era ekonomi digital, bagaimana ia boleh memanfaatkan teknologi baharu untuk kesejahteraan anggota, dan bagaimana koperasi boleh menjadi penggerak utama dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih adil, inklusif, dan mampan.

Oleh itu, Bab 5 ini akan meneliti dengan lebih mendalam tentang pencapaian dasar koperasi sepanjang tahun 2024 dan menilai prospek pembangunan koperasi dalam tempoh mendatang. Perbincangan akan bermula dengan menyoroti dasar-dasar pembangunan nasional yang menjadi asas kerangka

pembangunan koperasi, diikuti dengan dasar khusus yang dilaksanakan dalam sektor koperasi, pencapaian dasar dan program semasa, isu serta cabaran yang dihadapi, prospek pembangunan koperasi yang melibatkan integrasi dengan

agenda pembangunan global, dan akhirnya diakhiri dengan penutup yang menekankan peranan kerajaan serta institusi sokongan koperasi.

Rajah 5.1: **Kedudukan Koperasi dalam Ekosistem Pembangunan Nasional**



Rajah 5.1 ini menunjukkan kedudukan koperasi dalam ekosistem pembangunan nasional dan global. Di peringkat nasional, koperasi menjadi pelengkap kepada dasar utama seperti Wawasan Kemakmuran Bersama, Ekonomi MADANI, dan RMKe-

12. Pada masa yang sama, koperasi digerakkan melalui DaKoM 2030 dan TransKoM 2021-2025. Di peringkat global, koperasi berperanan untuk menyumbang kepada SDG dan SSE, sekali gus memperkukuh dimensi sosial, ekonomi, dan kelestarian.

PERKEMBANGAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

Dasar pembangunan nasional Malaysia telah mengalami evolusi yang panjang, daripada dasar-dasar awal yang menekankan pertumbuhan ekonomi pasca-kemerdekaan, kepada dasar yang lebih berorientasikan kesejahteraan rakyat, keterangkuman sosial, serta kelestarian alam sekitar. Dalam konteks pembangunan koperasi, dasar nasional ini penting kerana ia bukan sahaja menyediakan arah tuju ekonomi negara, tetapi juga memberi ruang bagi koperasi untuk memainkan peranan lebih signifikan dalam ekosistem sosioekonomi Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan koperasi berada di tengah-tengah proses penyesuaian dengan dasar pembangunan nasional yang lebih

komprehensif, terutamanya melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Kerangka Ekonomi MADANI, serta Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang diperkenalkan pada tahun 2019 merupakan kerangka pembangunan jangka panjang negara sehingga tahun 2030. Ia digubal sebagai kesinambungan kepada dasar pembangunan terdahulu, dengan matlamat utama memastikan kemakmuran ekonomi negara dapat dikongsi secara adil dan saksama oleh semua rakyat tanpa mengira kaum, wilayah, atau status sosioekonomi. Tiga objektif utama WKB 2030 adalah: Pembangunan untuk Semua dengan menstruktur semula ekonomi agar inklusif; Menangani Jurang Kekayaan dan

Pendapatan melalui pengagihan saksama antara kaum, wilayah, dan rantaian bekalan; serta Malaysia Sebagai Sebuah Negara Bersatu, Makmur, dan Bermaruah yang menjamin kesejahteraan dan taraf hidup wajar untuk semua rakyat menjelang 2030. Dalam kerangka ini, koperasi dilihat sebagai instrumen strategik untuk memperluas pemilikan ekonomi rakyat, mengurangkan jurang pendapatan, dan meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang produktif. Hal ini kerana koperasi berasaskan prinsip kebersamaan dan kepentingan anggota, sejajar dengan aspirasi WKB 2030 untuk membina masyarakat yang inklusif serta seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Di samping itu, kerajaan memperkenalkan Kerangka Ekonomi MADANI pada tahun 2023, yang menjadi salah satu agenda utama dalam memperkukuh pembangunan negara. Ekonomi MADANI menekankan enam tonggak utama iaitu Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Pendekatan ini memberi penekanan bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata, tetapi juga kepada nilai kemanusiaan, keterangkuman, serta kesejahteraan sosial. Bagi koperasi, prinsip yang terkandung dalam Ekonomi MADANI amat selaras dengan roh gerakan koperasi yang berlandaskan nilai solidariti, demokrasi, serta kepentingan komuniti. Dalam konteks ini, koperasi dapat berfungsi sebagai pemangkin dalam menjayakan Ekonomi MADANI kerana model perniagaannya yang bukan hanya berorientasikan keuntungan, tetapi juga kesejahteraan anggota serta masyarakat setempat.

Seterusnya, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merupakan pelan pembangunan negara bagi tempoh 2021–2025 menekankan pemulihan pasca pandemik dan pertumbuhan mampan. RMKe-12 berteraskan tiga tema utama iaitu Menjana Semula Ekonomi, Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti serta Melonjakkan Kemampunan. Koperasi berperanan sebagai pemacu ekonomi rakyat melalui pengukuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, penciptaan peluang pekerjaan serta penerapan digitalisasi. Dari sudut kesejahteraan dan inklusiviti, koperasi membantu merapatkan jurang pembangunan dengan memberi akses kepada pembiayaan, latihan dan perkhidmatan komuniti khususnya kepada golongan B40 dan luar bandar. Dalam aspek kemampunan, koperasi berpotensi melaksanakan projek mesra alam, ekonomi kitaran dan inisiatif hijau. Kesimpulannya, koperasi merupakan wahana strategik dalam menjayakan matlamat RMKe-12 ke arah pembangunan negara yang inklusif dan lestari.

Perkembangan dasar pembangunan nasional ini menunjukkan dengan jelas bahawa koperasi mempunyai ruang yang luas untuk terus berkembang dan menyumbang kepada negara. WKB 2030 menyediakan visi jangka panjang bagi memastikan keseimbangan dan keterangkuman dalam ekonomi. Ekonomi MADANI pula menekankan aspek nilai, etika, dan kesejahteraan sosial yang menjadi asas kepada pembangunan yang lebih manusiawi. RMKe-12 menyediakan pelan pembangunan lima tahun yang lebih terperinci dengan menekankan aspek daya tahan, kelestarian, dan kesejahteraan. Kesemua dasar ini saling melengkapi dan memberi landasan yang kukuh kepada gerakan koperasi untuk bergerak seiring dengan arus pembangunan negara.

Tambahan pula, dalam era globalisasi dan cabaran ekonomi dunia yang semakin kompleks, dasar-dasar nasional ini membantu koperasi untuk menyesuaikan diri dengan trend baharu seperti ekonomi digital, ekonomi hijau, dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Koperasi mempunyai kelebihan tersendiri dalam mengadaptasi dasar ini kerana ia dekat dengan masyarakat akar umbi dan mampu menjana penyertaan rakyat secara langsung dalam aktiviti ekonomi. Dengan kata lain, koperasi bukan sahaja dapat memperkukuh daya saing ekonomi negara, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme penting untuk memastikan tiada kelompok masyarakat yang tercicir daripada arus pembangunan.

Jika dilihat dari perspektif praktikal, perkembangan dasar pembangunan nasional juga telah menghasilkan pelbagai inisiatif khusus untuk koperasi. Antara inisiatif tersebut termasuklah penyediaan dana pembangunan koperasi, program latihan dan pembangunan modal insan melalui Institut Koperasi Malaysia (IKMa), serta pelbagai skim sokongan kewangan dan bukan kewangan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Semua ini adalah terjemahan dasar nasional ke dalam bentuk program yang lebih konkrit, membolehkan koperasi meningkatkan kapasiti dan daya saingnya dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.

Dalam konteks sosial pula, dasar nasional yang berteraskan keterangkuman dan kesejahteraan telah mengiktiraf koperasi sebagai wadah penting untuk mengukuhkan jaringan keselamatan sosial. Melalui koperasi, anggota dapat mengakses pelbagai perkhidmatan seperti pembiayaan mikro, simpanan, pendidikan, penjagaan kesihatan, dan bekalan keperluan asas

pada harga berpatutan. Ini secara langsung menyumbang kepada usaha kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat, mengukuhkan daya tahan ekonomi isi rumah, serta memperkukuh kohesi sosial.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perkembangan dasar pembangunan nasional sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menyediakan ekosistem yang kondusif bagi koperasi untuk berkembang. WKB 2030, Ekonomi MADANI, dan RMKe-12 bukan

sahaja memberi arah tuju kepada pembangunan ekonomi negara, tetapi juga membuka ruang bagi koperasi untuk mengukuhkan peranan mereka sebagai penggerak pembangunan inklusif dan mampan. Pencapaian koperasi dalam tahun 2024 perlu difahami dalam konteks dasar ini, kerana ia menjadi faktor utama yang menentukan sejauh mana koperasi dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Rajah 5.2: Hubungan Dasar Pembangunan Nasional dengan Koperasi



Rajah 5.2 ini menunjukkan hubungan antara dasar pembangunan nasional dengan koperasi. WKB 2030, Ekonomi MADANI, dan RMKe-12 kesemuanya memberi landasan kepada koperasi untuk

berkembang dalam pelbagai dimensi termasuk ekonomi inklusif, pengagihan kekayaan yang adil, kelestarian sosial dan alam sekitar, serta pengukuhan penyertaan masyarakat akar umbi.

DASAR DAN PROGRAM KHUSUS PEMBANGUNAN KOPERASI

Selain daripada dasar pembangunan nasional yang memberi kerangka besar kepada pembangunan ekonomi Malaysia, sektor koperasi turut mempunyai dasar khusus yang berfungsi sebagai pelan hala tuju yang lebih terperinci. Perkembangan gerakan koperasi di Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada sokongan dasar dan program khusus yang digubal serta dilaksanakan oleh kerajaan. Sepanjang lebih satu abad kewujudan koperasi di negara ini, kerajaan telah menempatkan koperasi sebagai salah

satu instrumen penting dalam pembangunan sosioekonomi, khususnya dalam memperkukuh ekonomi rakyat, memperluas pemilikan harta, serta menjana peluang pekerjaan. Seiring dengan perubahan landskap ekonomi dan sosial, dasar-dasar khusus pembangunan koperasi telah digubal dan diperbaharui bagi memastikan gerakan koperasi terus relevan serta mampu bersaing dengan entiti perniagaan lain.

Salah satu tonggak penting dalam sejarah pembangunan koperasi Malaysia ialah penggubalan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2002–2010, yang buat pertama kali memberikan hala

tuju pembangunan koperasi secara lebih sistematik. Dasar ini dirangka dengan lapan strategi utama, iaitu Memastikan Kefahaman Serta Amalan Prinsip Koperasi; Memperkemas Undang-Undang dan Peraturan; Mengiktiraf Koperasi Sebagai Rakan Pembangunan Ekonomi; Memperkukuh Tadbir Urus dan Kewangan; Meningkatkan Sumber Modal; Memperluas Kerjasama Antara Koperasi dan Pihak Ketiga; Mempertingkatkan Kualiti Produk Serta Perkhidmatan; dan Menubuhkan Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK) sebagai platform penyelarasan. Pendekatan ini menekankan aspek autonomi koperasi, pengukuhan sumber manusia, penglibatan wanita, serta penerokaan bidang baharu berasaskan teknologi maklumat. Dengan pelaksanaan yang tersusun, DKN diharap dapat mempertingkatkan daya saing koperasi, memperkukuh peranan dalam pembangunan sosioekonomi, dan memposisikan koperasi Malaysia setanding dengan gerakan koperasi antarabangsa.

Susulan itu, kerajaan memperkenalkan **Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN 2011-2020)** sebagai kesinambungan dan pengukuhan dasar sebelumnya. DKN 2011-2020 lebih menekankan kepada aspek pembangunan koperasi sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara, dengan memberi fokus kepada enam bidang keberhasilan ekonomi utama iaitu: Perkhidmatan Kewangan; Pemborongan dan Peruncitan; Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan; Pertanian Industri Asas Tani; Perladangan; dan Pembangunan Hartanah. Dasar ini turut menekankan kepentingan modal insan, inovasi, serta penggunaan teknologi sebagai enjin utama pertumbuhan koperasi. Kejayaan pelaksanaan DKN 2011-2020 dapat dilihat melalui sumbangan koperasi yang semakin besar terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), peningkatan nilai aset, serta kemunculan koperasi-koperasi kluster besar yang berjaya menembusi pasaran nasional dan antarabangsa.

Memasuki fasa baharu, kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memperkenalkan Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030. Dasar ini berteraskan visi untuk menjadikan sektor koperasi sebagai **pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia**. Tiga objektif utama yang digariskan ialah: **Pertumbuhan Ekonomi**, iaitu menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang signifikan kepada ekonomi negara; **Produktif dan Aktif**, dengan membentuk koperasi

yang berkemampuan, kukuh serta diterima masyarakat; dan **Model Perniagaan Pilihan**, iaitu menjadikan koperasi sebagai pilihan utama dalam memacu pembangunan sosioekonomi. Bagi merealisasikan visi dan objektif ini, empat teras dasar telah ditetapkan iaitu: Transformasi sokongan koperasi untuk ekosistem kondusif dan holistik; Meningkatkan kefahaman serta penghayatan prinsip koperasi; Meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi; serta Memajukan sektor koperasi sebagai wahana sosioekonomi utama. Antara strategi utama termasuk memperkukuh perundangan dan tadbir urus koperasi, memperluas penggunaan teknologi digital, mempertingkatkan keupayaan pengurusan dan operasi, serta memupuk impak sosioekonomi koperasi. Secara keseluruhannya, DaKoM 2030 menjadi kerangka komprehensif dalam memperkasakan gerakan koperasi dan memastikan sumbangannya lebih signifikan kepada pembangunan negara.

Selain daripada dasar yang digubal oleh SKM, kerajaan turut melibatkan **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)** serta **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** dalam menjayakan agenda pembangunan koperasi. KUSKOP berperanan sebagai kementerian peneraju dalam merangka dasar makro dan strategi pembangunan koperasi di peringkat nasional. Ia juga memastikan koperasi mendapat akses kepada peluang perniagaan dalam pelbagai sektor strategik seperti tenaga boleh diperbaharui, pertanian pintar, dan perkhidmatan kewangan Islam. IKMa pula berperanan melaksanakan program latihan, penyelidikan, dan pembangunan modal insan yang bertujuan memperkukuh kapasiti pengurusan koperasi. Melalui kursus, seminar, dan penyelidikan, IKMa menyumbang kepada peningkatan pengetahuan, kemahiran, serta daya saing koperasi.

Dalam konteks global, dasar dan program pembangunan koperasi Malaysia turut dipengaruhi oleh dokumen antarabangsa seperti *Blueprint for a Co-operative Decade* yang diperkenalkan oleh International Co-operative Alliance (ICA) pada tahun 2012. Blueprint ini menekankan lima dimensi utama untuk menjadikan koperasi sebagai model perniagaan pilihan menjelang 2020 dan seterusnya, iaitu **Kredibiliti, Daya Saing, Kelestarian, Identiti Koperasi, dan Kepimpinan**. Malaysia mengambil inspirasi daripada kerangka ini dalam menggubal DaKoM 2030, terutamanya dalam aspek kelestarian, digitalisasi, serta integrasi koperasi dengan agenda pembangunan mampan.

Tambahan pula, koperasi di Malaysia semakin diberikan ruang untuk menyokong pencapaian **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Sebagai contoh, koperasi dalam sektor pertanian dan perladangan boleh menyumbang kepada SDG 2 (Kelaparan Sifar), manakala koperasi kewangan dan kredit menyokong SDG 8 (Pekerjaan Yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi). Koperasi perumahan pula berkait rapat dengan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Yang Mampan), manakala koperasi pendidikan menyumbang kepada SDG 4 (Pendidikan Berkualiti). Dasar Koperasi Malaysia secara jelas telah memasukkan elemen ini, menjadikan koperasi bukan sahaja entiti ekonomi, tetapi juga instrumen sosial yang menyokong agenda pembangunan global.

Selain daripada dasar makro, terdapat juga program-program khusus di peringkat negeri yang bertujuan memperkukuh peranan koperasi dalam ekosistem pembangunan tempatan. Sebagai contoh, kerajaan negeri Kelantan memperkenalkan program koperasi tani untuk memperkukuh rantai nilai pertanian setempat, manakala kerajaan negeri Johor melaksanakan program koperasi perumahan bagi menangani isu perumahan mampu milik. Program-program khusus di peringkat negeri ini membuktikan bahawa pembangunan koperasi bukan sahaja menjadi agenda nasional, tetapi juga sebahagian daripada strategi pembangunan wilayah dan komuniti.

Dalam era pasca-pandemik COVID-19, Kerajaan turut memperkenalkan inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) dengan pengenalan empat Program Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi bagi membantu koperasi terjejas. Empat program berkenaan adalah

Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR), Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (Transfer) serta Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-Dapat). Program ini bertujuan membantu koperasi yang terjejas untuk kembali beroperasi dengan sokongan kewangan, latihan, dan bimbingan perniagaan. Ianya juga bagi membolehkan kumpulan sasaran iaitu usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan individu terjejas serta hilang punca pendapatan menjalankan aktiviti ekonomi secara berkumpulan melalui koperasi.

Kesemua dasar dan program khusus ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam membangunkan koperasi sebagai instrumen pembangunan inklusif. Ia juga membuktikan bahawa koperasi bukan lagi dianggap sebagai entiti kecil atau sekadar pelengkap kepada sektor ekonomi lain, tetapi sebagai pelaku utama dalam menjana kesejahteraan rakyat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Namun begitu, keberkesanan pelaksanaan dasar dan program ini sangat bergantung kepada penglibatan aktif anggota koperasi, kualiti kepimpinan, serta tahap tadbir urus.

Seperti mana yang ditekankan oleh *International Labour Organization* (ILO), koperasi yang berjaya adalah koperasi yang mampu menggabungkan prinsip demokrasi dan solidariti dengan amalan perniagaan moden yang cekap dan telus. Oleh itu, dasar dan program pembangunan koperasi Malaysia perlu terus diperkukuh dengan memastikan keseimbangan antara matlamat sosial dan ekonomi dapat dicapai.

Rajah 5.3: **Kerangka Dasar dan Program Khusus Pembangunan Koperasi di Malaysia**



Rajah 5.3 ini memperlihatkan evolusi dasar koperasi negara sejak 2002 hingga 2030. DKN 2002–2010 menumpukan kepada pembinaan asas koperasi, DKN 2011–2020 mengukuhkan bidang strategik seperti pertanian, kewangan, dan pelancongan, manakala DKN 2021–2030 memberi penekanan kepada kelestarian, inklusiviti, digitalisasi, dan Matlamat Pembangunan Mampan. Kesemua dasar ini secara berperingkat melahirkan koperasi yang lebih berdaya saing serta relevan dalam arus pembangunan negara dan global.

Selain itu, **Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021–2025** juga diperkenalkan sebagai pelan transformasi yang lebih operasional. Jika DaKoM 2030 berfungsi sebagai dasar induk yang menetapkan prinsip dan hala tuju, TransKoM 2021–2025 merupakan dokumen tindakan yang memperincikan langkah-langkah pelaksanaan bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. TransKoM 2021–2025 memberi fokus kepada lima bidang tujuhan iaitu:

1. Penerapan nilai kemakmuran bersama;
2. Pemantapan sistem perundangan dan struktur governan;
3. Pengukuhan bakat dan Pembangunan modal insan;
4. Pembentukan persekiran perniagaan yang mampan dan lestari; dan
5. Pemeraksanaan badan induk dan sistem penyampaian koperasi

Gabungan kedua-dua dasar ini membentuk satu ekosistem pembangunan koperasi yang lebih menyeluruh. DaKoM 2030 menyediakan asas falsafah, prinsip, dan hala tuju strategik, manakala TransKoM 2021–2025 bertindak sebagai pelan tindakan yang menukar prinsip tersebut menjadi program konkrit yang boleh diukur pencapaiannya.

Dalam konteks tahun 2024, pelaksanaan kedua-dua dasar ini telah menampakkan hasilnya walaupun masih terdapat ruang penambahbaikan. Misalnya, banyak koperasi telah mula mengadaptasi teknologi digital dalam operasi dan perkhidmatan mereka, selaras dengan saranan TransKoM 2021–2025 untuk menguasai ekonomi digital. Begitu juga dengan penekanan terhadap pengukuhan tadbir urus yang telah meningkatkan tahap kepercayaan anggota terhadap koperasi, walaupun masih terdapat cabaran berkaitan ketelusan dan kecekapan pengurusan.

Selain itu, dasar ini juga menekankan penyertaan koperasi dalam sektor-sektor strategik seperti pertanian moden, perkhidmatan kewangan, pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perumahan. Sektor-sektor ini bukan sahaja memberikan nilai ekonomi yang tinggi, tetapi juga mempunyai impak sosial yang besar. Melalui penglibatan koperasi dalam bidang ini, manfaat pembangunan dapat diagihkan dengan lebih adil dan inklusif kepada masyarakat.

Satu lagi aspek penting dalam dasar koperasi ialah pengukuhan modal insan. Koperasi tidak akan mampu berkembang tanpa adanya kepimpinan yang berwibawa dan anggota yang berpengetahuan. Oleh itu, pelbagai program latihan, pendidikan, dan pembangunan kapasiti telah dilaksanakan dengan sokongan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta kerjasama institusi pendidikan tinggi. Ini selaras dengan aspirasi untuk menjadikan koperasi bukan sahaja entiti perniagaan, tetapi juga pusat pembelajaran dan pembangunan sosial.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini tidak bebas daripada cabaran. Ada koperasi yang masih lemah dari segi daya saing kerana bergantung kepada model lama dan tidak bersedia menghadapi persaingan pasaran terbuka. Ada juga isu berkaitan kebergantungan kepada sokongan kerajaan tanpa inisiatif yang mencukupi untuk membina daya tahan sendiri. Oleh itu, keberkesanan dasar ini banyak bergantung kepada komitmen kepimpinan koperasi, sokongan berterusan kerajaan, serta penglibatan aktif anggota dalam menjayakan matlamat bersama.

Dalam konteks global, keberadaan dasar ini membolehkan koperasi Malaysia menyesuaikan diri dengan tuntutan baharu seperti *Sustainable Development Goals (SDG)* dan *Social Solidarity Economy (SSE)*. Melalui integrasi dengan agenda antarabangsa ini, koperasi bukan sahaja menjadi pemain tempatan, tetapi juga pelengkap kepada gerakan koperasi global yang memperjuangkan pembangunan inklusif, kelestarian alam sekitar, dan solidariti sosial.

Secara keseluruhannya, DaKoM 2030 dan TransKoM 2021–2025 merupakan dasar penting yang membolehkan koperasi Malaysia mengukuhkan kedudukannya dalam ekonomi nasional, memperluas peranannya dalam pembangunan masyarakat,

serta meningkatkan sumbangannya kepada agenda global. Pelaksanaan dasar ini akan terus menjadi asas kepada pencapaian koperasi pada masa hadapan, terutama dalam

menghadapi cabaran ekonomi digital, perubahan iklim, serta keperluan untuk memastikan pembangunan yang lebih adil dan lestari.

PENCAPAIAN DASAR DAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOPERASI TAHUN 2024

Prestasi koperasi Malaysia pada tahun 2024 bukan sahaja mencerminkan daya tahan gerakan koperasi, tetapi juga membuktikan keberkesanan dasar dan inisiatif yang sedang dilaksanakan. Pencapaian positif dari segi bilangan koperasi berdaftar, peningkatan modal syer dan yuran, serta pertumbuhan perolehan keseluruhan, memperlihatkan bahawa hala tuju dasar yang digariskan dalam **Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030)** dan **Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM 2021-2025)** telah memberikan impak nyata. Walaupun terdapat sedikit penyusutan dalam jumlah anggota, trend keseluruhan tetap mengukuhkan kedudukan koperasi sebagai instrumen ekonomi rakyat yang inklusif dan mampan.

Pertumbuhan Bilangan Koperasi Berdaftar dan Keanggotaan

Kenaikan bilangan koperasi berdaftar daripada 15,809 buah pada tahun 2023 kepada 16,284 buah pada tahun 2024, iaitu peningkatan 3.0%, jelas menunjukkan minat masyarakat yang berterusan untuk menubuhkan koperasi. Kejayaan ini selari dengan objektif **TransKoM 2021-2025** yang menekankan pengukuhan kapasiti koperasi sedia ada dan memperluas bilangan entiti koperasi yang berdaya saing. Walaupun jumlah keanggotaan berkurang sedikit sebanyak 0.18%, bilangan anggota masih kekal melebihi 7 juta orang, menandakan koperasi terus menjadi pilihan platform sosioekonomi rakyat.

Perolehan dan Prestasi Kewangan

Dari aspek kewangan, nilai syer dan yuran meningkat daripada RM17.45 bilion pada 2023 kepada RM18.33 bilion pada 2024, pertumbuhan sebanyak 5.03%. Lonjakan ini menggambarkan peningkatan tahap keyakinan anggota terhadap koperasi, yang merupakan salah satu teras **DaKoM 2030** untuk memperkukuh

kedudukan kewangan koperasi melalui pengumpulan modal dalaman. Lebih signifikan lagi, perolehan keseluruhan koperasi mencatat RM68.18 bilion pada 2024 berbanding RM64.56 bilion pada tahun sebelumnya, peningkatan 5.61% atau hampir RM3.62 bilion. Pertumbuhan ini menunjukkan bahawa koperasi semakin berupaya bersaing dengan entiti perniagaan lain dan menyumbang secara lebih besar kepada ekosistem ekonomi negara.

Sumbangan Mengikut Sektor

Struktur perolehan mengikut fungsi turut mencerminkan keberkesanan fokus dasar. Koperasi berasaskan kewangan terus menjadi penyumbang utama dengan 87% daripada jumlah perolehan (perbankan 78.56% dan kredit 8.90%). Dominasi sektor kewangan ini membuktikan kejayaan program pengukuhan koperasi kewangan di bawah **TransKoM 2021-2025**, khususnya dalam aspek pemodenan perkhidmatan, pematuhan standard pengurusan, dan peluasan akses kepada komuniti. Sementara itu, sektor lain seperti pengguna, perkhidmatan, pertanian, pengangkutan, dan perumahan terus memberi sumbangan dalam mempelbagaikan ekosistem koperasi, selaras dengan aspirasi **DaKoM 2030** untuk menjadikan koperasi lebih seimbang dan inklusif dalam pelbagai sektor strategik.

Secara keseluruhannya, pencapaian koperasi Malaysia pada tahun 2024 membuktikan bahawa dasar semasa bukan sahaja relevan tetapi juga efektif dalam mendorong pertumbuhan. **DaKoM 2030** menyediakan visi jangka panjang yang jelas untuk mengangkat koperasi sebagai pemacu ekonomi rakyat, manakala **TransKoM 2021-2025** berfungsi sebagai pelan taktikal untuk memperkukuh institusi, membangun kapasiti, serta meningkatkan daya saing koperasi. Gabungan kedua-dua dasar ini telah menghasilkan prestasi yang lebih memberangsangkan pada tahun 2024, sekali gus menegaskan bahawa koperasi kekal sebagai tonggak ekonomi inklusif yang berpotensi besar menyumbang kepada aspirasi pembangunan negara.

Rajah 5.4: Perbandingan Prestasi Utama Koperasi Malaysia (2023-2024)

INDIKATOR UTAMA	TAHUN 2023	TAHUN 2024	PERUBAHAN	
	Bilangan Koperasi	15,809 buah	16,284 buah	+3.0%
	Keanggotaan	7,220,164 orang	7,207,179 orang	-0.18%
	Syer & Yuran	RM17.45 bilion	RM18.33 bilion	+5.03%
	Perolehan	RM64.56 bilion	RM68.18 bilion	+5.61%

Rajah 5.5: Sumbangan Perolehan Koperasi Mengikut Fungsi (2024)

FUNGSI KOPERASI		PEROLEHAN (RM BILION)	PERATUS SUMBANGAN (%)
	Perbankan	53.562	78.56%
	Kredit	6.065	8.90%
	Pengguna	2.222	3.26%
	Perumahan	0.154	0.23%
	Perkhidmatan	3.587	5.26%
	Pengangkutan	0.775	1.14%
	Pertanian	1.690	2.48%
	Pembinaan	0.092	0.13%
	Perindustrian	0.036	0.05%
	JUMLAH	68.183	100.00%

Tadbir Urus dan Akauntabiliti

Salah satu kejayaan penting pada tahun 2024 ialah peningkatan tahap tadbir urus dalam koperasi. SKM telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti penguatkuasaan perundangan koperasi dan program audit pematuhan. Hasilnya, lebih banyak koperasi kini mematuhi piawaian pengurusan yang baik, sekali gus meningkatkan keyakinan anggota dan pihak berkepentingan.

Namun, masih terdapat cabaran terutama melibatkan koperasi kecil dan sederhana yang kekurangan sumber untuk mengamalkan tadbir urus yang berkesan. Oleh itu, program sokongan dan bimbingan berterusan diperlukan bagi memastikan kesemua koperasi dapat beroperasi secara telus dan berdaya saing.

Penguatkuasaan Modal Insan dan Pendidikan Koperasi

Pembangunan kapasiti anggota dan pemimpin koperasi turut menjadi fokus utama pada tahun 2024. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) memainkan peranan penting dengan menawarkan lebih banyak kursus dan modul latihan dalam bidang keusahawanan, pengurusan kewangan, pemasaran digital, dan kepimpinan koperasi. Program latihan ini mendapat sambutan baik kerana membantu koperasi menyesuaikan diri dengan persekitaran ekonomi digital dan cabaran pasaran terbuka.

Selain itu, terdapat peningkatan kerjasama antara koperasi dan institusi pendidikan tinggi, khususnya melalui program inkubasi perniagaan, penyelidikan bersama, serta penglibatan pelajar dalam aktiviti koperasi. Langkah ini bukan sahaja membina ekosistem pembelajaran yang dinamik, tetapi juga melahirkan generasi muda yang lebih prihatin terhadap model ekonomi koperasi.

ISU DAN CABARAN PEMBANGUNAN KOPERASI

Walaupun koperasi di Malaysia mencatatkan pencapaian yang membanggakan, terutamanya dari aspek pertumbuhan bilangan anggota, perolehan, serta diversifikasi bidang perniagaan, realitinya masih terdapat pelbagai isu dan cabaran yang menghalang perkembangan lebih pesat. Isu-isu ini boleh dilihat daripada beberapa dimensi utama, iaitu tadbir urus, kapasiti sumber manusia, teknologi, akses pasaran, serta daya tahan terhadap perubahan ekonomi global.

TADBIR URUS DAN KEPIMPINAN KOPERASI

Pengenalan

Tadbir urus dan kepimpinan merupakan asas utama yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah koperasi. Sebagai organisasi berasaskan nilai demokrasi, koperasi menuntut sistem tadbir urus yang berintegriti, telus, dan berorientasikan kepentingan anggota. Namun, dalam konteks Malaysia, isu tadbir urus dan kepimpinan koperasi masih sering diperdebatkan kerana kelemahan dalam pengurusan, konflik peranan antara Lembaga dan pengurusan eksekutif, serta amalan integriti yang tidak konsisten. Masalah ini bukan sahaja menjejaskan prestasi koperasi secara individu, tetapi juga mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi secara keseluruhan.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dengan jelas menekankan kepentingan pengukuhan tadbir urus koperasi melalui pembangunan modal insan, latihan berstruktur, dan reformasi kawal selia. Sementara itu, *Blueprint for a Co-operative Decade* oleh *International Co-operative Alliance (ICA)* menggariskan tadbir urus sebagai salah satu elemen kritikal bagi menjadikan koperasi sebagai model perniagaan pilihan utama di peringkat global.

Isu Tadbir Urus dan Kepimpinan di Malaysia

Di Malaysia, sebahagian besar koperasi masih dikendalikan oleh pemimpin yang dilantik melalui mesyuarat agung tanpa saringan kelayakan profesional yang ketat. Walaupun prinsip demokrasi membenarkan semua anggota berhak dipilih, realitinya ramai

pemimpin koperasi tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam aspek pengurusan kewangan, strategi perniagaan, dan pentadbiran moden. Situasi ini sering menyebabkan koperasi menghadapi masalah seperti kelewatan menyiapkan laporan kewangan, kegagalan melaksanakan projek dengan berkesan, dan dalam sesetengah kes, berlakunya penyelewengan.

Sebagai contoh, beberapa koperasi perumahan gagal menyiapkan projek pembangunan perumahan kerana pengurusan dana yang lemah dan konflik kepentingan dalam kalangan anggota lembaga. Terdapat juga kes koperasi kredit yang menghadapi masalah aliran tunai akibat pemberian pinjaman tanpa kawalan risiko yang ketat. Kes-kes sebegini memberi implikasi besar terhadap reputasi gerakan koperasi, sehingga memerlukan campur tangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

Bagi menangani kelemahan ini, pelbagai usaha telah dilakukan. Antaranya, SKM mewajibkan koperasi tertentu menjalani kursus latihan asas melalui Institut Koperasi Malaysia (IKMa), terutama bagi pemimpin koperasi baharu. Program seperti kursus pengurusan koperasi dan kursus kewangan koperasi diwujudkan untuk memastikan pemimpin koperasi memahami asas pengurusan moden. Di samping itu, DaKoM 2030 memperkenalkan strategi pengukuhan tadbir urus dengan memberi penekanan kepada prinsip integriti, ketelusan, dan akauntabiliti. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan termasuk memperkukuh peranan jawatankuasa audit dalaman serta memperkenalkan penggunaan teknologi seperti sistem e-undi untuk meningkatkan kepercayaan dalam pelaporan kewangan.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Negara-negara lain telah menunjukkan contoh yang boleh diteladani Malaysia. Di **Korea Selatan**, koperasi diwajibkan melaksanakan audit luaran tahunan oleh firma bebas yang diiktiraf kerajaan, sekali gus meningkatkan ketelusan. Sistem ini dikenali sebagai *Co-operative Governance Audit* dan berfungsi bukan sahaja untuk mengesan kelemahan kewangan, tetapi juga menilai keberkesanan tadbir urus koperasi.

Di **Jepun**, koperasi pertanian (*Japan Agricultural Cooperatives – JA*) mewajibkan pemimpin koperasi menjalani latihan intensif dalam pengurusan korporat sebelum boleh dilantik. Hal ini memastikan setiap pemimpin bukan sahaja dipilih secara demokratik, tetapi juga memiliki kompetensi yang relevan untuk mengurus organisasi kompleks.

Manakala di **Kanada**, koperasi besar seperti *Desjardins Group* (koperasi kredit terbesar di Amerika Utara) menekankan keseimbangan antara pemilihan demokratik dan meritokrasi, dengan memperkenalkan sistem “kriteria kelayakan calon” bagi memastikan pemimpin yang terpilih mempunyai pengalaman kewangan dan pentadbiran yang sesuai.

Analisis dan Cadangan

Melihat kepada situasi Malaysia dan amalan antarabangsa, jelas bahawa keberkesanan tadbir urus koperasi bergantung kepada dua faktor utama: (i) integriti dan akauntabiliti kepimpinan, serta (ii) kompetensi profesional dalam pengurusan organisasi. Sehubungan itu, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan:

1. **Pensijilan Kepimpinan Koperasi** – mewajibkan semua calon Anggota Lembaga Koperasi melepasi kursus asas tadbir urus sebelum layak bertanding.
2. **Audit Tadbir Urus Tahunan** – melaksanakan audit tadbir urus koperasi secara berkala oleh pihak ketiga bebas, bukan hanya audit kewangan.
3. **Penggunaan Teknologi** – memperkenalkan sistem e-undi, e-laporan, dan *Blockchain* untuk meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko manipulasi.
4. **Insentif Kepimpinan Profesional** – memberikan insentif kepada koperasi yang mengupah pengurus profesional sepenuh masa, seperti potongan cukai atau geran pentadbiran.

Kesimpulan

Isu tadbir urus dan kepimpinan merupakan cabaran teras yang perlu ditangani bagi memastikan koperasi Malaysia terus berkembang sebagai enjin ekonomi rakyat. Dengan pelaksanaan strategi DaKoM 2030 dan pengadaptasian amalan terbaik

antarabangsa, koperasi Malaysia dapat meningkatkan tahap profesionalisme, integriti, dan keberkesanan kepimpinan. Hal ini sejajar dengan matlamat *Blueprint for a Co-operative Decade* yang mahu menjadikan koperasi sebagai pilihan perniagaan utama yang demokratik, beretika, dan mampan di peringkat global.

KETIDAKSEIMBANGAN SUMBANGAN EKONOMI

Pengenalan

Salah satu isu kritikal dalam pembangunan koperasi di Malaysia ialah wujudnya ketidakseimbangan sumbangan ekonomi antara koperasi besar dengan koperasi kecil dan mikro. Statistik menunjukkan bahawa lebih 95% jumlah perolehan koperasi datang daripada hanya sekitar 2% koperasi besar. Fenomena ini menunjukkan jurang struktur yang serius dalam gerakan koperasi negara, di mana sebahagian besar koperasi tidak mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) telah mengiktiraf isu ini sebagai cabaran utama. DaKoM 2030 menetapkan sasaran untuk meningkatkan kadar sumbangan koperasi kepada KDNK melalui pemerkasaan koperasi kecil dan sederhana, selain memperkukuh koperasi berskala besar yang sedia ada. *Blueprint for a Co-operative Decade* oleh ICA pula menekankan bahawa koperasi perlu berdaya saing bukan sahaja di peringkat tempatan, malah juga di pasaran global dengan memperkukuh sektor bernilai tinggi serta memastikan manfaat ekonomi diagihkan secara inklusif.

Isu Ketidakseimbangan di Malaysia

Realitinya, hanya sebilangan kecil koperasi – khususnya koperasi kredit, koperasi perbankan, dan koperasi pengguna besar – yang mendominasi sumbangan perolehan sektor ini. Contohnya, Bank Rakyat dan koperasi kredit lain menyumbang perolehan berbilion ringgit setiap tahun, manakala ribuan koperasi kecil seperti koperasi sekolah, koperasi desa, dan koperasi komuniti hanya merekodkan pendapatan ratusan ribu atau kurang. Jurang ini mewujudkan dua kelas koperasi: koperasi elit dengan skala operasi luas, dan koperasi kecil yang sekadar memenuhi peranan asas komuniti.

Kesan ketidakseimbangan ini bukan sahaja dari sudut ekonomi, tetapi juga kepercayaan masyarakat. Ramai anggota menganggap koperasi sebagai entiti yang hanya memberi pulangan kecil, kerana mereka melihat prestasi koperasi kecil yang terbatas. Sedangkan, jika jurang ini dapat dikurangkan, koperasi kecil dan sederhana mampu menjadi pemacu ekonomi setempat yang lebih berkesan.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

Untuk mengatasi isu ini, SKM telah memperkenalkan beberapa inisiatif. Antaranya ialah penubuhan **Federasi Koperasi** yang bertujuan menggabungkan koperasi kecil mengikut sektor, contohnya federasi koperasi kewangan, federasi koperasi pemborongan dan peruncitan, dan federasi koperasi pertanian. Pendekatan ini diharap dapat meningkatkan skala ekonomi dan daya saing koperasi kecil.

Selain itu, beberapa skim pembiayaan khas juga telah diperkenalkan, seperti **Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP SKM)** yang memberi pinjaman mudah kepada koperasi untuk memperluas perniagaan. Walau bagaimanapun, impak dasar ini masih terhad kerana ramai koperasi kecil berdepan dengan kekangan kapasiti pengurusan untuk mengakses dan menggunakan modal tersebut dengan efektif.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara berjaya mengurangkan jurang ketidakseimbangan antara koperasi besar dan kecil melalui pendekatan inovatif.

- **Indonesia:** Kerajaan memperkenalkan Model Koperasi Kluster Agro yang menggabungkan koperasi kecil tani di bawah satu jaringan rantaian nilai. Sebagai contoh, koperasi kelapa sawit di Sumatera mengintegrasikan pengeluaran, pemprosesan, dan pemasaran, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi serta daya tawar harga.
- **Belanda:** Koperasi Tenusu *FrieslandCampina* yang berstatus multinasional pada asalnya dibina hasil penggabungan beberapa koperasi tenusu kecil. Model integrasi ini membolehkan anggota kecil mendapat akses pasaran global, tetapi masih mengekalkan prinsip pulangan adil kepada anggota.

- **Kenya:** Dalam sektor kopi, koperasi kecil disatukan melalui *National Coffee Co-operative Union* yang bertanggungjawab terhadap eksport dan pemasaran. Dengan itu, koperasi kecil tidak bersaing secara individu tetapi berkolaborasi untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Analisis dan Cadangan

Ketidakseimbangan sumbangan ekonomi koperasi Malaysia menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh koperasi kecil dan sederhana. Pendekatan yang sesuai boleh dirumuskan seperti berikut:

1. **Penggabungan Strategik** – koperasi kecil dalam sektor sama digalakkan bergabung (*merger*) atau membentuk konsortium supaya dapat mencapai skala ekonomi lebih besar.
2. **Dana Pembangunan Koperasi Kecil** – memperkenalkan dana khas dengan bimbingan teknikal supaya koperasi kecil mampu mengurus projek lebih besar.
3. **Peranan Kluster Koperasi** – mengaktifkan kluster koperasi secara bersepadu dan menjadikan ia platform pembahagian sumber, pemasaran bersama, serta pembangunan produk.
4. **Perkongasian Pintar dengan Syarikat Swasta** – koperasi kecil boleh berkolaborasi dengan sektor swasta melalui kontrak pembekalan, sekali gus memperluas akses pasaran.

Kesimpulan

Ketidakseimbangan sumbangan ekonomi antara koperasi besar dan kecil perlu ditangani dengan strategi yang inklusif dan menyeluruh. DaKoM 2030 telah menyediakan hala tuju dengan memberi tumpuan kepada pembangunan koperasi kecil, manakala *Blueprint ICA* menekankan prinsip keadilan ekonomi dan daya saing global. Sekiranya pengukuhan koperasi kecil dapat dilaksanakan melalui penggabungan strategik, kluster koperasi, dan sokongan pembiayaan, maka jurang ini boleh dikurangkan. Dengan itu, koperasi di Malaysia mampu memainkan peranan lebih signifikan sebagai pemacu pembangunan ekonomi rakyat yang saksama dan mampan.

KETIDAKAKTIFAN KOPERASI

Pengenalan

Fenomena ketidakaktifan koperasi merupakan salah satu cabaran struktural dalam pembangunan gerakan koperasi di Malaysia. Walaupun jumlah koperasi berdaftar melebihi 16,000, hanya sekitar 60% yang benar-benar aktif menjalankan operasi perniagaan dan melaporkan prestasi kewangan mereka. Selebihnya berada dalam kategori dormant atau tidak aktif. Keadaan ini menimbulkan implikasi besar kerana potensi ekonomi yang sepatutnya digerakkan melalui koperasi tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) telah menetapkan sasaran meningkatkan kadar koperasi aktif sehingga 65% menjelang 2030. *Blueprint for a Co-operative Decade* oleh ICA pula menekankan kepentingan menjadikan koperasi sebagai perniagaan pilihan utama, yang bermakna hanya koperasi aktif, berdaya saing dan memberi manfaat kepada anggota sahaja yang akan diiktiraf sebagai model koperasi masa depan.

Isu Ketidakaktifan Koperasi di Malaysia

Masalah koperasi tidak aktif berpunca daripada beberapa faktor. Pertama, terdapat koperasi yang ditubuhkan hanya untuk tujuan sementara atau memenuhi syarat tertentu, contohnya koperasi yang diwujudkan bagi mendapatkan insentif kerajaan akan dibiarkan apabila permohonan gagal. Kedua, kelemahan dalam kepimpinan dan pengurusan menyebabkan koperasi gagal menghasilkan aktiviti ekonomi yang berdaya maju, lalu terhenti operasinya. Ketiga, rendahnya literasi anggota menyebabkan kurangnya penglibatan aktif, dan akhirnya koperasi gagal mengekalkan momentum perniagaan.

Contoh jelas ialah sejumlah koperasi perumahan di bandar utama yang gagal menyiapkan projek pembangunan kerana masalah kewangan dan pengurusan, lalu digantung statusnya oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Begitu juga koperasi komuniti yang tidak menghantar laporan tahunan berulang kali, lalu terpaksa dibubarkan oleh SKM.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

SKM telah melaksanakan beberapa langkah untuk menangani isu ini. Antaranya ialah program Pemutihan Koperasi di mana koperasi tidak aktif diberi tempoh masa untuk mengemukakan laporan tahunan, mengadakan mesyuarat agung, dan menjalankan aktiviti ekonomi yang sah. Bagi koperasi yang masih berpotensi, SKM menawarkan bantuan bimbingan teknikal serta menyarankan penggabungan dengan koperasi lain. Koperasi dormant yang tidak mampu dipulihkan pula dibubarkan agar sumber tidak terikat pada entiti yang tidak memberi sumbangan.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara lain telah menunjukkan cara yang efektif dalam menangani isu koperasi dormant.

- **Thailand:** Kerajaan menubuhkan *Co-operative Development Fund* untuk menyokong koperasi tidak aktif dengan menyediakan dana pemulihan serta program mentor oleh koperasi besar yang berjaya. Pendekatan ini membolehkan koperasi kecil kembali aktif dengan bimbingan dan akses modal yang lebih baik.
- **Filipina:** *The Cooperative Development Authority* (CDA) melalui dasar penggabungan menggalakkan koperasi mikro dan kecil bergabung bagi memperkukuh kedudukan mereka. Kerajaan menyediakan insentif modal P500,000 hingga P1 juta bergantung kepada bilangan koperasi yang bergabung, serta tambahan P300,000 jika ada penyertaan baharu dalam tempoh setahun. Dasar ini bagi meningkatkan daya tahan koperasi, mengatasi isu kepimpinan, serta membuka peluang pembangunan lebih kukuh.
- **Jerman:** Sistem koperasi di Jerman menetapkan bahawa semua koperasi mesti menjadi anggota kepada *German Cooperative and Raiffeisen Confederation* (DGRV). DGRV yang juga koperasi apex berperanan penting dalam pembangunan koperasi di Jerman melalui audit dan pengawasan rapi bagi mengesan masalah awal. Ia turut menyediakan khidmat nasihat dan latihan profesional untuk memperkukuh tadbir urus serta pengurusan risiko koperasi. Selain itu, DGRV mempengaruhi rangka kerja perundangan agar koperasi beroperasi dalam ekosistem kewangan yang stabil. Secara keseluruhan, DGRV berfungsi sebagai pengawas dan rakan strategik dalam menyokong kelestarian koperasi.

Analisis dan Cadangan

Isu ketidakaktifan koperasi di Malaysia perlu ditangani secara menyeluruh kerana ia bukan sahaja melibatkan soal reputasi gerakan koperasi, tetapi juga membabitkan kecekapan sumber dan keberkesanan dasar. Beberapa cadangan boleh dipertimbangkan:

1. **Mekanisme Amaran Awal (*Early Warning System*)** – mewujudkan sistem pemantauan digital yang mengesan koperasi berisiko dormant berdasarkan kelewatan laporan kewangan atau ketiadaan mesyuarat agung.
2. **Penggabungan Terancang** – koperasi kecil dan dormant digalakkan bergabung dengan koperasi lebih besar dalam sektor sama melalui insentif khas.
3. **Program Inkubator Koperasi** – koperasi baharu atau dormant diberi peluang menyertai inkubator yang menyediakan bimbingan intensif dalam bidang pengurusan, kewangan, dan pemasaran.
4. **Dana Pemulihan Koperasi** – mewujudkan dana khas seperti di Thailand untuk menghidupkan semula koperasi dormant yang berpotensi, terutama di luar bandar.

Kesimpulan

Ketidakaktifan koperasi mencerminkan kelemahan struktur gerakan koperasi yang perlu ditangani dengan tindakan proaktif dan bersepadu. Dengan strategi pemutihan, penstrukturan semula, serta sokongan pembiayaan dan bimbingan, isu ini boleh diatasi. DaKoM 2030 memberi hala tuju jelas melalui sasaran meningkatkan kadar koperasi aktif, manakala Blueprint ICA menyeru agar koperasi menjadi entiti pilihan utama dalam ekonomi. Sekiranya langkah-langkah ini dilaksanakan dengan berkesan, koperasi Malaysia akan lebih berdaya tahan, relevan, dan mampu memberi impak ekonomi serta sosial yang lebih signifikan.

KEKANGAN MODAL INSAN DAN LITERASI KOPERASI

Pengenalan

Modal insan dan literasi koperasi merupakan faktor penentu dalam memastikan kelangsungan serta keberkesanan gerakan koperasi. Sebagai organisasi yang bergantung

kepada penglibatan anggota, koperasi memerlukan barisan kepimpinan berpengetahuan, anggota yang memahami hak serta tanggungjawab mereka, dan pengurus yang cekap dalam mengurus operasi. Namun, realitinya di Malaysia, koperasi berdepan cabaran ketara dari segi keterbatasan kemahiran pengurusan, kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi, dan rendahnya tahap literasi koperasi dalam kalangan anggota.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) menekankan pembangunan modal insan sebagai salah satu teras utama dalam agenda transformasi koperasi. Sementara itu, *Blueprint for a Co-operative Decade* (ICA) turut menggariskan bahawa koperasi abad ke-21 memerlukan kepimpinan profesional, literasi keusahawanan, serta pendidikan berterusan bagi memastikan daya saing dan ketahanan jangka panjang.

Isu Modal Insan dan Literasi di Malaysia

Di Malaysia, banyak koperasi, terutamanya koperasi kecil dan luar bandar, masih dikendalikan oleh pemimpin dan pengurus yang tidak mempunyai latar belakang profesional dalam bidang pengurusan kewangan, pemasaran, atau teknologi. Hal ini menyebabkan keputusan perniagaan sering dibuat secara tradisional tanpa berpandukan analisis pasaran atau strategi moden.

Sebagai contoh, beberapa koperasi pengguna menghadapi kerugian kerana gagal menyesuaikan diri dengan tren runcit digital, akibat kurangnya kepakaran dalam pemasaran e-dagang. Dalam konteks literasi anggota pula, ramai anggota koperasi hanya melihat koperasi sebagai saluran untuk menerima dividen tahunan tanpa memahami peranan mereka dalam mesyuarat agung, pemilihan kepimpinan, atau pengawasan terhadap perjalanan koperasi. Rendahnya literasi koperasi ini menyebabkan penglibatan anggota dalam membuat keputusan strategik sangat terbatas, dan akhirnya menjejaskan prinsip demokrasi koperasi.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menyediakan kursus seperti Sijil Asas Pengurusan Koperasi dan latihan kewangan, yang diwajibkan kepada Anggota Lembaga Koperasi tertentu. Selain itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mewajibkan koperasi

menghantar laporan tahunan yang turut dijadikan asas latihan untuk meningkatkan disiplin pentadbiran.

DaKoM 2030 pula menggariskan strategi membangunkan **generasi baharu pemimpin koperasi**, dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti belia dan profesional melalui latihan kepimpinan, kursus digital, serta pembelajaran sepanjang hayat. Usaha ini sejajar dengan keperluan melahirkan pemimpin koperasi yang lebih berdaya saing, kompeten, dan inovatif.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara maju menunjukkan bagaimana pendidikan koperasi dan pengukuhan modal insan boleh menjadi pemacu utama keberkesanan gerakan koperasi.

- **Filipina:** Kerajaan memperkenalkan kurikulum koperasi di peringkat universiti, membolehkan generasi muda memahami prinsip koperasi sejak awal dan bersedia menyertai gerakan koperasi dengan pengetahuan yang kukuh.
- **Jerman:** Negara ini mempunyai institusi latihan koperasi khusus (*cooperative colleges*) yang melahirkan pengurus koperasi profesional sepenuh masa. Hal ini memastikan koperasi dikendalikan oleh individu yang memiliki kompetensi setaraf pengurus syarikat swasta.
- **Kenya:** Gerakan koperasi menubuhkan *Co-operative University of Kenya* yang menjadi pusat latihan, penyelidikan, dan pendidikan koperasi. Langkah ini meningkatkan tahap profesionalisme dalam pengurusan koperasi, terutamanya dalam sektor kewangan mikro.

Analisis dan Cadangan

Kekangan modal insan dan literasi koperasi di Malaysia adalah masalah struktural yang boleh menjejaskan daya tahan koperasi dalam jangka panjang. Beberapa cadangan boleh dirumuskan:

1. **Pendidikan Formal Koperasi** – memperkenalkan subjek koperasi di peringkat sekolah dan universiti, sejajar dengan cadangan ICA untuk memperluas literasi koperasi sejak awal.
2. **Profesionalisasi Pengurusan** – menggalakkan koperasi besar menggaji pengurus profesional sepenuh masa, dengan sokongan geran pentadbiran atau insentif cukai daripada kerajaan.

3. **Program Literasi Koperasi Nasional** – kempen kesedaran untuk mendidik anggota mengenai peranan mereka dalam pengurusan koperasi, termasuk hak mengundi dan tanggungjawab mengawasi kepimpinan.

4. **Latihan Berasaskan Digital** – mewujudkan platform e-pembelajaran koperasi agar kursus dapat diakses oleh lebih ramai anggota di seluruh negara, terutama di kawasan luar bandar.

Kesimpulan

Kekangan modal insan dan literasi koperasi merupakan isu yang perlu ditangani segera agar koperasi Malaysia mampu melangkah ke tahap lebih tinggi dalam pembangunan ekonomi. Dengan strategi DaKoM 2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan generasi pemimpin baharu dan pendidikan koperasi berterusan, ditambah dengan inspirasi daripada amalan terbaik negara luar, koperasi Malaysia berpeluang membentuk ekosistem yang profesional, kompetitif, dan inklusif. Hal ini sejajar dengan aspirasi *Blueprint for a Co-operative Decade* yang menggariskan pembangunan kapasiti manusia sebagai tonggak daya tahan koperasi global.

JURANG TEKNOLOGI DAN TRANSFORMASI DIGITAL

Pengenalan

Era Revolusi Industri 4.0 telah mengubah landskap ekonomi global, termasuk sektor koperasi. Teknologi digital kini menjadi faktor penentu daya saing, keberkesanan operasi, dan keupayaan menembusi pasaran baharu. Namun, dalam konteks Malaysia, gerakan koperasi masih berdepan jurang ketara dalam penguasaan teknologi antara koperasi besar dan kecil, serta antara koperasi di bandar dengan koperasi luar bandar. Jurang ini menjejaskan keberkesanan koperasi sebagai pemacu ekonomi rakyat.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) menetapkan digitalisasi sebagai salah satu teras transformasi koperasi, dengan sasaran memperluas penggunaan teknologi dalam operasi, pemasaran, dan perkhidmatan. Manakala *Blueprint for a Co-operative Decade* (ICA) menekankan bahawa koperasi mesti inovatif dan adaptif terhadap teknologi moden jika ingin kekal relevan dalam ekonomi global yang semakin digital.

Isu Jurang Teknologi di Malaysia

Sebahagian koperasi besar, terutamanya koperasi kredit, telah mula memanfaatkan teknologi digital. Contohnya, Bank Rakyat dan Coopbank Pertama telah memperkenalkan perkhidmatan perbankan digital, aplikasi mudah alih, dan *e-wallet*. Namun, kebanyakan koperasi kecil, terutamanya koperasi luar bandar dan koperasi sekolah, masih menguruskan operasi secara manual tanpa sistem berkomputer.

Sebagai contoh, koperasi pengguna desa masih bergantung pada kaedah jual beli tradisional tanpa integrasi e-dagang, menjadikan mereka sukar bersaing dengan pasar raya moden atau platform e-dagang besar seperti Shopee dan Lazada. Begitu juga koperasi pertanian, yang sebahagian besar masih mengurus rekod pengeluaran dan pemasaran secara manual, menyebabkan ketidakcekapan dalam rantai bekalan.

Jurang ini bukan sahaja menjejaskan produktiviti, tetapi juga menghalang koperasi kecil daripada memanfaatkan peluang ekonomi digital yang semakin berkembang.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

Beberapa langkah telah diambil bagi merapatkan jurang digital dalam koperasi. ANGKASA, sebagai badan induk koperasi, memperkenalkan **MyAngkasa E-Shop**, sebuah platform e-dagang yang membolehkan koperasi memasarkan produk mereka secara dalam talian. Selain itu, SKM turut menyediakan program latihan digitalisasi untuk pemimpin koperasi, termasuk modul pemasaran digital, sistem perakaunan berkomputer, dan aplikasi fintech.

DaKoM 2030 turut menekankan keperluan membangunkan **ekosistem koperasi digital nasional**, dengan tujuan mewujudkan satu rangkaian koperasi berasaskan teknologi, termasuk dalam aspek keanggotaan digital, transaksi tanpa tunai, dan integrasi dengan sistem kewangan moden.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara telah membuktikan bahawa transformasi digital mampu melonjakkan daya saing koperasi.

- **India:** Koperasi Tenuku India (AMUL) menggunakan sistem pembayaran elektronik terus kepada petani, sekaligus meningkatkan ketelusan dan mengurangkan kos transaksi. Melalui digitalisasi, Amul berjaya menjadi jenama tenuku global yang berakar daripada koperasi desa.
- **Finland:** Koperasi peruncitan di Finland menggunakan *Big Data Analytics* untuk memahami pola pembelian anggota dan seterusnya menyesuaikan strategi pemasaran. Dengan itu, koperasi mampu bersaing secara efektif dengan rangkaian pasar raya antarabangsa.
- **Kenya:** *Savings and Credit Cooperative Organizations* (SACCO) telah menggunakan teknologi mudah alih seperti *M-Pesa* untuk menawarkan perkhidmatan kewangan kepada anggota, terutama di kawasan luar bandar. Hal ini menjadikan koperasi lebih inklusif dan relevan dalam ekosistem kewangan digital.

Analisis dan Cadangan

Jurang teknologi dalam gerakan koperasi Malaysia merupakan isu yang mendesak kerana ia menentukan keupayaan koperasi untuk kekal berdaya saing. Beberapa cadangan boleh dirumuskan:

1. **Platform Digital Nasional Koperasi** – membangunkan satu platform bersatu bagi semua koperasi untuk urusan e-dagang, keanggotaan, dan pembayaran, bagi mengelakkan kepelbagaian sistem yang terpisah.
2. **Latihan Digital Inklusif** – mewajibkan kursus digitalisasi asas untuk semua pemimpin koperasi baharu, dengan sokongan modul latihan jarak jauh bagi koperasi luar bandar.
3. **Dana Transformasi Digital Koperasi** – menyediakan insentif khas bagi koperasi kecil untuk membeli perisian, perkakasan, dan perkhidmatan teknologi yang diperlukan.

4. **Kerjasama dengan Teknologi Kewangan (Fintech)** – menggalakkan koperasi bekerjasama dengan Syarikat Fintech tempatan untuk memperkenalkan produk kewangan digital mesra koperasi.

Kesimpulan

Jurang teknologi dan transformasi digital merupakan cabaran besar bagi gerakan koperasi Malaysia. Sekiranya jurang ini tidak ditangani, koperasi kecil akan terus ketinggalan, manakala koperasi besar sahaja yang akan mendapat manfaat daripada ekonomi digital. Dengan sokongan strategi DaKoM 2030, inisiatif IKMA dan ANGKASA, serta inspirasi daripada kejayaan koperasi di India, Finland dan Kenya, koperasi Malaysia boleh bergerak ke arah digitalisasi menyeluruh. Hal ini akan membolehkan koperasi kekal relevan, inklusif, dan berdaya saing dalam era ekonomi moden, selaras dengan aspirasi *Blueprint for a Co-operative Decade*.

AKSES PASARAN DAN DAYA SAING

Pengenalan

Akses pasaran dan daya saing merupakan elemen kritikal yang menentukan keupayaan koperasi untuk berkembang dalam ekosistem ekonomi yang semakin terbuka dan kompetitif. Tanpa akses yang luas kepada pasaran dan strategi untuk bersaing secara efektif, koperasi hanya akan kekal sebagai pemain kecil dalam sektor ekonomi tempatan. Dalam konteks Malaysia, walaupun koperasi telah berkembang dari segi bilangan dan sumbangan ekonomi, majoriti koperasi masih berdepan kesukaran menembusi pasaran yang lebih besar, baik di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) menekankan keperluan koperasi untuk membina daya saing melalui inovasi, digitalisasi, dan integrasi rantai nilai. Sementara itu, *Blueprint for a Co-operative Decade* (ICA) menekankan bahawa koperasi mesti menjadi “pilihan perniagaan yang berdaya saing” dengan menonjolkan kekuatan unik mereka berbanding entiti korporat tradisional.

Isu Akses Pasaran di Malaysia

Banyak koperasi di Malaysia menghadapi cabaran serius untuk menembusi pasaran yang lebih luas. Pertama, koperasi kecil

dan sederhana berdepan kekangan modal untuk memperluas operasi dan pemasaran. Kedua, koperasi kurang jaringan strategik dengan sektor swasta dan kerajaan bagi mendapatkan peluang kontrak perbekalan atau eksport. Ketiga, kekurangan kemahiran pemasaran moden menyebabkan produk koperasi sukar bersaing dari segi kualiti, penjenamaan, dan strategi harga.

Sebagai contoh, koperasi industri kecil yang menghasilkan barangan makanan sukar menembusi pasaran pasar raya besar kerana tidak memenuhi piawaian keselamatan makanan tempatan dan antarabangsa. Begitu juga koperasi pelancongan komuniti yang mempunyai produk menarik tetapi gagal bersaing dengan agensi pelancongan komersial kerana promosi yang terhad.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

Kerajaan dan agensi berkaitan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu koperasi meningkatkan akses pasaran. Antaranya ialah program **Agro Bazaar Koperasi** yang diwujudkan untuk membantu koperasi pertanian memasarkan produk agro mereka secara langsung kepada pengguna. ANGKASA pula memperkenalkan jaringan peruncitan koperasi melalui *BA100* yang memberi peluang kepada koperasi kecil menjual produk mereka di bawah satu jenama.

Selain itu, SKM telah memperkenalkan program **padanan perniagaan** yang membolehkan koperasi terlibat dalam penyediaan perkhidmatan di sekolah, universiti, atau jabatan kerajaan. Walaupun inisiatif ini membuka ruang pasaran, namun masih ramai koperasi kecil yang tidak berdaya saing kerana kekangan modal, teknologi, dan kualiti produk.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara telah membuktikan bahawa koperasi mampu bersaing di pasaran besar melalui strategi inovatif:

- **Jepun:** Koperasi pertanian JA-Zenchu menguasai rantai nilai dari pengeluaran hingga pemasaran, termasuk memiliki rangkaian pasar raya sendiri. Hal ini membolehkan koperasi mengekalkan kawalan terhadap pasaran domestik sambil mengekalkan standard kualiti tinggi.

- **Vietnam:** Koperasi kopi bekerjasama dengan jenama antarabangsa seperti Starbucks, sekali gus membolehkan mereka menembusi pasaran global. Kejayaan ini hasil daripada penggabungan koperasi kecil ke dalam rangkaian eksport bersama.
- **Sepanyol:** *Mondragón Corporation* membuktikan bahawa koperasi boleh menjadi syarikat multinasional berdaya saing melalui diversifikasi produk, penguasaan teknologi, dan jaringan global.

Analisis dan Cadangan

Isu akses pasaran dan daya saing dalam koperasi Malaysia perlu ditangani secara sistematik. Beberapa cadangan boleh dipertimbangkan:

1. **Piawaian Kualiti dan Sijil** – koperasi perlu dibimbing untuk mencapai piawaian antarabangsa (HACCP, Halal, ISO) bagi menembusi pasaran eksport.
2. **Jaringan Strategik** – menggalakkan koperasi membina perkongsian dengan syarikat swasta, GLC, dan koperasi antarabangsa untuk mengakses pasaran baharu.
3. **Pusat Pemasaran Koperasi Nasional** – menubuhkan pusat sehati yang menguruskan logistik, penjenamaan, dan eksport produk koperasi.
4. **Penggunaan Platform Digital** – koperasi perlu menguasai e-dagang, media sosial, dan pemasaran digital bagi meningkatkan capaian pasaran secara kos efektif.
5. **Dana Daya Saing Koperasi** – kerajaan boleh memperkenalkan dana khas untuk membantu koperasi meningkatkan kualiti produk, inovasi, dan pengembangan pasaran.

Kesimpulan

Kegagalan koperasi menguasai akses pasaran dan daya saing akan menyebabkan koperasi terus berada di pinggir arus ekonomi. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di Malaysia, masih terdapat jurang ketara yang perlu diatasi melalui strategi piawaian kualiti, inovasi produk, digitalisasi, dan jaringan strategik. Inspirasi daripada kejayaan koperasi Jepun, Vietnam, dan Sepanyol membuktikan bahawa koperasi mampu berkembang menjadi pemain utama dalam pasaran global jika

disokong oleh dasar yang jelas dan pengurusan yang profesional. Hal ini seiring dengan aspirasi DaKoM 2030 dan *Blueprint ICA* untuk menjadikan koperasi sebagai pilihan perniagaan yang inklusif, berdaya saing, dan mampan.

KELEMAHAN KERJASAMA RENTAS KOPERASI

Pengenalan

Prinsip ke-6 koperasi, iaitu Kerjasama Antara Koperasi (*Co-operation Among Co-operatives*), menekankan pentingnya kolaborasi dalam memperkukuh kekuatan gerakan koperasi. Melalui kerjasama, koperasi dapat berkongsi sumber, membina jaringan, dan mengembangkan pasaran secara lebih berkesan. Namun, di Malaysia, tahap kerjasama rentas koperasi masih rendah, terutama antara koperasi kecil dan koperasi besar. Hal ini menyebabkan koperasi sering beroperasi secara bersendirian, dengan daya saing yang lemah berbanding syarikat komersial.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) menegaskan perlunya koperasi membina rangkaian strategik rentas sektor, manakala *Blueprint for a Co-operative Decade* (ICA) menyifatkan kolaborasi antara koperasi sebagai prasyarat penting untuk menjadikan koperasi sebagai model perniagaan utama di peringkat global.

Isu Kerjasama Rentas Koperasi di Malaysia

Kelemahan kerjasama antara koperasi di Malaysia berpunca daripada beberapa faktor. Pertama, wujudnya sikap individualistik, di mana koperasi lebih cenderung menumpukan pada kepentingan sendiri tanpa melihat potensi sinergi dengan koperasi lain. Kedua, terdapat kekurangan mekanisme rasmi yang menggalakkan perkongsian sumber atau projek bersama. Ketiga, wujud jurang kepercayaan antara koperasi besar dengan koperasi kecil, yang sering dianggap tidak berupaya mengekalkan komitmen dalam kerjasama jangka panjang.

Sebagai contoh, koperasi pelancongan komuniti sukar mendapatkan akses pasaran antarabangsa kerana tidak berhubung dengan koperasi perhotelan atau koperasi pengangkutan. Begitu juga, koperasi agro yang menghasilkan produk pertanian tidak berjaya menembusi pasar raya koperasi kerana tiada sistem penghubung yang kukuh. Akibatnya, potensi rangkaian nilai koperasi gagal dimanfaatkan sepenuhnya.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

ANGKASA telah berusaha menggalakkan kerjasama rentas koperasi melalui pelbagai inisiatif, antaranya penubuhan **Konsortium Koperasi** dalam sektor tertentu seperti peruncitan, pelancongan, dan pertanian. Program ini bertujuan mengumpulkan koperasi kecil di bawah satu entiti payung untuk meningkatkan skala ekonomi dan akses pasaran.

Selain itu, SKM turut melaksanakan program **Federasi Koperasi** yang menghubungkan koperasi mengikut bidang seperti agro, kredit, dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kejayaan program ini masih terhad kerana tidak semua koperasi bersedia berkongsi kuasa atau sumber.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara telah menunjukkan keberkesanan kerjasama rentas koperasi:

- **Sepanyol:** Mondragón Corporation menggabungkan lebih 90 koperasi dalam pelbagai sektor (pembuatan, kewangan, pendidikan) di bawah satu struktur korporat. Kolaborasi ini membolehkan mereka berkembang menjadi syarikat multinasional dengan daya saing global.
- **Korea Selatan:** Koperasi kredit di Korea Selatan diwajibkan untuk menyertai rangkaian perkhidmatan kewangan bersama, yang membolehkan mereka berkongsi sistem teknologi, insurans, dan latihan.
- **Kanada:** *Federated Co-operatives Limited* menghimpunkan koperasi runcit di seluruh negara, sekali gus membolehkan mereka bersaing dengan gergasi peruncitan melalui strategi pembelian pukal, jenama bersama, dan logistik terpusat.

Analisis dan Cadangan

Kerjasama rentas koperasi di Malaysia masih berada di tahap permulaan, dan memerlukan reformasi lebih menyeluruh. Beberapa cadangan boleh dipertimbangkan:

1. **Pengukuhan Konsortium Nasional** – membentuk konsortium koperasi di peringkat nasional dengan bidang fokus tertentu (contoh: koperasi makanan halal, koperasi pelancongan ekologi).
2. **Insentif Kerjasama** – kerajaan boleh memberikan insentif kewangan atau potongan cukai kepada koperasi yang terlibat dalam projek kolaboratif berskala besar.

3. **Platform Digital Jaringan Koperasi** – mewujudkan aplikasi nasional untuk memudahkan koperasi mencari rakan kerjasama, berkongsi sumber, dan membina rangkaian projek bersama.
4. **Mentorship oleh Koperasi Besar** – koperasi besar seperti Bank Rakyat atau ANGKASA boleh berperanan sebagai mentor kepada koperasi kecil dalam program pembangunan kapasiti.

Kesimpulan

Kelemahan kerjasama rentas koperasi menghalang koperasi Malaysia daripada mencapai potensi sebenar mereka. Dengan memanfaatkan prinsip *Co-operation Among Co-operatives*, koperasi berpeluang membina ekosistem yang lebih kukuh, inklusif, dan berdaya saing. Pengalaman Mondragón, Korea Selatan, dan Kanada membuktikan bahawa kolaborasi mampu menjadikan koperasi sebagai pemain utama dalam pasaran global. Seiring dengan DaKoM 2030 dan Blueprint ICA, koperasi Malaysia perlu memperkukuh budaya kerjasama rentas sektor untuk memastikan kelestarian dan daya saing jangka panjang.

KEKANGAN PERUNDANGAN DAN DASAR SEDIA ADA

Pengenalan

Rangka perundangan dan dasar merupakan asas yang menentukan hala tuju serta keberkesanan pembangunan koperasi. Undang-undang koperasi berfungsi sebagai kerangka kawal selia untuk memastikan tadbir urus, ketelusan, dan perlindungan hak anggota, manakala dasar koperasi memberi arah strategik terhadap pembangunan sektor ini. Namun, di Malaysia, beberapa kekangan dalam aspek perundangan dan dasar telah menjejaskan keberkesanan koperasi untuk berkembang dengan lebih dinamik dan berdaya saing.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) telah mengiktiraf keperluan menambah baik ekosistem kawal selia koperasi agar lebih responsif terhadap cabaran semasa. Sementara itu, *Blueprint for a Co-operative Decade* (ICA) menegaskan bahawa koperasi memerlukan persekitaran dasar dan undang-undang yang kondusif bagi menyokong inovasi, pelaburan, dan pembangunan jangka panjang.

Isu Perundangan dan Dasar di Malaysia

Terdapat beberapa isu utama dalam rangka perundangan dan dasar koperasi di Malaysia.

1. **Peraturan yang Kaku** – Sesetengah peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 dianggap kurang fleksibel, terutama dalam konteks membolehkan koperasi terlibat dalam pelaburan berskala besar atau projek berisiko tinggi. Keterikatan kepada peraturan tertentu menghadkan koperasi daripada bergerak seiring dengan inovasi perniagaan moden.
2. **Tumpang Tindih Dasar** – Terdapat dasar berkaitan koperasi yang bertindih dengan dasar lain, contohnya dalam sektor pertanian, perumahan, dan kewangan. Hal ini menyebabkan kekeliruan serta kelewatan dalam proses kelulusan projek koperasi.
3. **Birokrasi Kawal Selia** – Proses pendaftaran, kelulusan projek, dan pemantauan koperasi masih memerlukan masa yang panjang, menyebabkan koperasi sukar bertindak pantas dalam menangani peluang pasaran.
4. **Kekangan dalam Akses Kewangan** – Walaupun koperasi dibenarkan mendapatkan pembiayaan, mereka sering berdepan halangan dari sudut jaminan, risiko kredit, dan ketidakserasian dengan sistem kewangan arus perdana.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

Kerajaan melalui SKM telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan. Antaranya, pindaan terhadap Akta Koperasi 1993 pada tahun-tahun terdahulu bagi memperkukuh tadbir urus dan memberi ruang koperasi terlibat dalam aktiviti pelaburan yang lebih pelbagai.

DaKoM 2030 turut menekankan keperluan untuk mewujudkan **ekosistem dasar yang mesra koperasi**, termasuk mempercepatkan proses kelulusan projek, mengurangkan birokrasi, dan menggalakkan koperasi terlibat dalam sektor berimpak tinggi seperti ekonomi digital, tenaga boleh diperbaharui, dan pelancongan.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara telah melaksanakan reformasi perundangan koperasi yang berjaya mengangkat daya saing sektor ini:

- **Kanada:** Rangka kerja undang-undang koperasi di Kanada memberi fleksibiliti kepada koperasi untuk beroperasi seperti syarikat korporat, termasuk mengeluarkan bon koperasi sebagai instrumen kewangan.
- **Itali:** Perundangan koperasi di Itali memberi insentif cukai kepada koperasi sosial dan koperasi pekerja, yang menggalakkan penglibatan koperasi dalam sektor perkhidmatan awam dan kebajikan.
- **Kenya:** Kerajaan Kenya menubuhkan *Sacco Societies Regulatory Authority (SASRA)* khusus untuk memantau koperasi kredit. Pendekatan ini meningkatkan tahap ketelusan dan keyakinan anggota terhadap koperasi kewangan.

Analisis dan Cadangan

Kekangan perundangan dan dasar di Malaysia perlu ditangani secara komprehensif agar koperasi mampu berkembang dalam ekosistem yang lebih kondusif. Beberapa cadangan boleh dipertimbangkan:

1. **Pindaan Progresif Akta Koperasi** – memperbaharui peruntukan undang-undang supaya lebih fleksibel dalam menyokong inovasi dan pelaburan koperasi, tanpa menjejaskan prinsip tadbir urus.
2. **Harmonisasi Dasar** – menyelaraskan dasar koperasi dengan dasar nasional lain, terutama dalam sektor pertanian, perumahan, dan tenaga, bagi mengelakkan pertindihan dan birokrasi.
3. **Sistem Kawal Selia Digital** – mewujudkan sistem pendaftaran dan kelulusan projek koperasi secara dalam talian yang pantas dan telus.
4. **Insentif Kewangan dan Cukai** – memperkenalkan skim insentif cukai atau dana khas bagi koperasi yang terlibat dalam sektor strategik selaras dengan aspirasi negara.

Kesimpulan

Kekangan perundangan dan dasar sedia ada merupakan halangan besar kepada pembangunan koperasi di Malaysia. Walaupun usaha penambahbaikan telah dijalankan, masih banyak ruang untuk meningkatkan fleksibiliti, kecekapan,

dan responsif sistem kawal selia. Pengalaman Kanada, Itali, dan Kenya membuktikan bahawa rangka perundangan yang progresif dan dasar yang kondusif mampu menjadikan koperasi sebagai enjin penting pembangunan ekonomi. Seiring dengan aspirasi DaKoM 2030 dan *Blueprint ICA*, reformasi undang-undang koperasi di Malaysia perlu diberi keutamaan bagi memastikan gerakan koperasi terus berkembang sebagai model ekonomi rakyat yang inklusif, inovatif, dan mampan.

KEKURANGAN DATA DAN PENYELIDIKAN UNTUK DASAR BERASASKAN BUKTI

Pengenalan

Data yang tepat, lengkap, dan seragam adalah prasyarat penting bagi pembangunan dasar koperasi berasaskan bukti (*evidence-based policy*). Dalam ekosistem koperasi, data tidak sekadar merangkumi jumlah koperasi, anggota, syer, dan perolehan, tetapi juga melibatkan dimensi lain seperti impak sosial, integrasi teknologi, dan sumbangan terhadap kesejahteraan komuniti. Namun, salah satu isu struktural dalam gerakan koperasi di Malaysia ialah kekurangan sistem data yang bersepadu, terstandard, dan boleh dibandingkan dengan amalan antarabangsa.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) mengiktiraf keperluan mewujudkan sistem pangkalan data koperasi yang lebih moden dan mesra analisis, manakala *Blueprint for a Co-operative Decade* (ICA) menegaskan bahawa koperasi mesti mempunyai mekanisme pengukuran impak yang telus dan boleh dipercayai. Dalam konteks ini, pelaksanaan *International Standard Industrial Classification* (ISIC) – khususnya *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) – amat penting sebagai asas bagi pengumpulan, penyimpanan, dan pelaporan data koperasi secara seragam.

Isu Data dan Penyelidikan di Malaysia

Terdapat beberapa isu besar dalam pengurusan data koperasi di Malaysia.

1. **Ketiadaan Klasifikasi Seragam** – Walaupun koperasi disenaraikan mengikut sektor (contoh: kredit, pengguna, perkhidmatan, pertanian), klasifikasi ini tidak selaras dengan piawaian antarabangsa seperti ISIC atau MSIC.

Hal ini menyukarkan perbandingan data koperasi dengan sektor ekonomi lain di Malaysia, serta dengan koperasi di luar negara.

2. **Ketidaklengkapan Laporan** – Banyak koperasi, terutamanya koperasi kecil, gagal menghantar laporan tahunan lengkap atau hanya melaporkan angka asas. Data seperti produktiviti tenaga kerja, eksport, inovasi digital, dan impak sosial sering tidak dilaporkan.
3. **Penyimpanan Data Terpecah** – Data koperasi kini tersimpan dalam pelbagai sistem (SKM, ANGKASA, IKMa), tanpa integrasi penuh. Keadaan ini menimbulkan cabaran dari segi konsistensi, kebolehpercayaan, dan kegunaan data untuk dasar.
4. **Kekurangan Penyelidikan Empirik** – Universiti dan pusat penyelidikan kurang menjalankan kajian berasaskan data koperasi kerana akses terhad, sekali gus melemahkan bukti saintifik bagi merumuskan dasar.

Keperluan Standard Industrial Classification (MSIC)

Penggunaan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) adalah sangat penting dalam konteks koperasi. MSIC, yang diselaraskan dengan *International Standard Industrial Classification* (ISIC) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menyediakan kerangka klasifikasi ekonomi seragam bagi semua jenis perniagaan termasuk koperasi.

- **Keperluan:** Dengan mengklasifikasikan koperasi mengikut MSIC, data koperasi dapat dibandingkan dengan sektor swasta lain, sekali gus menunjukkan sumbangan sebenar koperasi dalam KDNK, penciptaan pekerjaan, dan eksport. Ini juga meningkatkan kredibiliti data koperasi di peringkat global.
- **Pelaksanaan:** Sebagai contoh, koperasi pertanian boleh dikelaskan di bawah MSIC kod A01 (Pertanian, Perhutanan dan Perikanan), manakala koperasi kredit boleh diletakkan di bawah K64 (Aktiviti Perkhidmatan Kewangan). Dengan pendekatan ini, laporan koperasi akan seragam dengan laporan ekonomi negara, memudahkan analisis sektor.

Usaha Penambahbaikan di Malaysia

SKM telah memperkenalkan sistem **INFOKOP** untuk mengumpul data digital koperasi, namun masih terbatas kepada aspek kewangan asas. DaKoM 2030 mencadangkan pembentukan **Pusat Data Koperasi Nasional** yang lebih komprehensif, termasuk integrasi MSIC sebagai asas pengelasan data.

Sebagai langkah awal, sebahagian koperasi yang terlibat dalam bidang agro dan peruncitan telah mula dipadankan dengan klasifikasi MSIC, namun pelaksanaan masih belum menyeluruh. Keperluan ini mendesak kerana hanya melalui standardisasi klasifikasi, koperasi dapat diiktiraf setara dengan entiti perniagaan lain dalam statistik rasmi negara.

Adaptasi dan Amalan Terbaik Negara Luar

Beberapa negara telah berjaya menggunakan standard klasifikasi industri dalam pengurusan data koperasi:

- **Kanada:** Data koperasi dimasukkan terus dalam *North American Industry Classification System (NAICS)*, membolehkan perbandingan koperasi dengan syarikat swasta.
- **India:** Koperasi pertanian dan susu dikategorikan mengikut *National Industrial Classification (NIC)*, yang memudahkan integrasi dalam laporan ekonomi nasional.
- **Kesatuan Eropah:** Statistik koperasi diintegrasikan dengan *NACE (Statistical Classification of Economic Activities in the European Community)*, menjadikan koperasi sebahagian daripada kerangka data ekonomi rasmi EU.

Analisis dan Cadangan

Bagi memastikan data koperasi Malaysia boleh dipercayai, lengkap, dan relevan dengan piawaian antarabangsa, beberapa cadangan perlu dipertimbangkan:

1. **Integrasi MSIC dalam Sistem Data Koperasi** – semua koperasi perlu diklasifikasikan mengikut kod MSIC semasa pendaftaran dan pelaporan tahunan.
2. **Standardisasi Laporan Tahunan** – laporan koperasi perlu melebihi angka kewangan asas dengan merangkumi produktiviti, impak sosial, penggunaan teknologi, dan eksport.

3. **Pusat Data Nasional Bersepadu** – menubuhkan pangkalan data koperasi bersepadu yang boleh diakses oleh SKM, ANGKASA, universiti, dan penyelidik.
4. **Kerjasama Akademik** – memperkukuh hubungan dengan universiti melalui geran penyelidikan berasaskan data koperasi yang diklasifikasikan mengikut MSIC.
5. **Benchmark Antarabangsa** – mengharmonikan data koperasi dengan ISIC agar Malaysia dapat melaporkan statistik koperasi dalam forum global ICA atau ILO.

Kesimpulan

